

**APLIKASI AKAD AL-MUDARABAH DI BANK ACEH SYARIAH,
INDONESIA**

MUHAMMAD RIZA

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**APLIKASI AKAD AL-MUDARABAH DI BANK ACEH
SYARIAH, INDONESIA**

MUHAMMAD RIZA

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**APLIKASI AKAD AL-MUDARABAH DI BANK ACEH
SYARIAH, INDONESIA**

MUHAMMAD RIZA

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan tentang konsep akad *al-Muḍārabah* seperti yang dibincangkan oleh ulama dalam kitab fiqh klasik dan moden. Kajian ini juga bertujuan menganalisis aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit di Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia. Maklumat dan data dikumpulkan menggunakan metode perpustakaan, dokumentasi, temubual dan historis. Maklumat dan data yang diperolehi di analisis menggunakan metod deduktif dan metod induktif. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa akad *al-Muḍārabah* adalah akad perkongsian antara pemilik dana (*Ṣāhib al-Māl*) dan bank (*al-Muḍārib*) untuk mendapatkan keuntungan yang halal. Keuntungan dari pelaburan tersebut akan dikongsi oleh dua belah pihak berdasarkan persetujuan di awal akad dengan menggunakan pendekatan perkongsian pendapatan (*Revenue Sharing*). Selain itu, hasil dari kajian ini ialah mekanisme perkhidmatan dan produk deposit *al-Muḍārabah* yang diaplikasikan oleh Bank Aceh Syariah secara amnya bersesuaian dengan prinsip Syarak dan selari dengan konsep fiqh muamalah klasik dan moden.

ABSTRACT

This dissertation discusses the concept of *al-Muḍārabah* contract as how the Islamic scholars discuss in the classical and modern Islamic jurisprudence text. The aim of this research is to analyze the application of *al-Muḍārabah* contract in the products deposit in Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh, Indonesia. The data and information were collected using the literature, documentation, interview and historical methods. The information and data obtained were analyzed by using the deductive and inductive methods. The result of this research shows the *al-Muḍārabah* contract is a shared contract between the share holder (*Ṣāhib al-Māl*) and the bank (*al-Muḍārib*) to earn a Halal profit. The profit earned from the investment will be shared between the two parties based on the agreement in the beginning of the contract by using the revenue sharing approach. Other than that, the outcomes of this research is the mechanism of services and *al-Muḍārabah* product deposit that been applied by the Bank Aceh Syariah in general that suits the Shariah principle in accordance to the concept of classical and modern fiqh muamalat.

PENGHARGAAN



Alaḥmdulillāhi Rabb al-Ālamīn, segala puji dan syukur penulis ucapkan ke hadirat Allah SWT kerana hanya atas hidayah-Nya penyusunan disertasi ini telah dapat diselesaikan. Tidak lupa selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat yang telah menghantarkan manusia dari alam yang jahil ke alam yang penuh ilmu pengetahuan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Prof. Dr. Joni Tamkin Bin Borhan selaku Penyelia atas tujuk ajar, dorongan, serta meluangkan masa memberikan bimbingan, saranan, pandangan, kesungguhan dan kesabaran beliau dalam membimbing dan mengarahkan penulis walaupun kesibukan beliau yang sangat padat, dan akhirnya penulis dapat menyempurnakan disertasi ini yang bertajuk **“Aplikasi Akad al-Mudarabah di Bank Aceh Syariah, Indonesia.”** Semoga Allah SWT sahaja yang layak membalasnya dengan sebaik-baik ganjaran.

Penghargaan diucapkan juga kepada para pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, atas kursus dan bimbingan yang diberikan kepada penulis. Ribuan terima kasih juga kepada Ketua Jabatan, staf pentadbiran Jabatan Syariah dan Ekonomi, rakan-rakan mahasiswa pada Jabatan Syariah dan Ekonomi dan seluruh kakitangan akademik Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya atas segala sokongan yang diberikan.

Penulis juga mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya kepada Kerajaan Aceh, yang telah memberikan pelbagai kemudahan dan sokongan untuk

melaksanakan tugas belajar mengikuti pendidikan pada program pascasiswazah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUM, Kuala Lumpur.

Selanjutnya terima kasih sebanyak-banyaknya kepada pengurus Bank Aceh Syariah khasnya Ketua dan staf Bank Aceh Syariah, Langsa yang telah meluangkan masa untuk bertemubual dengan penulis dan membantu penulis dalam memperolehi data sehingga penulisan disertasi menjadi sempurna dan lengkap.

Terima kasih kepada yang dikasihi ayahanda Allahyarham Muhammad Yusuf Amin, ibunda Rohani Harun, adik, kakak, abang dan kepada seluruh ahli keluarga atas segala pengorbanan dalam membesarkan dan mendidik penulis hingga dapat meneruskan pengajian ke peringkat ini. Kepada isteri tersayang Nurul Fadhilah Musa, S.Pd.I yang selalu sabar dalam penantian, telah banyak memberikan sokongan masa, semangat dan do'a kepada penulis. Semoga Allah SWT menjadikan keluarga kita keluarga yang bahagia dan yang memperoleh kejayaan dunia dan akhirat.

Akhirnya, penulis sedar bahawa disertasi ini masih banyak terdapat pelbagai kekurangan, untuk itu saranan dan kritikan yang konstruktif sangat penulis harapkan untuk kesempurnaannya, semoga disertasi ini dapat bermanfaat bagi penulis sendiri dan bagi semua pihak. Semoga kajian ini beroleh redha, rahmat dan berkat daripada Allah SWT dan dapat dimanfaatkan untuk kebaikan bersama.

Sekian wasalam,

Kuala Lumpur, 8 Februari 2015

Muhammad Riza

Jl. Syiah Kuala No.03, Gampong Jawa Muka II, Kota Langsa, Aceh.
Jl. Pasi Lhok No. 9, Aron Asan Kumbang, Kembang Tanjong, Pidie, Aceh.
m.rizayusuf@gmail.com

JADUAL TRANSLITERASI

A. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا,ء	a,ʾ
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	Ḥ
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ṣ
ض	Ḍ

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ط	Ṭ
ظ	ẓ
ع	ʿ
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	h,t

B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَ (Fathah)	A	قَتَّ	<i>Qanata</i>
ـِ (Kasrah)	I	سَلِمَ	<i>Salima</i>
ـُ (Dammah)	U	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	Ā	كُبْرَى / بَابْ	<i>bāb / kubrā</i>
ي	Ī	وَكِيلٌ	<i>Wakīl</i>
و	Ū	سُورَةٌ	<i>Sūrah</i>

C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَـ وَـ	Aw	قَوْلٌ	<i>Qawl</i>
اَـ يَـ	Ay	خَيْرٌ	<i>Khayr</i>
اُـ وَـ	Uww	قُوَّةٌ	<i>Quwwah</i>
اَـ يَـ	iy/ī	عَرَبِيٌّ	<i>'Arabiy/ī</i>

SENARAI KEPENDEKAN DAN ISTILAH

APIUM	: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
ATM	: <i>Automatic Teller Machine</i>
BI	: Bank Indonesia
BMI	: Bank Muamalat Indonesia
BNI	: Bank Negara Indonesia
BPD	: Bank Pembangunan Daerah
c.	: Cetakan
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
DPS	: Dewan Penasehat Syariah
DSN	: Dewan Syariah Nasional
<i>et al.</i>	: <i>Et alii</i>
GBI	: Gabenor Bank Indonesia
<i>Gharār</i>	: Penipuan
<i>Ibid.</i>	: <i>Ibidem</i>
<i>Ijmā'</i>	: Kata sepakat para ulama
j.	: Jilid
Kemitraan	: Pelanggan
KK	: Kartu Keluarga
KTP	: Kartu Tanda Penduduk
<i>Muḍārabah</i>	: Persengkongsian antara pemodal dan pengusaha
<i>Muḍārib</i>	: Pentadbir
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
MUNAS	: Musyawarah Nasional

No.	: Nombor
Pakto	: Paket Kententuan Oktober
PER	: Pemberdayaan Ekonomi Rakyat
PERDA	: Peraturan Daerah
PP	: Peraturan Pemerintah
Qanun	: Peraturan Daerah
RA	: <i>Raḍiallāhu ‘Anhu</i>
RP	: Rupiah
<i>Ṣāhib al-Māl</i>	: Pemilik Modal
SAW	: Ṣallallāhu Alaihi Wasalam
SH	: Sarjana Hukum
Surat Keputusan	: Pengesahan
SWT	: <i>Subhanahuwa ta’ālā</i>
t.p.	: Tanpa penerbit
t.t.	: Tanpa tahun
t.t.p.	: Tanpa tempat penerbit
Tabungan	: Deposit
<i>Tatawwu’</i>	: Saling membantu
<i>terj.</i>	: Terjemah
WNI	: Warga Negara Indonesia

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Jadual Transliterasi	viii
Senarai Kependekan dan Istilah	x
Senarai Kandungan	xii
Senarai Jadual	xvi
Senarai Rajah	xvii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Metodologi Kajian	9
1.8.1 Metodologi Pengumpulan Data	9
1.8.2 Metodologi Analisis Data	12
1.9 Ulasan Kajian Lepas	13
1.10 Sistematika Penulisan	21

BAB DUA

KONSEP AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DAN PELABURAN DALAM ISLAM

2.1	Pengenalan	23
2.2	Definisi <i>Al-MuḌārabah</i>	27
2.3	Dalil Keharusan <i>al-MuḌārabah</i>	29
2.4	Rukun <i>al-MuḌārabah</i>	34
2.5	Syarat <i>al-MuḌārabah</i>	35
2.6	Jenis-jenis <i>al-MuḌārabah</i>	36
2.6.1	<i>Al-MuḌārabah al-Muṭlaqah</i>	36
2.6.2	<i>Al-MuḌārabah al-Muqayyadah</i>	37
2.7	Risiko Akad <i>al-MuḌārabah</i>	37
2.8	Pelaburan <i>al-MuḌārabah</i>	38
2.9	Etika Pelaburan <i>al-MuḌārabah</i>	42
2.10	Dalil Pensyariatan Pelaburan <i>al-MuḌārabah</i>	44
2.11	Pelaburan Konvensional	48
2.12	Perbezaan Antara Transaksi Akad <i>Al-MuḌārabah</i> dan Transaksi Pelaburan Konvensional	49
2.13	Kesimpulan	51

BAB TIGA

PROFIL BANK ACEH SYARIAH DAN APLIKASI AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DALAM PRODUK DEPOSIT DI BANK ACEH SYARIAH, ACEH, INDONESIA

3.1	Pengenalan	52
-----	------------	----

3.2	Sejarah Penubuhan Bank Aceh Syariah	52
3.2.1	Visi Bank Aceh Syariah	56
3.2.2	Misi Bank Aceh Syariah	56
3.2.3	Moto Bank Aceh Syariah	56
3.3	Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia	57
3.4	Aplikasi Akad Deposit <i>al-Muḍārabah</i> Di Bank Aceh Syariah, Indonesia	60
3.4.1	Akaun Deposit <i>al-Muḍārabah</i> (Tabungan Firdaus)	60
3.4.2	Akaun Deposit Semasa <i>al-Muḍārabah</i> (Tabungan Deposito <i>al-Muḍārabah</i>)	64
3.4.3	Akaun Deposit Masyarakat (Tabungan Tabunganku Syariah)	67
3.4.4	Akaun Deposit Khas (Tabungan Sahara)	69
3.5	Peruntukan Dana Deposit <i>al-Muḍārabah</i> Pada Bank Aceh Syariah, Aceh	70
3.6	Fatwa-fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Aplikasi Akad <i>al-Muḍārabah</i> Pada Bank Aceh Syariah	72
3.6.1	Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Deposit	73
3.6.2	Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Deposit Semasa	74
3.6.3	Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Prinsip Pengagihan Keuntungan	75
3.7	Kesimpulan	79

BAB EMPAT

ANALISIS APLIKASI AKAD *AL- MUḍĀRABAH* DI BANK ACEH SYARIAH, ACEH, INDONESIA

4.1	Pengenalan	80
-----	------------	----

4.2	Analisis Kedudukan Deposit <i>al-Muḍārabah</i> Pada Bank Aceh Syariah, Aceh	81
4.3	Analisis Peruntukan Dana <i>al-Muḍārabah</i> Yang Dijalankan Di Bank Aceh Syariah, Aceh	84
4.4	Analisis Pelaksanaan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Dari Segi Akad <i>Al-Muḍārabah</i> Di Bank Aceh Syariah, Aceh	86
4.5	Analisis Sistem Transaksi Pelaburan <i>al-Muḍārabah</i> Yang Diamalkan Oleh Bank Aceh Syariah, Aceh	89
4.6	Analisis Sistem Pengagihan Keuntungan Pada Deposit <i>al-Muḍārabah</i> Pada Bank Aceh Syariah, Aceh	92
4.7	Kesimpulan	97

BAB LIMA KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	99
5.2	Cadangan	101
	Bibliografi	103

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk Jadual	
Jadual 3.1 :	Peruntukan Dana Deposit <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia Untuk Tempoh Tiga Tahun (2010-2012)	70
Judual 4.1 :	Jumlah Dana Pelabur Deposit <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Aceh Syariah Untuk Tempoh Tiga Tahun (2010-2012)	81
Jadual 4.2 :	Peruntukan Dana Deposit <i>al-Muḍārabah</i> yang Dijalankan di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia	84

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk Rajah	
Rajah 3.1	Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh, Indonesia	58
Rajah 3.2	Jumlah Deposit <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Aceh Syariah Tahun 2010-2012	61
Rajah 3.3	Jumlah Deposit Semasa <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Aceh Syariah Tahun 2010-2012	64
Rajah 3.4	Peruntukan Dana Deposit <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia	71
Rajah 4.1	Peningkatan Deposit di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia	83
Rajah 4.2	Peningkatan Peruntukan Dana <i>al-Muḍārabah</i> Yang Dijalankan di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia	85
Rajah 4.3	Aliran Wang Akaun Deposit <i>al-Muḍārabah</i> dan Akaun Semasa <i>al-Muḍārabah</i> Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia	89

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Penubuhan Banco Della Pizza di Rialto, Venice pada tahun 1587 dianggap sebagai titik permulaan perkembangan bank moden. Di England, bank konvensional moden dianggap tidak wujud sebelum tahun 1640. Bank of England hanya ditubuhkan pada tahun 1694. Bagi bank Islam di zaman moden pula, sejarah penubuhannya hanya bermula apabila tertubuhnya Mit Ghamr Local Savings Bank di Mesir pada tahun 1963.¹

Penubuhan bank Islam bukan sahaja terhad di Negara Islam, malah turut didapati di Negara bukan Islam. Sebagai contoh, The Islamic Banking System International Holding yang ditubuhkan di Luxemburg pada tahun 1978. Bank Islam ini merupakan institusi kewangan Islam pertama di Negara barat. Kemudian diikuti dengan *Dār al-Māl al-Islāmī* yang ditubuhkan di Switzerland pada tahun 1981. Di samping itu, bank-bank di Negara barat mula menawarkan sijil-sijil pelaburan berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* seperti Kleinworth Benson, England yang telah menawarkan *Islamic Unit Trust* pada tahun 1986 dan The Union Bank of Switzerland yang menawarkan *Islamic Investment Fund*.²

Di Indonesia, Bank Syariah pertama ditubuhkan adalah Bank Muamalat Indonesia (BMI). Ia merupakan bank yang pertama menjalankan sistem perbankan yang

¹ Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996), 3.

² *Ibid.*

berdasarkan prinsip *al-Muḍārabah* dengan menjalankan sistem perkongsian untung rugi dalam pelaksanaannya.³ Ini bersesuaian dengan Undang Undang (UU) No. 7 tahun 1992 dan undang-undang No. 14 tahun 1967 yang menyatakan bahawa bank Islam ialah bank yang bertindak sebagai pengumpul dana daripada masyarakat dalam bentuk deposit *al-Muḍārabah* ataupun dalam bentuk pelaburan *al-Muḍārabah*.⁴

Oleh demikian, konsep akad *al-Muḍārabah* merupakan sebuah *waṣilah* yang sihat untuk mengembangkan modal ataupun harta berdasarkan asas penggunaan harta dalam Islam,⁵ iaitu dengan kaedah perbelanjaan. Manakala cara selanjutnya ialah simpanan dan dilaburkan untuk kegunaan pada masa hadapan bagi tujuan melanjutkan pelajaran, berlaku kecemasan dan sebagainya. Islam mengharuskan harta kekayaan disimpan dan dilaburkan dengan menggunakan prinsip *al-Muḍārabah* dalam kegiatan ekonomi. Islam amat menggalakkan umatnya berusaha mengumpul dan menambah harta kekayaan demi kesejahteraan hidup dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam.

Matlamat utama daripada kegiatan ekonomi ini ialah untuk memenuhi keperluan zahir dan batin. Ia tidak sekadar untuk mencapai keuntungan maksimum bagi individu, ia lebih berbentuk *maṣlāḥah* ‘amah. Kegiatan ekonomi dalam Islam juga tidak menerima pendekatan riba dan sentiasa menjalankan sistem perkongsian untung dan rugi (*profit and loss sharing*) dengan memakai pelbagai instrumen yang ditawarkan oleh Islam seperti *al-Muḍārabah*, *al-Mushārah*, *al-Waḍī‘ah* dan lainnya.⁶

³ “Profil Bank Muamalat,” laman sesawang *Bank Muamalat Indonesia*, dicapai 9 Januari 2015, <http://www.bankmuamalat.co.id/tentang/profil-muamalat>.

⁴ Zainul Arifin, *Dasar-dasar Manajemen Bank Syariah* (Jakarta: Alvabet, 2002), 7.

⁵ Mustafa Haji Daud, *Pemikiran Politik dan Ekonomi Al-Maududi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 93.

⁶ Ghafarullahuddin Din *et al.*, *Ekonomi Islam: Kertas Kerja Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam III* (Selangor: Asni Sdn. Bhd., 2000), 33.

Dalam menjalankan akad *al-Muḍārabah*, Islam menuntut interaksi antara masyarakat dan bank bersesuaian dengan nilai dasar Islam yang *rahmatan li al-ālamīn*. Selain itu, penerapan adab kerjasama (*ta'āwun*), pengurusan yang profesional (*ri'āyah*) dan tanggung jawab (*mas'uliyah*) serta usaha bersama-sama amatlah dianjurkan. Dalam menjalankan kegiatan ekonomi, Islam telah menetapkan syarat-syarat dalam pelaksanaannya seperti, niat, selaras dengan syarak, berwaspada daripada sifat keji dan lainnya.⁷ Ini bertujuan untuk mencapai kehidupan *al-Falāḥ*⁸ serta untuk mencapai kesejahteraan dan kemenangan di dunia dan akhirat.⁹

1.2 LATAR BELAKANG

Isu mengenai perbankan Islam di Indonesia bermula pada tahun 1988 ketika kerajaan Indonesia mengeluarkan Paket Kententuan Oktober (Pakto) yang mengandungi liberalisasi industri perbankan. Para Ulama ketika itu berusaha untuk menubuhkan perbankan Islam, namun tidak ada landasan undang-undang yang dapat dirujuk. Setelah pelaksanaan Musyawarah Nasional (MUNAS) V pada 19 Ogos 1990, Majelis Ulama Indonesia (MUI)¹⁰ membentuk kumpulan kerja untuk menubuhkan bank Islam di Indonesia. Akhirnya, pada 1 November 1990 Bank Muamalat Indonesia (BMI) secara rasmi ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Mei 1992 dengan jumlah modal awal sebanyak Rp 106.126.382.000.¹¹

⁷ *Ibid.*, 53-55.

⁸ Joni Tamkin Borhan, "Metodologi Ekonomi Islam: Suatu Analisis Perbandingan," *Jurnal Usuluddin*, 15 (2002), 74.

⁹ Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 27.

¹⁰ Majelis Ulama Indonesia (MUI) ditubuhkan di Jakarta pada 7 Ra'jab 1395 Hijriah, bersamaan dengan 26 Julai 1975.

¹¹ Heri Sudarsono, *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah* (Yogyakarta: Ekonisia, 2003), 23.

Selanjutnya dengan dikuatkuasakan Undang-Undang No. 21 tentang perbankan Islam pada 16 Juli 2008, maka pembangunan industri perbankan Islam di Indonesia telah mempunyai asas hukum yang mencukupi dan akan menjadi penyokong perkembangan perbankan Islam di Indonesia. Dengan demikian, perkembangan perbankan Islam masa ini yang sangat impresif, mampu mencapai pertumbuhan yang tinggi termasuk di Negeri Aceh.¹²

Perkembangan perbankan Islam di Aceh telah menunjukkan peningkatan yang baik. Ini dapat dilihat daripada minat masyarakat sangat tinggi terhadap tawaran produk perbankan Islam dan mendapatkan respon positif daripada masyarakat. Ini juga disebabkan perbankan Islam telah menawarkan pelbagai perkhidmatan yang baik kepada pelanggan bagi menubuhkan pembangunan ekonomi masyarakat. Selain itu, masyarakat Aceh juga telah lama menjalankan Syariat Islam semenjak tahun 1948.¹³

Sistem perbankan yang dijalankan oleh bank Islam di Aceh merupakan sistem perbankan Islam moden, bersifat menyeluruh dan terbuka kepada semua masyarakat dengan menawarkan pelbagai aplikasi dari konsep ekonomi Islam yang dirumuskan secara baik sebagaimana yang telah dijalankan oleh Bank Aceh Syariah.¹⁴ Hanya dengan cara demikian, maka pengembangan sistem perbankan Islam akan sentiasa dilihat dan diterima oleh masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di Aceh. Dengan demikian, maka dapat dinyatakan bahawa perbankan Islam di Aceh

¹² Endang Sumachdar dan Hariandy Hasbi, "Financial Performance Analysis for Islamic Rural Bank to Third Party Funds and The Comparison with Conventional Rural Bank in Indonesia" (International Conference on Business and Economics Research, Kuala Lumpur, 2011), 1:312.; Ro'fah Setyowati, Sakina Shaik Ahmad Yusof dan Ramziati, "Tsu Penyelesaian Pertikaian-pertikaian Perbankan Islam Pasca UU No. 48 tahun 2009 Kekuasaan Kehakiman" (Aceh Development International Conference, UKM-Bangi, Malaysia, 2011).

¹³ "Syari'at islam di SD," laman sesawang *Serambi Indonesia*, dicapai 4 Oktober 2012, <http://aceh.tribunnews.com/2012/06/18/syariat-islam-di-sd>.; Amran Zamzami, *Jihad Akbar di Medan Area* (Jakarta: Bulan Bintang, 1990), 1:322.

¹⁴ "Panduan Investasi," laman sesawang *Aceh Investment*, dicapai 4 Oktober 2012, <http://2012.acehinvestment.com/Panduan-Investment.html>.

semakin berkembang. Hal itu disebabkan oleh minat masyarakat yang menggunakan produk perbankan Islam semakin banyak. Ini dapat dilihat daripada kepercayaan masyarakat dalam menggunakan produk perkhidmatan perbankan samada mendepositkan wang di bank mahupun pembiayaan dan pelaburan yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kegiatan ekonomi dalam perkhidmatan deposit *al-Muḍārabah* telah menjadi sebuah aktiviti utama dalam kegiatan ekonomi Islam masyarakat Aceh, kerana ia merupakan sebuah *wasilah* bagi mendapatkan pulangan ataupun keuntungan dalam usaha.¹⁵ Tambahan pula, dalam meniti masa sekarang ini aplikasi akad *al-Muḍārabah* dapat mengerakkan ekonomi Negeri Aceh ke tahap yang lebih tinggi.¹⁶

Kehadiran Bank Aceh Syariah telah membuat masyarakat lebih nyaman dalam melaksanakan perkhidmatan yang ditawarkan. Kerana kehadiran bank tersebut telah menawarkan sistem perbankan alternatif bagi masyarakat Aceh yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan perbankan tanpa adanya amalan riba, spekulasi perjudian, ketidakjelasan, *gharar* dan lainnya.

Bank Aceh Syariah adalah sebuah institusi kewangan yang melakukan mekanisme pengumpulan dana dan penyaluran dana secara baik sesuai dengan ketentuan-ketentuan yang berlaku dalam Fiqh Muāmalah Islam. Bank Aceh Syariah juga telah berjaya memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat khususnya di

¹⁵ Hisyam Sabri, "Etika Pelaburan Dalam Sistem Muamalat: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam," *Jurnal Jaheik*, 2 (2009), 178.

¹⁶ Fatimah Ahmae, "Pelaksanaan Instrumen Pelaburan Islam Di Islamic Bank of Thailand (ISBT)" (Disertasi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010).

kawasan Langsa, Aceh. Selain itu, Bank Aceh Syariah juga telah menawarkan pelbagai produk samada dalam bentuk deposit mahupun pelaburan. Kedua-dua bentuk produk tersebut menggunakan prinsip *al- Muḍārabah*.

Produk tersebut ditawarkan agar dapat menarik minat masyarakat untuk mendeposit wangnya di bank kerana dana operasionalnya lebih kecil berbanding dengan akaun deposit di bank konvensional. Selain itu juga, deposit *al-Muḍārabah* merupakan jenis daripada amalan ekonomi yang bersesuaian dengan Fiqh Muāmalah Islam yang membolehkan pelanggan melakukan deposit dan pengeluaran wang tunai dengan mudah dan memperoleh perkongsian untung rugi berasaskan prinsip akad *al- Muḍārabah*.

Untuk mengetahui lebih terperinci mengenai pelaksanaan akad *al-Muḍārabah*, maka penulis ingin meneliti masalah tersebut dengan menganalisis bagaimana aplikasi pelaksanaan akad *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah terhadap produk deposit sebagaimana yang dibahas oleh para Ulama masa dahulu dalam kitab Fiqh klasik dan pendapat-pendapat ahli ekonomi Islam moden. Di samping itu, penulis turut melihat pelbagai produk pelaburan yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh dan bagaimana sistem pengagihan keuntungan yang didapati oleh bank samada selaras dengan *Muāmalah* Islam ataupun tidak.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada latar belakang dan permasalahan kajian diatas, maka penulis akan menganalisis bagaimanakah aplikasi akad *al-Muḍārabah* yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, terutama di dalam produk deposit dan pelaburan serta prinsip

akad *al-Muḍārabah* mengikut perspektif perbankan Islam yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.

Oleh itu, dalam penyelidikan ini dapat dirumuskan beberapa persoalan yang timbul, iaitu;

1. Apakah konsep akad *al-Muḍārabah* dalam fiqh Muamalah Islam.
2. Bagaimanakah operasi perkhidmatan produk deposit *al-Muḍārabah* yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.
3. Adakah aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit selari dengan Syariah atau sebaliknya yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan di atas, dapat dinyatakan matlamat utama dalam penyelidikan ini adalah untuk mengkaji tiga persoalan kajian di atas sebagai berikut:

1. Mengenalpasti konsep akad *al-Muḍārabah* dalam fiqh Muamalah Islam.
2. Menganalisis operasi perkhidmatan produk deposit *al-Muḍārabah* yang diaplikasikan di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.
3. Menganalisis aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia samada selari dengan prinsip Syariah atau sebaliknya.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan gambaran am yang lebih jelas tentang aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia. Selain itu, hasil dari penyelidikan ini diharapkan pula dapat memberikan manfaat bagi mengetahui perkembangan ilmu pengetahuan di bidang ilmu ekonomi Islam khasnya bidang konsep akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit mengikut perspektif Islam. Tidak menutup kemungkinan, seiring dengan tuntutan zaman, realiti sosio-ekonomi dan kemajuan dalam bidang pendidikan, memerlukan kajian yang lebih komprehensif dan mendalam bagi merumuskan kerangka teori dan kerangka praktikal pelaburan Islam khasnya di Aceh.

Kepentingan selanjutnya ialah untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat yang lebih tepat dan luas tentang urusan perniagaan dan amalan *al-Muḍārabah* yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah adalah selari dengan prinsip-prinsip Syariah seperti yang telah di gariskan oleh Islam.

Hasil daripada penyelidikan ini juga diharapkan berguna sebagai penggerak pengetahuan ilmiah di bidang perbankan Islam sebagai penghasilan dana secara efektif dan berkesan dalam membangun ekonomi masyarakat. Hasil penyelidikan ini juga diharapkan dapat menarik minat penyelidik lain untuk mengembangkan lebih mendalam mengenai permasalahan yang berkaitan dengan aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada konsep dan prinsip akad *al-Muḍārabah* mengikut perspektif fiqh Muamalah Islam yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada perkhidmatan produk deposit yang berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* yang dijalankan di Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh. Tumpuan selanjutnya ialah menganalisis aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.

Penyelidikan ini juga memberi tumpuan kepada Bank Aceh Syariah di kawasan Bandar Langsa, Aceh. Dalam kajian ini juga dilaksanakan sesi temubual dengan Ketua Bank Aceh Syariah, pengerusi bank serta beberapa pegawai bank yang terlibat dalam akad deposit *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh, Indonesia.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan suatu prosedur tata cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah sistematis. Oleh itu, metodologi kajian dapat diertikan peraturan-peraturan yang terdapat dalam penyelidikan.¹⁷ Penyelidikan yang dijalankan oleh penulis secara am berasaskan kepada dua metod berikut:

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

¹⁷ Muhammad, *Metodologi Penelitian Ekonomi Islam :Pendekatan Kuantitatif (Dilengkapi dengan Contoh-contoh Aplikasi: Proposal Penelitian dan Laporrannya* (Jakarta: Rajawali Pers, 2008), 12.

Metode ini digunakan bagi memperolehi maklumat-maklumat yang sahih dan boleh dipercaya. Adapun metode pengumpulan data yang digunapakai dalam penulisan disertasi ini ialah:

1.8.1.1 Kajian Perpustakaan

Penyelidik menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) untuk mengumpulkan data-data penyokong atau bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan dalam bentuk dokumen bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas kerja, jurnal, akhbar, majalah, laman web dan bahan-bahan tertulis lainnya yang berhubungkait dengan aplikasi akad *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, samada dari segi asas konsep ataupun operasinya.

Dalam penyelidikan ini penulis menggunakan sumber rujukan kepada sumber asasnya, di mana buku-buku, jurnal atau artikel kontemporari akan disenaraikan bagi mendapatkan maklumat semasa untuk menyokong serta melengkapi data dalam kajian ini. Untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut beberapa buah perpustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Selain memperoleh bahan-bahan bacaan melalui perpustakaan, penulis juga mendapatkan maklumat daripada buku-buku koleksi milik penulis dan rakan-rakan lainnya.

1.8.1.2 Metode Temubual

Metode temubual yang dilakukan penulis adalah temubual berstruktur atau piawai dengan soalan yang diajukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan yang spesifik. Hasil yang diperolehi daripada sesi temubual

tersebut dapat memberikan manfaat dan kefahaman yang mendalam tentang aplikasi akad *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh, Indonesia.

Penulis menemubual secara formal dengan Ketua Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia Encik Muhammad Hendra Supardi pada 8 Oktober 2013. Temubual ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kewujudan Bank Aceh Syariah sebagai institusi pentadbir kewangan Islam. Selanjutnya penulis menemubual dengan pengurus Bank Aceh Syariah, Encik Ahmad Mirza (Pegawai Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada Bank Aceh Syariah, Langsa) pada 8 Oktober 2013. Selain itu, temubual dilakukan dengan Encik M. Safri Antoni (Pegawai Bahagian Pengurusan Akaun pada Bank Aceh Syariah, Langsa) pada 10 Oktober 2013. Temubual ini bertujuan untuk mengetahui secara mendalam prinsip *al-Muḍārabah* yang diaplikasikan pada Bank Aceh Syariah dan juga untuk mengetahui corak, operasi, pelaksanaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan akad *al-Muḍārabah* di bank tersebut. Adapun soalan temubual yang diajukan ialah soalan-soalan yang sukar diperolehi dari sumber seperti sejarah penubuhan Bank Aceh Syariah. Selain itu, soalan yang mengenai operasi perkhidmatan produk deposit yang ditawarkan oleh bank dan bagaimanakah akad *al-Muḍārabah* yang diamalkan oleh bank tersebut.

1.8.1.3 Metode Dokumentasi

Metode ini ialah mengumpulkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan objek yang dikaji. Adapun dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat tentang Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh seperti laporan tahunan Bank Aceh Syariah, laporan ekonomi dan kewangan, majalah, jurnal, brosur yang dikeluarkan oleh bank tersebut

dan lainnya. Dokumen-dokumen tersebut akan penulis gunakan di dalam bab tiga dan empat.

1.8.1.4 Metode Historis

Metode ini ialah mencari satu pemahaman yang tertumpu dari sudut sejarah bertujuan untuk mendapatkan data-data dan fakta sejarah yang berbentuk dokumen yang berkaitan dengan suatu masalah kajian dalam menentukan ketetapan tarikh suatu kejadian. Ia merupakan suatu metod yang terpenting dalam penyelidikan ini. Metod ini digunakan dalam penulisan bab tiga yang membincangkan sejarah penubuhan Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.

1.8.2 Metode Analisis Data

Pengkaji melakukan analisis data dalam penyelidikan ini dengan menggunakan dua metod analisis data iaitu;

1.8.2.1 Metode Induktif

Metod ini adalah cara menjelaskan pola pemikiran bagi mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khas sampai kepada dalil yang am, sehingga dapat diambil satu generalisasi sebagai kesimpulan. Hal ini sesuai dengan jenis penyelidikan yang dikaji oleh penulis sebagai studi kes iaitu, penyelidikan lapangan yang merangkumi pengumpulan dan penafsiran data daripada isu-isu, peristiwa-peristiwa dan juga pandangan ulama terdahulu dan kontemporari terhadap pemahaman hukum-hukum yang digunakan serta konsep dan prinsip akad *al-Muḍārabah* sebagai instrumen dalam

pengumpulan dana dan pelaburan. Konsep pemahaman terhadap hukum tersebut akan diambil sebagai bukti dan rujukan untuk menganalisis terhadap aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit yang dilaksanakan oleh Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh, Indonesia. Hasil daripada penyelidikan ini akan penulis rumuskan dalam kesimpulan umum.

1.8.2.2 Metode Deduktif

Metod ini adalah cara pengalisan data melalui pola berfikir yang memberi pembuktian daripada hal-hal yang bersifat am untuk sampai kepada dalil yang bersifat khas. Penulis akan menggunakan metod ini untuk menjelaskan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit di Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh, Indonesia seperti sistem pelaksanaannya, pencapaiannya yang kemudian dihuraikan dalam bentuk lebih khas.

1.9 ULASAN KAJIAN LEPAS

Semenjak ditubuhkan perbankan Islam banyak kajian yang telah dibuat bagi menganalisis sistem ini dari pelbagai aspek. Perbankan Islam juga selalu dikaitkan dengan prinsip *al-Muḍārabah*. Beberapa kajian telahpun dilakukan bagi mengetahui keterlibatan bank Syariah dalam aplikasi akad *al-Muḍārabah*, antaranya:

Al- Imām Abū Zakariyyā Yahya Ibn Sharf al- Nawāwī,¹⁸ telah menghuraikan dalam kitab *Rawḍah al-Ṭālibīn* tentang teori dan amalan prinsip *al-Muḍārabah* sebagaimana yang telah dijalankan oleh orang-orang terdahulu di semenanjung Tanah

¹⁸ Al-Imām Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* (Beirut: Dār al-Kutub, t.t), 5:116-149.

Arab yang melibatkan pemodal dengan pengusaha. Tetapi al-Nawāwī tidak menghuraikan mengenai amalan akad *al-Muḍārabah* sebagaimana pada masa sekarang ini iaitu melibatkan pemodal dengan usahawan atau dengan institusi kewangan sebagaimana pada masa moden sekarang ini.

Imām al-Māwardī,¹⁹ mengkaji dalam kitab *al-Muḍārabah* telah menghuraikan panjang lebar teori dan amalan *al-Muḍārabah* pada masa silam dengan melibatkan pemodal dan usahawan. Dalam tulisannya, penulis tidak menghuraikan amalan prinsip *al-Muḍārabah* yang melibatkan suatu institusi kewangan Islam seperti mana pada masa sekarang ini.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Muhammad Zulhilmi²⁰ mengkaji tentang “Sistem Perbankan Islam dan Pelaksanaannya Di Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia” menyatakan bahawa penetapan kadar faedah pada perbankan di Aceh sangat ketara antara institusi perbankan konvensional dan institusi kewangan Islam. Amalan institusi kewangan Islam menerapkan sistem ekonomi yang berasaskan kepada prinsip *al-Muḍārabah* iaitu sistem perkongsian untung dan mengharamkan riba. Beliau juga menambahkan bahawa jika diselidik secara lebih dekat amalan bank Syariah akan terlihatlah bahawa setiap kegiatan transaksi dan perkhidmatan institusi perbankan tidak terdapat ciri-ciri dan sifat yang merugikan sebelah pihak sahaja kerana dalam setiap transaksi yang dilakukan mestilah mendapat persetujuan dari kedua belah pihak.

¹⁹ Abū Ḥasan Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Māwardī, *al-Muḍārabah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 135-178.

²⁰ Muhammad Zulhilmi, “Sistem Perbankan Islam dan Pelaksanaannya di Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya, 2006).

Selanjutnya kajian yang dilakukan oleh Syahidawati Shahwan,²¹ mengenai pelaburan yang dibuat di Lembaga Tabung Haji (LTH) yang diawasi oleh Jabatan Pelaburan ini sebagai satu bentuk pelaburan yang menyeluruh. Sifat dan ciri-ciri ini selari dengan Islam iaitu dengan menggunakan prinsip *al-Muḍārabah* yang sentiasa menjadi topik pembahasan umat Islam seluruh dunia. Beliau juga memberi satu alternatif kepada para pelabur Muslim untuk sama-sama melibatkan diri secara langsung dalam sektor pelaburan ini bagi memastikan keutuhan umat Islam.

Selanjutnya penyelidikan yang dijalankan oleh Kamsuzilawati Kamin,²² menjelaskan perbezaan antara pelaburan di bank konvensional dengan pelaburan di Bank Islam. Pelaburan merupakan penanaman modal dalam usaha niaga yang dilakukan dengan harapan akan mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda. Manakala pelaburan Islam ialah bersifat *shumūl*, bukan bersifat material semata dan selari dengan prinsip *al-Muḍārabah*. Dalam penyelidikan ini juga beliau memaparkan bahawa penubuhan BIMB di Malaysia telah hampir menjangkau 20 tahun dengan memberikan perkhidmatan pembiayaan berbentuk hutang dan ekuiti. Namun ia tidak menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat.

Penyelidikan ini menggunakan metodologi pengumpulan data daripada perpustakaan dengan menggunakan pendekatan kaedah analisis induktif, kaedah komparatif dan kaedah penjadualan dan carta. Untuk mendapatkan data, kajian ini juga menemu bual pengurus BIBM cawangan Banting dan juga menggunakan borang soal selidik untuk mengetahui penglibatan responden terhadap pelaburan di BIMB. Di akhir

²¹ Syahidawati Shahwan, "Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam Sektor Perdagangan: 1990-2000" (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

²² Kamsuzilawati Kamin, "Penglibatan Masyarakat Islam dalam Aktiviti Pelaburan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB): Suatu Kajian di Banting, Selangor" (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2002).

kajian, penulis menyatakan kurangnya penglibatan masyarakat dalam aktiviti pelaburan di BIMB. Punca utama berlaku sedemikian adalah kerana kurangnya kefahaman masyarakat terhadap operasi BIMB sehingga ramai di antara responden memberikan sebab tidak menjadi pelanggan adalah kerana tiada maklumat berkenaan bank Islam tersebut.

Berikutnya kajian ditulis oleh Fauzi Kado²³ mendapati bahawa produk akaun pelaburan *al-Muḍārabah* adalah salah satu produk terpenting bagi memberi laluan kepada bank Islam. Sekalipun produk ini tidak mampu untuk membantu Islamic Bank of Thailand bagi mencapai keseluruhan matlamatnya tetapi setidak-tidaknya produk ini telah membuka ruang yang lebih luas kepada bank ini untuk mencapai hasrat untuk menjadi bank Islam. Selanjutnya penulis menghuraikan juga bahawa sistem *al-Muḍārabah* yang dilaksanakan di Islamic Bank of Thailand adalah bertepatan dan tidaklah bercanggah dengan prinsip Islam yang telah digariskan oleh Syariah Islam dan pendapat para ulama mazhab muktabar seperti amalan pada akad pembukaan akaun deposit, akuan semasa dan akad pembiayaan pelaburan berasas prinsip *al-Muḍārabah*.

Sarwedi Hasibuan²⁴ dalam disertasinya yang mengkaji akad *al-Muḍārabah* dan *al-Musyārah* dari sudut konsep seperti yang dikemukakan oleh para ulama fiqh dan berlandaskan al-Qur'ān dan al-Sunnah serta aplikasi kedua-dua produk tersebut di Bank Muamalat Indonesia di Jakarta. Beliau juga menjelaskan dalam amalan Bank Muamalat Indonesia (BMI), akad *al-Muḍārabah* dan *al-Musyārah* merupakan instrumen utama bagi sistem perkongsian untung dan rugi. Di akhir kajian didapati bahawa amalan prinsip *al-Muḍārabah* dan *al-Musyārah* adalah selari dengan prinsip Syariah samada

²³ Fauzi Kado, "Analisis Skim Pelaburan *al-Muḍārabah* di Islamic Bank Of Thailand" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009).

²⁴ Sarwedi Hasibuan, "Aplikasi *Al-Muḍārabah* dan *Al-Musyārah* dalam Produk-produk Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Indonesia, Jakarta" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010).

dalam produk penghimpun dana menerusi akaun deposit dan akaun semasa ataupun dalam pembiayaan modal kerja dan pelaburan.

Selanjutnya disertasi yang dituliskan oleh Fitrianto²⁵ membincangkan tentang teori akad *al-Muḍārabah* seperti yang dikembangkan oleh para ulama fiqh klasik dan aplikasinya dalam amalan kedua-dua bank Islam di Pekanbaru, Riau, Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia dan Bank Syariah Mandiri. Penulis membezakan perkhidmatan *al-Muḍārabah* di antara dua bank iaitu Bank Syariah Mandiri dan Bank Muamalat Cawangan Pekanbaru. Dalam kajian ini penulis juga menjelaskan bahawa kedua-dua bank ini telah menawarkan perkhidmatan deposit berasaskan prinsip pelaburan *al-Waḍī'ah* dan *al-Muḍārabah* tidaklah bertentangan dengan Syariah Islam dan ulama mazhab fiqh yang muktabar serta pendapat para ulama semasa dalam operasi penghimpunan dana dan pembiayaan.

Penyelidikan juga dikaji oleh Noprizal Muhammad Yunus²⁶ membincangkan konsep *al-Muḍārabah* dan sistem perkongsian keuntungan perbankan Islam merupakan konsep alternatif dalam sistem perbankan yang ditawarkan oleh perbankan Islam termasuk Bank Negara Indonesia (BNI) Syariah. Prinsip *al-Muḍārabah* dan perkongsian keuntungan tidak hanya menjalin hubungan usaha dalam erti moden, tetapi juga memberi kod etika ekonomi yang mengabungkan nilai material dan spiritual di samping sebagai penyelesaian pembahagian ekonomi. *al-Muḍārabah* dan perkongsian keuntungan tidak hanya menyelamatkan masyarakat daripada akibat-akibat buruk

²⁵ Fitrianto, "Analisis Pelaksanaan Prinsip *Al-Muḍārabah* oleh Bank Syariah Mandiri dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia" (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006).

²⁶ Noprizal Muhammad Yunus, "Kriteria Palaburan Bank Syariah: Aplikasi *Muḍārabah* pada Bank Negara Indonesia (BNI)" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya, 2006).

perbankan, juga memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat dengan menjamin prinsip keadilan ekonomi.

Dalam kajian ini beliau juga menulis beberapa penjelasan dalam pengaplikasian pelaburan pada prinsip *al-Muḍārabah*. Dapatan kajian menyatakan bahawa pelaksanaan konsep *al-Muḍārabah* pada BNI Syariah sudah sesuai dengan konsep perbankan Islam yang benar, kerana urusan pembiayaan itu telah memenuhi persyaratan Syariat dan tidak bertentangan dengan ketentuan Syariat Islam. Di samping itu beliau juga menjelaskan bahwa konsep pelaburan merupakan keperluan *ḍaruriyyāt* dalam kehidupan ekonomi makro. Kalau pelaburan *al-Muḍārabah* tidak dijalankan, maka ekonomi akan membeku dan modal yang terkumpul berada pada pelabur sahaja tanpa dilaburkan untuk kemajuan ekonomi.

Kajian selanjutnya oleh Aiyub,²⁷ beliau mengkaji tentang “Analisis Perilaku Masyarakat Terhadap Keinginan Menabung dan Memperoleh Pembiayaan pada Bank Syariah di Nanggroe Aceh Darussalam.” Penyelidikan ini dilakukan di Negeri Aceh Darussalam bertujuan untuk mengidentifikasi karakteristik klasifikasi masyarakat dan perilaku terhadap perbankan Islam, dan juga potensi pemetaan jaringan yang dikembangkan perbankan Islam di kawasan penyelidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perilaku masyarakat sebahagian besar tidak memahami tentang sistem dan produk perbankan Islam. Perilaku masyarakat memiliki dua sisi, iaitu kemahuan untuk melabur dan untuk mendapatkan pembiayaan daripada Bank Islam. Hal ini menunjukkan sebahagian besar kesediaan untuk melabur ialah 462 orang (92.4%) , manakala kemahuan untuk mendapatkan pembiayaan ialah 466 orang (93.2%).

²⁷Aiyub, “Analisis Perilaku Masyarakat Terhadap Keinginan Menabung dan Memperoleh Pembiayaan pada Bank Syariah di Nanggroe Aceh Darussalam,” *Jurnal E-Mabis FE-Unimal*, 8, no.1 (2007), 1.

Kajian turut dilakukan oleh Fatimah Ahmae²⁸ dalam disertasi sarjana bertajuk “Pelaksanaan Instrumen Pelaburan Islam Di Islamic Bank of Thailand (ISBT)” mengulas tentang makna pelaburan mengikut perspektif Islam dan juga memaparkan pelaksanaan pelaburan Islam yang mestinya menggunakan prinsip akad *al-Muḍārabah* sebagaimana yang termaktum di dalam *al-Qur’ān* dan *al-Ḥadīth*. Penulis juga menjelaskan bahawa Islamic Bank of Thailand (ISBT) telah mampu mencuba mengaplikasikan prinsip-prinsip Syariah antaranya, prinsip *al-Muḍārabah*. Prinsip ini ditawarkan kepada pelanggan agar dapat menampung keperluan dan memberi sumbangan kepada sektor pelaburan seperti melabur dalam sektor industri makanan halal, perniagaan barang import dan eksport.

Dalam kajian ini, penulis menggunakan dengan metodologi kajian perpustakaan (*library research*), kajian lapangan (*field research*) dan pemerhatian langsung (*participant observation*) terhadap Islamic Bank of Thailand (ISBT). Manakala dalam menganalisis data, kajian ini menggunakan metodologi *induktif*, metodologi *deduktif* dan metodologi *komparatif* untuk merumuskan kesimpulan daripada perbandingan yang dilakukan di antara instrumen-instrumen pelaburan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan sebagai instrumen pelaburan oleh ISBT.

Rusni Hassani dan Shafi’i Abdul Azeez Bello²⁹ membincangkan sistem kewangan Islam yang muncul dan berkembang sangat pesat di sektor kewangan di dunia Islam, kerana ia telah menjadi satu fenomena global. Selain itu, negara-negara Islam dan barat telah pun melaksanakan sistem ini. Dalam kajian ini juga dibincangkan kontrak *al-Muḍārabah* yang merujuk kepada perjanjian yang dibuat di antara pemberi

²⁸ Fatimah Ahmae, “Pelaksanaan Instrumen Pelaburan Islam di Islamic Bank of Thailand (ISBT)” (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010).

²⁹ Rusni Hassani dan Shafi’i Abdul Azeez Bello, “The Concept of *Muḍārabah* Investment Deposits,” *International Journal of Business Management and Research (IJBM)*, 4 (2014), 63-74.

modal dan pihak lain yang bertindak sebagai usahawan. Dalam artikel ini dikaji juga deposit *al-Muḍārabah*, keadaan *al-Muḍārabah* dan pengiraan keuntungan. Di samping itu, dibincangkan juga perbezaan antara *al-Muḍārabah* dan *al-Mushārah*.

Hisham Sabri³⁰ dalam penulisan beliau memaparkan bahawa etika dalam pengaplikasian ekonomi Islam perlu digarapkan dan diimplimentasikan sepertimana yang dinukilkan melalui *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth*. Beliau juga menjelaskan bahawa etika pelaburan Islam pada masa kini adalah amat penting sebagai garis panduan individu dan organisasi dalam memastikan pilihan alternatif pelaburan yang akan dibuat bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak konsep Islam (*al-Muḍārabah*). Antara etika yang dikupas merangkumi amanah, jujur, tunai janji, ihsan, adil, keseimbangan, rajin dan sentiasa berusaha.

Seterusnya Harun Din dalam seminar “Banking Renaissance: Malaysian Aspirations” yang bertajuk “Prinsip-prinsip Syariah Dalam Muamalah dan Pelaburan,”³¹ dalam seminar ini beliau membincangkan bahawa dunia pelaburan semakin hari semakin terdedahkan pada kecurangan dan penipuan. Amalan-amalan yang tidak ikhlas, tidak amanah dan tidak benar sudah menjadi lumrah di sana sini. Dalam dana Islam dalam skim pelaburan Islam semestinya mengambil berat dalam hal ini. Beliau juga mengesyorkan agar ikhlas, amanah dan benar diterima untuk menjadi moto atau lambang kepada skim. Perkara yang disampaikan dalam seminar ini juga lebih menjerumus kepada penggunaan prinsip *al-Muḍārabah* dalam aktiviti muamalah dan pelaburan.

Justeru dalam kajian ini, penulis melakukan kajian khas tentang konsep *al-Muḍārabah* dan aplikasinya yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia

³⁰ Hisham Sabri, “Etika Pelaburan Dalam Sistem Muamalat: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam,” 7-190.

³¹ Harun Din, “Prinsip-prinsip Syariah Dalam Muamalah dan Pelaburan” (Kertas kerja, Seminar on Banking Renaissance: Malaysian Aspirations, Johor Bharu, 22 Julai 1996).

terutama dari segi hukum dan pelaksanaannya. Di samping itu, bagi memperkemas dan melengkapkan hasil kajian yang dilakukan sebelum ini, penulis juga menjadikan kajian-kajian terdahulu sebagai sumber panduan dan rujukan dalam menjelaskan dengan lebih terperinci tentang konsep *al-Muḍārabah* mengikut perspektif Syarak.

1.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Pecahan bab yang dipaparkan dalam penulisan ini secara garis besar terdiri dari lima bab, dimulai dari bab pendahuluan yang dimulakan dengan menjelaskan pengenalan kajian serta pentingnya kajian ini. Kemudian dilanjutkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, ulasan kajian lepas serta sistematika penulisan.

Bab dua, membincangkan konsep akad *al-Muḍārabah* dan pelaburan dalam Islam. Dalam bab ini dimulai dari pengenalan, definisi *al-Muḍārabah*, dalil *al-Muḍārabah*, rukun *al-Muḍārabah*, syarat *al-Muḍārabah*, jenis *al-Muḍārabah* serta risiko *al-Muḍārabah* serta *al-Muḍārabah* dalam pelaburan Islam. Selanjutnya dibincangkan juga pelaburan *al-Muḍārabah*, etika pelaburan *al-Muḍārabah*, dalil pensyariatan pelaburan *al-Muḍārabah*. Di ujung bab ini juga dipaparkan pelaburan konvensional, perbezaan antara pelaburan *al-Muḍārabah* dengan pelaburan konvensional dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab tiga, penulis memaparkan profil Bank Aceh Syariah samada sejarah penubuhannya, strategi usaha bank, misi, visi dan slogan penubuhannya di Aceh, Indonesia, struktur organisasi serta struktur dewan pengawas Syariah. Dalam bab ini juga dibincangkan perkhidmatan-perkhidmatan produk deposit di Bank Aceh Syariah

seperti deposit Firdaus, deposit Deposito *al-Muḍārabah*, deposit Sahara, deposit Tabunganku dan peruntukan dana deposit *al-Muḍārabah*. Turut juga dipaparkan dalam bab ini fatwa-fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) yang berkenaan dengan deposit *al-Muḍārabah* dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab empat, merupakan bab penentu dalam penulisan disertasi ini iaitu berupa analisis aplikasi akad *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia. Dalam bab ini akan dibincangkan analisis kedudukan deposit *al-Muḍārabah*, analisis peruntukan dana *al-Muḍārabah*, pelaksanaan prinsip *al-Muḍārabah* dari segi akad deposit *al-Muḍārabah*, analisis sistem transaksi pelaburan *al-Muḍārabah*, analisis sistem pengagihan keuntungan pada deposit *al-Muḍārabah* dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab lima, merupakan kesimpulan daripada keseluruhan pembahasan dalam kajian ini iaitu berkisar kesimpulan dan cadangan yang dapat dikesankan melalui kajian pada bab-bab yang lepas. Matlamatnya untuk membuat kesimpulan bagi membuktikan aplikasi akad *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh. Di samping itu memberikan cadangan-cadangan yang dianggap berguna dan membangun industri perbankan Islam di Aceh dan diakhiri dengan kesimpulan.

BAB DUA

KONSEP AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DAN PELABURAN DALAM ISLAM

2.1 PENGENALAN

Islam menganggap perniagaan sebagai salah satu sumber rezeki bagi menjalani kehidupan di muka bumi ini dan sebuah usaha yang memerlukan kejujuran. Nabi Muhammad SAW sebelum diutus menjadi Rasul adalah seorang peniaga dan begitu juga dengan kebanyakan para Sahabat RA yang merupakan ahli perniagaan terkemuka. Dengan demikian, Islam amat menggalakkan umatnya menjalankan transaksi ekonomi mengikut prinsip-prinsip yang telah disusun oleh Islam iaitu menjalankan dengan baik dan bijaksana,³² sebagaimana firman Allah SWT dalam *al-Qur'ān*:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

al-Fāṭir 35: 29

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.³³

Harta yang merupakan *waṣīlah* untuk manusia menikmati keselesaan hidup untuk mencapai tingkatan taqwa. Di sebalik itu, Allah SWT juga menganugerahkan

³² Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, 3.

³³ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘u li Aḥkām al-Qur’ān* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2010), 7:622.

harta kepada manusia untuk menguji manusia itu samada bersyukur ataupun tidak. Memiliki harta semata-mata tanpa diurus dan dibangun untuk kesejahteraan manusia adalah bertentangan dengan tuntutan Islam. Kalau dipandang dari satu sudut yang lain, Islam telah menggariskan umatnya untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan membina kehidupan yang bahagia dan sejahtera di dunia dan di akhirat,³⁴ dan harta sebagai matlamat daripada pelaksanaan ekonomi Islam.³⁵ Firman Allah SWT.

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ
رَبِّي قَرِيبٌ مُّحِيبٌ ﴿٦١﴾

Hūd 11: 61

Terjemahan: Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu, mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya.³⁶

Dari sudut konsep ekonomi Islam, penggunaan harta mestilah digunakan secara efektif dan berkesan. Pengurusan harta tersebut dapat digunakan untuk keperluan sehari-hari, disimpan atau dilaburkan. Semua keperluan tersebut hendaklah juga diarahkan sesuai dengan prinsip *al-Muḍārabah*.³⁷ Manakala dalam sistem ekonomi konvensional, bagi memenuhi keperluan harta tersebut tidak ditetapkan secara jelas, membawa kepada unsur *gharār* dan ketidakpastian, bahkan terjadi spekulasi perjudian. Dalam ekonomi konvensional juga dinyatakan bahawa manusia itu secara semulajadi

³⁴ Munrokhim Misanan, *et al.*, *Ekonomi Islam* (Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2008), 5.

³⁵ M. Umer Chapra, *Towards a Just Monetary System: Kearah Sistem Kewangan yang Adil*, terj. Ismail Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 18.

³⁶ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘u li Ahkām al-Qur‘ān*, 5:52-55.

³⁷ ‘Alī ‘Abd al-Rasūl, *al-Mabādi’ al-Iqtiṣādīyyah fī al-Islāmī wa al-Binā’i al-Iqtiṣādī li al-Daulah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arābī, 1980), 243.

mementingkan diri sendiri dan bertindak secara rasional, dan matlamat utama kehidupannya ialah untuk kemajuan dalam kebendaan semata. Kerana setiap manusia mempunyai kecenderungan memaksimumkan kebaikan kebendaanya dan mempunyai pengetahuan yang cukup membuat keputusan.³⁸ Sebaliknya, Islam menganjurkan umatnya untuk mempedulikan hal-hal yang baik. Sepertimana Allah SWT firmankan :

يٰٓاَيُّهَا النَّاسُ كُلُوْا مِمَّا فِى الْاَرْضِ حَلٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوْا خُطُوٰتِ
الشَّيْطٰنِ ۚ اِنَّهٗ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِيْنٌ ﴿١٦٨﴾

al-Baqarah 2: 168

Terjemahan: Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.³⁹

Kalau di pandang dari sudut lain, harta itu perlu dikembangkan. Adalah tidak wajar jika harta disimpan begitu sahaja tanpa mengembangkannya.⁴⁰ Nabi Muhammad SAW dan Khulāfa al-Rāshidīn telah melakukan pelaburan dengan cara mengembangkan harta, mengembangkan pembangunan dan lainnya.⁴¹ Ini menunjukkan bahawa pengembangan harta mempunyai potensi yang baik di dalam pelaksanaan kegiatan ekonomi.

Akad *al-Muḍārabah* adalah sebuah aktiviti transaksi utama dalam pelaksanaan ekonomi Islam, ia sebuah *waṣīlah* bagi mendapatkan pulangan ataupun keuntungan dalam usaha.⁴² Ia juga sebagai sebuah kaedah untuk menghasilkan harta dan mengembangkannya. Islam amat menggalakkan dan menganjurkan mengembangkan

³⁸ Joni Tamkin Borhan, "Metodologi Ekonomi Islam: Suatu Analisis Perbandingan," 74.

³⁹ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 1:603.

⁴⁰ Sa'īd Abū al-Futūh Muḥammad Basyūnī, *al-Hurriyyah al-Iqtisādiyyah fī al-Islām wa Athāruhā fī al-Tanmiyyah* (Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī', 1988), 120.

⁴¹ *Ibid.*, 121.

⁴² Hisyam Sabri, "Etika Pelaburan Dalam Sistem Muamalat: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam," 178.

harta melalui kegiatan ekonomi yang berasaskan konsep *al-Muḍārabah*. Sebaliknya, Islam melarang mendiamkan harta, menimbun harta dan mengumpulkan harta kekayaan termasuk modal sehingga tidak produktif.⁴³ Kerana tindakan seperti itu akan mensia-siakan kurnia Allah SWT dari fungsi yang sebenarnya dan secara ekonomi dapat membahayakan kerana menghalang pertumbuhan modal usaha. Terhambatnya pertumbuhan modal akan menurunkan jumlah modal kerja yang tersedia. Allah SWT telah mengutuk perbuatan membekukan harta melalui firmanNya:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ۖ الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ۚ تَحْسَبُ أَنَّ
مَالَهُ أَخْلَدَهُ ۚ

al-Humazah 104: 1-3

Terjemahan: Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji. Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya. Ia menyangka bahawa harta itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini).⁴⁴

Walaupun Islam menggalakkan umat Islam untuk melakukan kegiatan ekonomi yang sesuai dengan konsep *al-Muḍārabah*, namun bagi mendapatkan keredaan Allah SWT aktiviti deposit dan pelaburan mestilah patuh hukum Syarak yang berasaskan kepada *al-Qurān*, *al-Sunnah*, *al-Ijmāk*, *al-Qiās* dan *al-Ijtihād*.⁴⁵ Islam melarang umat untuk melakukan transaksi dalam bidang yang diharamkan, samada haram kerana bendanya seperti arak, dadah ataupun haram kerana hukumnya seperti ada unsur *Tadlīs*, *Gharār*, *Maisīr*, dan *Ribā*.⁴⁶

⁴³ Fū'ad 'Abd Allāh al-'Umar, *Muqaddimah fī Tārīkh al-Iqtisād al-Islāmī wa Taṭwīruhu* (Jeddah: al-Bank al-Islāmī li al-Tanmiyyah, al-Ma'had al-Islāmī li al-Buḥūth wa al-Taḍrīb, 2003), 230.

⁴⁴ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 10:413-415.

⁴⁵ Quṭub Muṣṭafā Sānū, *al-Istithmār Ahkāmuhu wa Ḍawābiḥuhu fī al-Fiqh al-Islāmī* (Jordan: Dār al-Nafā'is, 2000), 129.; Muḥammad Ra'fat Sa'id, *al-Māl, Milkīyātuhu wa Istithmāruhu wa Infāquhu* (Manṣūrah: Dār al-Wafā', 2002), 162.

⁴⁶ *Ibid.*, 175.

2.2 DEFINISI *AL-MUḌĀRABAH*

Al-Muḍārabah berasal dari kata *ḍarb* yang bererti memukul atau berjalan sepertimana dalam istilah bahasa Arab *al-ḍarb fī ardi*, yang bermaksud berpergian untuk perniagaan.⁴⁷ Orang *hijaz* menyebutkan *Al-Muḍārabah* dengan istilah *al-Qirad*, iaitu berasal daripada kata *al-Qard*, karena memberi maksud bahawa pemiliknya memotong sebahagian hartanya untuk diperniagakan dan memperoleh sebahagian daripada keuntungannya. Sering juga disebutkan dengan kata *al-Mu'āmalah*.⁴⁸ Mengikut al-Sarakhsī, *al-Muḍārabah* bererti berjalan mencari rezeki, kerana usahawan mendapatkan keuntungan dari perniagaan tersebut dan berkongsi keuntungan dengan pemodal.⁴⁹ Ini sesuai sepertimana yang dijelaskan oleh Ibn Manẓūr iaitu proses seseorang yang memukul kakinya untuk mencari rezeki.⁵⁰

Secara istilah ulama telah mentakrifkan *al-Muḍārabah* dari segi Syarak. Ulama madhhab Ḥanāfī mentakrifkan *al-Muḍārabah* sebagai suatu akad perkongsian keuntungan yang dilakukan oleh pemilik modal dengan usahawan. Manakala mengikut ulama madhhab Mālikī dan Shāfi'ī *al-Muḍārabah* ialah sebagai suatu akad perwakilan yang dilakukan oleh pemilik modal dengan seseorang untuk diperdagangkan dan keuntungan akan dikongsikan mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak.⁵¹ Dalam madhhab Ḥanbalī iaitu penyerahan suatu modal atau sejenisnya dalam

⁴⁷ Imām Abī Zakāriyyā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhdhab* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1995), 15:138.; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1972), 3:202.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūṭ* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 22:18.

⁵⁰ Al-'Alāmah Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manẓūr, *Lisān al-Arabi* (Beirut: Dār Ṣādir, 1990), 1:544.

⁵¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū 'Abbās Aḥmad bin Hamzah al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 5:220.; Shams al-Dīn al-Shaykh Muḥammad 'Arafah al-Dusūqī, *Hashiyyah al-Dusūqī 'Alā al-Sharḥ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998), 3:799.

jumlah yang jelas dan tertentu kepada orang lain untuk diniagakan dengan mendapatkan bahagian tertentu dari keuntungannya.⁵²

Daripada perbincangan definisi di atas dapat diambil kesimpulan bahawa *al-Muḍārabah* ialah bentuk akad atau kontrak perjanjian antara pemilik modal (*Ṣāhib al-Māl*) dengan pengurus dana (*al-Muḍārib*) yang mana pemilik modal bersetuju membiayai sesuatu projek perniagaan sepenuhnya dan *al-Muḍārib* bersetuju mengurusnya. Keuntungan yang diperolehi dari perniagaan tersebut dikongsikan oleh dua belah pihak berdasarkan nisbah yang dipersetujui diawal akad.⁵³

Dalam praktik moden pula, *al-Muḍārabah* merupakan sebuah kontrak yang dijalankan oleh institusi kewangan Islam untuk menggerakkan dana masyarakat dan menyediakan kemudahan samada kemudahan bagi pendeposit ataupun para peniaga. Bank Islam diarahkan untuk memainkan peranan penting dalam menggerakkan roda pembangunan ekonomi dengan memberikan kemudahan pembiayaan alternatif dalam pengurusan yang bersifat produktif dan pelaburan yang konstruktif kepada golongan menengah.⁵⁴ Keberadaaan sistem *al-Muḍārabah* dalam perbankan Islam memberikan keamanan pada sistem perbankan. Kontrak *al-Muḍārabah*, bank memberikan modal, para pelanggan memberikan keahlian mereka, manakala keuntungan dikongsi mengikut nisbah yang disetujui,⁵⁵ sehingga *al-Muḍārib* mengurusnya dengan kemampuannya dalam mengurus usaha yang dilakukannya agar menghasilkan keuntungan yang banyak.

⁵² ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn Quddāmah, *al-Mughnī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 5:134.

⁵³ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1989), 4:836.; Maḥmūd ‘Abd al-Karīm Aḥmad Irshīd, *al-Shāmil fī Mu‘āmalat wa ‘Amāliat al-Maṣārif al-Islāmiyyah* (Jordan: Dār al-Nafā’is, 2001), 41.

⁵⁴ Muchamad Pemadi, *Sejarah dan Doktrin Bank Islam* (Jogjakarta: Kutub, 2005), 90.

⁵⁵ M. Abdul Manan, *Islamic Economics: Theory and Practice: Teori dan Amalan Ekonomi Islam*, terj. Radiah Abdul Kader (Kuala Lumpur: Dhana Bakti Primayasa, 1997), 168.

2.3 DALIL KEHARUSAN *AL-MUḌĀRABAH*

Terdapat banyak dalil yang menyatakan keharusan melakukan kontrak *al-Muḍārabah* samada daripada *al-Qurān*, *al-Sunnah*, *al-Ijmā'* dan *Qiyās*. Antaranya:

a. Dalil *al-Qur'ān*

Keharusan melakukan transaksi *al-Muḍārabah* dalam kegiatan ekonomi adalah dibolehkan oleh Syarak, kerana bertujuan untuk membantu pemilik modal dan pengurus modal. Keharusan ini mencerminkan anjuran untuk melakukan suatu usaha dalam mencari rezeki yang dikarunia Allah SWT melalui perniagaan, perladangan dan sebagainya. Firman Allah SWT:

وَالْآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

al-Muzammil 73 : 20

Terjemahan: Dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah.⁵⁶

Pada perkataan *yaḍribūna* membawa erti melakukan perniagaan dengan perjalanan, mengabiskan masa, tenaga dan fikiran. Menurut al-Mawardī, ayat ini sebagai *hujjah* keharusan menjalankan transaksi *al-Muḍārabah*, tetapi secara isyarat keharusan ini tidak secara langsung.⁵⁷ Firman Allah SWT dalam surah lain:

⁵⁶ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 10:49.

⁵⁷ Muḥammad Ṣalāḥ Muḥammad al-Ṣāwī, *Mushkilāh al-Istithmār fī al-Bunūk al-Islāmiyyah wa Kaifa 'Ālijaha al-Islām* (Kaherah: Dār al-Wafā', t.t.), 28.; Quṭub Muṣṭafā Sānū, *al-Istithmār: Ahkāmuhu wa Dawābiṭuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*, 43.

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٢﴾

al-Jumu'ah 62 : 10

Terjemahan: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).⁵⁸

Firman Allah SWT lagi:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِّنْ
عَرَفَاتٍ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ عِندَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ ۖ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُمْ
وَأَنْ كُنْتُمْ مِّن قَبْلِهِ لَمِن الضَّالِّين ﴿١٩٨﴾

al-Baqarah 2 : 198

Terjemahan: Tidaklah menjadi salah kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke *Muzdalifah*) maka sebutlah nama Allah (dengan doa *talbiah* dan *tasbih*) di tempat *Mash'ar al-Haram* (di *Muzdalifah*), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagai Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.⁵⁹

Ayat-ayat diatas mendorong kita untuk memenuhi keperluan ekonomi setelah mengerjakan sembahyang dan mengerjakan haji. Dengan demikian didapati bahawa

⁵⁸ Abi 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 9:351-352.

⁵⁹ Abi 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 1:770-780.

dorongan *al-Qur'ān* dalam menjalankan kontrak *al-Muḍārabah* dalam kegiatan ekonomi Islam adalah harus hukumnya.⁶⁰

b. Dalil *al-Hadīth*

Terdapat beberapa *al-Hadīth* yang menjelaskan perkara keharusan melakukan akad *al-Muḍārabah* dalam menjalankan kegiatan ekonomi iaitu:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ بُشَيْرٍ قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ عُقْبَةَ السَّدُوسِيِّ قَالَ: حَدَّثَنَا يُونُسُ
بْنُ أَرْقَمٍ، عَنْ أَبِي الْجَارُودِ، عَنْ حَبِيبِ بْنِ يَسَارٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: كَانَ
سَيِّدُنَا الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ إِذَا دَفَعَ مَالًا مُضَارَبَةً اشْتَرَطَ عَلَى صَاحِبِهِ: لَا
يَسْلُكُ بِهِ بَحْرًا، وَلَا يُنْزِلُ بِهِ وَادِيًا، وَلَا يَشْتَرِي بِهِ دَابَّةً ذَاتَ كَبِدٍ رَطْبَةٍ، فَإِنْ
فَعَلَ فَهُوَ ضَامِنٌ، فَرَفَعَ شَرْطَهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ،
فَأَجَازَهُ.

Terjemahan: “Telah diceritakan kepada kami Aḥmad bin Bushair berkata: telah diceritakan kepada kami Muḥammad ‘Uqbah al-Sadūsī berkata: telah diceritakan kepada kami Yūsūf bin Arqam dari Abī al-Jārūd dari Ḥabīb bin Yasār daripada Ibn Abbās RA baekata bahawa al-Abbās Ibn ‘Abd al-Muṭalib jika memberi modal secara *al-Muḍārabah* mensyaratkan agar modalnya tidak membawa melalui lautan atau turun melalui lembah yang berbahaya atau membeli haiwan ternakan. Jika aturan tersebut disalahi, maka yang membawanya mesti bertanggung jawab atas modal tersebut. Dan ketika syarat itu disampaikan kepada Rasulullah SAW maka, beliau membolehkannya”.⁶¹

⁶⁰ Wahbah al-Zuhailī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:837.; Ismā‘īl bin Kathīr al-Qurshī, *al-Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arābi, 1994), 1:511.; Shihāb al-Dīn Maḥmūd al-Alūsī, *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa Sabī‘u Mathānī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2001), 14:298.; Abī Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardī, *al-Muḍārabah*, ed. ke-1 (Dār al-Wafā’, 1989), 120.

⁶¹ Hadith diriwayatkan al-Ṭabrānī, no. Hadīth 764. Lihat Abū Qāsim Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyūb bin Muṭa’ir al-Lakhmī al-Shāmī al-Ṭabrānī, *Mu‘jam al-Auṣāṭ* (Kaheerah: Dār al-Ḥaramain al-Qāhirah, t.t),

Al-Hadīth selanjutnya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ الْخَلَّالُ حَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ ثَابِتٍ الْبَزَّارُ حَدَّثَنَا نَصْرُ بْنُ الْقَاسِمِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ دَاوُدَ عَنْ صَالِحِ بْنِ صُهَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبَرَكَةُ: الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ وَ الْمَقَارَضَةُ وَخَلْطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ لِلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ.

Terjemahan: “Telah diceritakan kepada kami al-Ḥasan bin ‘Alī al-Khālāl, diceritakan kepada kami Bishr bin Thābit al-Bazār, diceritakan kepada kami Naṣr bin al-Qāsim daripada ‘Abd al-Rahmān bin Dāūd daripada Ṣāliḥ bin Ṣuḥaib daripada ayahnya berkata: bahawa Nabi SAW bersabda: tiga hal yang didalamnya terdapat keberkahan: perniagaan kepada satu tempoh pada masa yang tertentu, *al-Muqāraḍah* (*al-Muḍārabah*) dan mencampur gandum dengan tepung untuk keperluan rumah tangga bukan untuk dijual”.⁶²

Al-Hadīth di atas menunjukkan secara langsung keharusan melakukan kontrak *al-Muḍārabah*. Bahkan telah ada sejak zaman Rasulullah SAW dan beliau mengetahui dan mengakuinya. Tambahan lagi, sebelum diangkat menjadi Rasūl, Nabi Muhammad SAW telah melakukan amalan *Qiraḍ* (*al-Muḍārabah*). Ketika Nabi Muhammad SAW melakukan musafir ke Negeri Syam untuk melakukan perniagaan harta milik Khadijah RA. Selain itu, amalan akad *al-Muḍārabah* telah dilakukan oleh sebahagian sahabat Rasūlullāh SAW, manakala sahabat yang lain tidak membantahnya.

1:231.; Abū Qāsim Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyūb bin Muṭa’ir al-Lakhmī al-Shāmī al-Ṭabrānī, *Mu’jam al-Auṣāṭ* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif, 1985), 1:425.; Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Auṭār: Sharḥ Muntaqā al-Akḥbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār* (Mesir: Shirkāh wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī wa Aulāduhu, t.t.), 5:300.

⁶² Hadīth diriwayatkan Ibn Mājah. Bāb al-Shirkah wa al-Muḍārabah, no. Hadith 2289. Lihat Muḥamad bin Yazīd al-Qazwinī bin Mājah, *Sunān Ibn Mājah* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2:768.; Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Bānī, *Ḍa’if Sunān Ibnu Mājah* (Beirut: Maktab al-Islāmī, 1988), 177.

c. Dalil *Ijmā'*

Berdasarkan dalil *al-Qurān*, *al-Hadīth*, dan amalan para sahabat, para ulama fiqh menetapkan bahawa akad *al-Muḍārabah* apabila telah memenuhi rukun dan syarat, maka hukumnya adalah boleh. Para sahabat seperti 'Umar bin Khaṭṭāb RA, 'Uthmān bin 'Affān RA, 'Alī bin Abī Ṭālib RA, Jabīr bin 'Abd Allāh RA dan Ḥakīm bin Jazam RA telah melakukan amalan akad *al-Muḍārabah* dalam kegiatan transaksi Muamalah Islam.⁶³ Ini menunjukkan para Sahabat menjalankan urusan perniagaan dengan menggunakan prinsip *al-Muḍārabah*. Dengan ini, amalan menjalankan *al-Muḍārabah* diharuskan oleh Syarak dan selaras dengan *al-Qurān* dan *al-Hādīth*.⁶⁴ Atas dasar ini lah umat Islam dari dahulu sampai sekarang menerima amalan *al-Muḍārabah* ini sebagai *Ijmā'* yang diyakininya.⁶⁵

d. Dalil *al-Qiyās*

Akad *al-Muḍārabah* dapat diqiyaskan dengan *al-Musāqah* yang sangat diperlukan dalam masyarakat.⁶⁶ Hal Ini untuk memenuhi keperluan manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari, kerana ada dikalangan manusia yang punya kebun atau tanah pertanian tetapi tidak mempunyai kemahiran untuk mengurusnya dan memerlukan orang lain yang lebih mahir untuk menguruskannya, begitupun sebaliknya. Dengan demikian, konsep *al-Muḍārabah* mesti dijalankan antara pemilik kebun dan

⁶³ Muḥammad bin 'Alī Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār Min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1998), 5:347.

⁶⁴ *Ibid.*, 5:300.

⁶⁵ 'Alī al-Khafīf, *al-Shirāk fī al-Fiqh al-Islāmī Buḥūth Muqāranah* (Ma'had al-Dirāsah al-'Arabiyyah al-'Āliyyah, t.t.), 63.; Muḥammad Ṣalāḥ Muḥammad al-Ṣāwī, *Mushkilah al-Istithmār fī al-Bunūk al-Islāmiyyah wa Kaifa 'Alijaha al-Islām*, 26.

⁶⁶ Shams al-Dīn Muḥammad bin Ṣaḥal al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 22: 18.; Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:839.; Muḥammad bin al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2:399.

pengurusnya dan kemudian berkongsi keuntungan yang diperolehnya sesuai dengan akad yang telah disepakati di awal perjanjian.

2.4 RUKUN AL-MUḌĀRABAH

Rukun *al-Muḍarabah* mengikut madhhab Hanāfī adalah dua sahaja iaitu, *Lafẓ al-Ījāb* dan *Lafẓ al-Qabūl*.⁶⁷ Tidak disyaratkan adanya *lafẓ* tertentu, tetapi boleh dengan bentuk apa sahaja yang menunjukkan makna *al-Muḍarabah*. Kerana yang dimaksudkan dalam akad ini adalah tujuan dan maknanya, bukan *lafẓ* dan susunan katanya. Dalam madhhab Hanāfī, rukun *al-Muḍarabah* yang paling mendasar adalah *al-Ījāb* dan *al-Qabūl* (*offer and acceptance*).⁶⁸ Manakala mengikut madhhab Shāfi'ī bahawa rukun *al-Muḍarabah* tidak hanya *Lafẓ al-Ījāb* dan *al-Qabūl* sahaja, tetapi terdapat lima perkara di dalam rukun akad *al-Muḍarabah* iaitu, modal (*Ra's al-Māl*), pengurus (*al'Āmil*), keuntungan (*al-Ribh*), *lafẓ* akad (*al-Sighah*), dan dua orang yang berakad (*al-'Āqidayn*).⁶⁹ Manakala jumhur ulama mengatakan bahawa rukun *al-Muḍarabah* ada tiga sahaja iaitu,⁷⁰ adanya dua orang yang berakad (*al-'Āqidayn*), iaitu pemodal (*Ṣāhib al-Māl*) dan pengurus (*al-Muḍārib*), adanya perkara-perkara yang diakadkan (*al-Ma'qūd 'Alayh*) yang mengandungi (modal, usaha, jenis perniagaan dan penetapan untung rugi yang didapati). Manakala yang ketiga ialah, adanya *lafẓ* (*Sighah al-Ījāb* dan *al-Qabūl*).⁷¹

⁶⁷ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 2002), 5:3927.; 'Alā' al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1986), 6:79.

⁶⁸ Imran Ahsan Khan Nyazee, *Islamic Law of Business Organisation Partnerships* (Pakistan: Islamic Research Institute Press, 1997), 248.

⁶⁹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū 'Abbās Aḥmad bin Hamzah al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, 5:219.

⁷⁰ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:839.; 'Alā' al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, 6:87.

⁷¹ *Ibid.*

2.5 SYARAT *AL-MUḌĀRABAH*

Terdapat pelbagai syarat sah *al-Muḍārabah* yang disyaratkan pada *al-Āqidayn*, *Ra's al al-Māl* dan *al-Ribh*.

a. *Al-Āqidayn (Ṣāhib al-Māl dan al-Muḍārib)*

Disyaratkan pada *Ṣāhib al-Māl* dan *al-Muḍārib* mesti memahami hukum *al-Taukīl* dan *al-Wikālah*, kerana *al-Muḍārib* menguruskan modal berdasarkan perintah daripada *Ṣāhib al-Māl*, dan tidak disyaratkan keduanya Muslim. Maka oleh itu, sah transaksi *al-Muḍārabah* antara Muslim dengan kafir *Zimmī* dan kafir *Musta'min* selama berada dalam Negara Islam. Sebaliknya, dalam madhhab al-Mālikī mengatakan makruh hukumnya transaksi anantara muslim dan kafir walaupun tidak mengamalkan perbuatan yang tidak halal.⁷²

b. *Ra's al-Māl*

Modal ialah sejumlah wang atau aset yang diberikan oleh pemodal kepada pengurus bagi perniagaan dengan syarat modal tersebut mesti diketahui jumlah dan jenisnya.⁷³ Modal dapat berbentuk wang atau barang yang dinilai. Jika modal diberikan dalam bentuk aset, maka aset tersebut mesti dinilai pada masa akad. Selanjutnya modal tidak dapat berbentuk piutang dan mesti dibayar kepada *al-Muḍārib* samada secara bertahap mahupun tidak, sesuai dengan kesepakatan dalam akad.⁷⁴ Mengikut Jumhūr Fuqahā disyaratkan pula bahawa *Ra's al-Māl al-Muḍārabah* sampai kepada pengurus

⁷² Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:843.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ *Ibid.*

bagi menjalankan perniagaan, kerana itu amanah. Tidak sah amanah apabila tidak menyampaikannya.⁷⁵

c. Keuntungan (*al-Ribh*)

Keuntungan *al-Muḍārabah* ialah jumlah yang didapati sebagai kelebihan dari modal. Syarat keuntungan berikut ini yang mesti dipenuhi iaitu, harus diperuntukkan bagi kedua pihak dan tidak dibenarkan disyaratkan hanya untuk satu pihak sahaja. Bahagian keuntungan berkadar bagi setiap pihak mesti diketahui dan dinyatakan pada masa kontrak disepakati dan mesti dalam bentuk nisbah daripada keuntungan sesuai dengan kesepakatan dan juga perubahan nisbah harus berdasarkan kesepakatan.⁷⁶

2.6 JENIS-JENIS *AL-MUḌĀRABAH*

Dari segi transaksi, *al-Muḍārabah* dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *al-Muḍārabah al-Muṭlaqah* dan *al-Muḍārabah al-Muqayyadah*.

2.6.1 *Al-Muḍārabah al-Muṭlaqah*

Yang dimaksudkan dengan transaksi *al-Muḍārabah al-Muṭlaqah* adalah bentuk kerja sama antara *Ṣāhib al-Māl* dan *al-Muḍārib* yang cakupannya sangat luas dan tidak dihadkan oleh spesifikasi jenis usaha, masa dan daerah perniagaan.⁷⁷ Dalam pembahasan fiqh, ulama selalu mencontohkan dengan ungkapan *If'āl Māshi'ta* (lakukanlah sesukamu).

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'īyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq* (Iskandariyah: Dār al-Aimān, 2008), 479.

⁷⁷ *Ibid.*, 470.

2.6.2 *Al-Muḍārabah al-Muqayyadah*

Al-Muḍārabah al-Muqayyadah atau disebut juga dengan istilah *Restricted Muḍārabah* atau *Specified Muḍārabah* adalah pemodal memberikan modal kepada *al-Muḍārīb* dengan syarat perniagaan terhad dengan batasan jenis usaha, masa, tempat usaha tertentu atau hanya boleh menjual dan membeli kepada orang tertentu sahaja.⁷⁸ Ini menunjukkan bahawa *al-Muḍārabah al-Muqayyah* terhad kepada syarat yang ditentukan oleh *Rab al-Māl* kepada *Muḍārīb*.

Dalam pengaplikasian akad *al-Muḍārabah* di Bank Islam, banyak didapati produk-produk *al-Muḍārabah* samada deposit mahupun pembiayaan. Deposit *al-Muḍārabah* tersebut kemudian diaplikasikan dalam dua bentuk, pertama deposit *al-Muḍārabah* iaitu deposit yang pengeluarannya dapat dilakukan setiap masa atau beberapa hari sesuai perjanjian. Dalam hal ini Bank bertindak sebagai *al-Muḍārīb* dan mendeposit wang sebagai *Ṣāhib al-Māl*. Bank akan mengkongsikan keuntungan kepada *Ṣāhib al-Māl* sesuai dengan nisbah peratusan yang telah disepakati bersama. Yang kedua, deposit pelaburan *al-Muḍārabah* iaitu, pelaburan melalui deposit yang penarikannya hanya dapat dilakukan dalam jangka tempoh tertentu dengan sistem perkongsian sepertimana yang telah disepakati.

2.7 RISIKO AKAD AL-MUḌĀRABAH

Pelaksanaan akad *al-Muḍārabah* dalam transaksi di perbankan Islam telah banyak didapati manfaatnya dan risikonya. Antara manfaat yang dihadapi ialah bank akan menikmati peningkatan perkongsian pada masa keuntungan yang tinggi. Bank akan lebih selektif dan berhati-hati mencari usaha yang benar-benar halal, aman, dan

⁷⁸ *Ibid.*, 470.; Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:836.

menguntungkan kerana keuntungannya akan dikongsikan. Prinsip perkongsian dalam akad *al-Muḍārabah* ini berbeza dengan prinsip faedah yang dijalankan oleh bank konvensional. Bank akan meminta pelanggan faedah tetap berapapun keuntungan yang dihasilkan oleh pelanggan walaupun pelanggan mengalami kerugian ataupun sedang terjadi krisis moneter. Manakala risiko dalam urusan niaga akad *al-Muḍārabah* terutama dalam penerapan pembiayaan yang amat tinggi, iaitu pelanggan menggunakan dana itu bukan seperti yang disebutkan dalam kontrak, kelalaian, kesalahan yang disengajakan dan menyembunyikan keuntungan oleh pelanggan.⁷⁹

Pengurus kewangan tidak dibebani untuk menanggung kerugian apapun kecuali disebabkan kesalahan yang disengaja, kelalaian, ataupun melanggar perjanjian yang telah disepakati. Kerugian dalam pelaksanaan transaksi akad *al-Muḍārabah* ini mutlak menjadi tanggungjawab pemodal, dengan syarat pihak pengurus tidak melakukan kelalaian dan kesalahan pentadbiran dalam menjalankan usaha yang telah disepakati dalam syarat-syaratnya.⁸⁰

2.8 PELABURAN AL-MUḌĀRABAH

Pelaburan mengikut definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa Pustaka ialah, meletakkan sejumlah wang untuk sesuatu usaha seperti pengeluaran barangan, perniagaan dan sebagainya dengan tujuan untuk memperolehi keuntungan.⁸¹ Pelaburan dalam erti lain ialah, jumlah modal yang dilaburkan dalam urusan niaga. Ia juga sesuatu yang dibeli dengan harapan akan mendapat keuntungan yang

⁷⁹ Choi, "Manfaat dan risiko mudharabah", laman sesawang *Zona Ekonomi Islam*, dicapai 16 April 2013, <http://zonaekis.com/manfaat-dan-risiko-mudharabah/>.

⁸⁰ Shaykh al-Islām al-Imām Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Ma'rifah), 4:490.

⁸¹ *Kamus Dewan*, ed. ke-1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 688, entri "pelaburan."

berlipat kali ganda.⁸² Manakala mengikut Kamus Pelaburan, pelaburan didefinisikan sebagai penggunaan wang atau dana bagi aktiviti tertentu yang diharapkan akan menghasilkan pulangan yang lebih pada masa hadapan.⁸³

Pelaburan mengikut konteks ekonomi konvensional ialah satu bentuk penggunaan wang untuk membeli sesuatu aset samada aset hakiki atau aset kewangan dengan menjangkakan atau mengharapka bahawa aset yang dibeli itu akan menghasilkan pulangan atau pendapatan semasa dan nilainya dijangka akan meningkat dan memberikan keuntungan pada masa hadapan setelah mengambilkira risiko-risiko yang akan dihadapi.⁸⁴

Mengikut Frank K. Reilly,⁸⁵ pelaburan boleh ditakrifkan mendepositkan dana yang ada sekarang untuk sesuatu tempoh masa bagi mendapatkan aliran dana masa hadapan yang akan memberi ganjaran kepada unit yang melabur kerana tempoh modal itu digunakan untuk kadar inflasi terjangka dan untuk ketidakpastian aliran dan masa hadapan. Takrifan ini meliputi segala jenis pelaburan oleh syarikat dalam jentera, kilang dan peralatan, pelaburan kerajaan dalam mengawal banjir, ataupun pelaburan oleh para individu saham, bon barangan ataupun hartanah. Manakala menurut Keynes,⁸⁶ pelaburan ialah sama dengan tabungan kerana kedua-duanya merupakan lebihan pendapat daripada perbelanjaan.

⁸² *Ibid.*

⁸³ *Kamus Pelaburan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 110, entri “pelaburan.”

⁸⁴ Rosalan Haji Ali, *Pelaburan: Penilaian dan Penerapan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 2.

⁸⁵ Frank K. Reilly, *Investment*, ed. ke-3 (Amerika Syarikat: The Dryden Press, 1992), 6.; Frank K Reilly & Brown, Keith C., *Investment Analysis and Portfolio Management*, ed. ke-7 (Amerika Syarikat: Thomson South-Western Inc., 2003), 5.

⁸⁶ John Maynard Keynes, *The General Theory of Employment, Investment and Money* (London: Macmillan & Co. Ltd., 1960), 61-64.

Pelaburan juga merujuk kepada pembelian barang modal yang menghasilkan pendapatan dan bukannya pembelian barang-barang harian seperti barang keperluan harian. Oleh itu, dikatakan pelaburan adalah menangguhkan penggunaan masa kini untuk mendapatkan pulangan pada masa hadapan. Selain itu, menurut Muhammad Uthmān Shabīr,⁸⁷ pelaburan juga merupakan suatu pengikatan harta yang mempunyai matlamat keuntungan yang bakal diperolehi pada masa hadapan. Ia merupakan urusaniaga sesuatu modal untuk masa hadapan bagi mendapatkan pulangan terhadap modal.

Dari sudut Islam, dalam bahasa arab dinamakan dengan *al-Istithmār* yang memberi erti meminta berbuah dan menghasilkan sesuatu atau menghasilkan buah.⁸⁸ Sebagai contoh *Thamara al-Rajulu Mālahu*, yang memberi maksud seseorang itu telah melaburkan hartanya. Perkataan *al-Istithmār* juga diertikan memperolehi hasil.⁸⁹ Ia juga dapat diertikan kepada tiga makna iaitu hasil hadapan, harta dan pengembangan harta atau *al-Namā*.⁹⁰ Manakala mengikut istilah Fiqh ialah membuat pengurusan harta dengan cara secara patut dan baik. Pelaburan juga memberi erti mencari keuntungan daripada harta sebagaimana yang dijelaskan oleh Imām Mālik dalam kitab *al-Muwatṭa'* yang membincangkan tentang soal pinjaman *al-Qard*.⁹¹

⁸⁷ Muḥammad Uthmān Shabīr *et al.*, *Istithmār Amwāl al-Zakāh: Ru'yah al-Fiqhiyyah Mu'aṣṣarah Abhāth al-Fiqhiyyah fī Qaḍāya al-Zakāh al-Mu'aṣṣarah* (Jordan: Dār al-Nafā'is, t.t), 2:504.

⁸⁸ al-'Alāmah Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-Arabi*, 4:106-107.; Muḥammad Ibn Bakr Ibn 'Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ* (Beirut: Dār al-Kitāb 'Arabī, 1967), 86.; Muḥammad al-Dīn Muḥammad bin Ya'kūb al-Fairūz Ābādi, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Kaherah: Mu'assasah al-Ḥalābī wa Shirkāhu li al-Nashr wa al-Tauzī', t.t.), 1:83.

⁸⁹ Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'īyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 28.

⁹⁰ Quṭub Muṣṭafā Sānū, *al-Istithmār: Ahkāmuhu wa Ḍawābiṭuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*, 16.

⁹¹ Wan Ahmad Wilman Wan Adam, "Pelaburan Harta Zakat: Satu Kajian di Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (Tesis Pengajian Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000), 42.

Perkataan pelaburan di dalam kitab Fiqh klasik tidak dituliskan dengan istilah *al-Ihtismār*.⁹² Namun, banyak istilah lain yang diguna pakai pada masa dahulu seperti *al-Kasb*, *al-Iktisāb al-Istirbah*, *al-Istinmā'* dan *al-Tathmīr*.⁹³ Walaupun berbeza-beza istilah mengikut ulama dahulu, namun ia mempunyai maksud yang sama dalam ekonomi moden iaitu,⁹⁴ satu aktiviti pengembangan harga yang menghasilkan satu pertambahan dengan jalan yang sesuai dengan Syarak.⁹⁵ Islam juga memberi definisi pelaburan sebagai satu aktiviti perletakkan modal yang digunakan untuk membiayai sesuatu projek atau aktiviti perdagangan dan pelabur akan berkongsi keuntungan dan juga menanggung kerugian dalam usaha pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, pengertian tersebut boleh dikatakan selari dengan maksud pelaburan yang dipetik daripada Kamus Dewan iaitu sejumlah wang modal dan sebagainya yang dilaburkan dalam sesuatu urusan dengan harapan akan mendapat keuntungan berlipat ganda.⁹⁶

Adapun mengikut ahli ekonomi ialah kejuhudan manusia dalam mengembangkan harta bagi mendapatkan dan memperolehi pulangan.⁹⁷ Manakala mengikut Sobri Abu Zaid iaitu perbelanjaan untuk membeli atau menciptakan aset produksi baru untuk mencari persediaan lebih.⁹⁸ Dalam konteks ekonomi Islam moden pula pelaburan didefinisikan sebagai penambahan daripada satu modal.⁹⁹ al-Barawī

⁹² 'Alā' al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, 6:88.; al-Shīrāzī, *al-Mahadhdhab* (Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1958), 1:159.

⁹³ Abū al-Ḥasan 'Alī bin Abī Bakr bin al-Jalīl al-Marghīnānī, *al-Hidāyah Sharḥ al-Hidāyah* (Beirut: al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t.), 211.; Abī al-Walīd Sulaimān bin Khalāf al-Bājī, *al-Muntaqā Sharḥ al-Muwaṭṭā* (Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 315.; Ibn Rushd al-Hafīz, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, t.t.), 67.; Al-Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib* (Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 393.

⁹⁴ Syed Othman al-Habshi, "Islamic Thoughts and Investment" (Makalah, Seminar on Islamic Investment: An Exploratory Action Research, Kuala Lumpur, 2 Ogos 1994), 11-12.

⁹⁵ Quṭub Muṣṭafā Sānū, *al-Istithmār: Ahkāmuhu wa Ḍawābiṭuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*, 20.; Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'iyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 28.

⁹⁶ *Kamus Dewan* ed. ke-1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 688.

⁹⁷ Khalāf bin Sulaimān al-Namrī, *Shirkāt al-Istithmār fī Iqtisād al-Islāmī* (Iskandariyah: Mu'assasah Shabāb al-Jāmi'ah, 2000), 29.

⁹⁸ Ṣābri Abū Zayd, *Usūl al-Iqtisād al-Tahlilī al-Juz'ī wa al-Kullī* (Ismā'īliyyah: Maktabah 'Abd al-Dā'im, 1993), 287.

⁹⁹ Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Muqaddimah fī al-Iqtisādīyat al-Kulīah* (Kaherah: Dār al-Jāmi'ah al-Maṣriyyah, 1977), 39.

Rashīd berkata pelaburan ialah penggunaan harta untuk mencapai kepada hasil atau untuk mendapatkan modal baru yang bersesuaian dengan akad *al-Muḍārabah* dan membawa kebaikan kepada masyarakat.¹⁰⁰ Ia juga diertikan sebagai penggunaan harta bagi memenuhi satu keperluan atau *al-Hājah al-Iqtiṣādiyyah*.¹⁰¹

Daripada definisi-definisi diatas dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa pelaburan *al-Muḍārabah* adalah satu aktiviti pengembangan atau pertambahan sesuatu modal untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda pada masa hadapan dengan menggunakan akad *al-Muḍārabah*. Dimana pelabur dan orang yang melaksanakan berkongsi dalam keuntungan dan kerugian. Islam menggalakkan setiap modal yang terkumpul dilaburkan supaya manfaatnya dinikmati oleh pemiliknya dan orang ramai.¹⁰²

2.9 ETIKA PELABURAN AL-MUḌĀRABAH

Pelaburan dalam Islam adalah satu aktiviti yang di galakkan menggunakan dan membelanjakan harta dengan lebih cekap. Islam juga mengutuk sesiapa yang menahan hartanya tidak di belanjakan.¹⁰³ Pelaburan memerlukan akal dan modal untuk memperbaiki kehidupan dan juga meningkatkan kecekapan pengguna sumber-sumber pengeluaran. Modal adalah tidaklah terhad kepada faktor material sahaja tetapi usaha dan prestasi manusia juga menjadi faktor proses pengeluaran.

Islam telah menetapkan satu prinsip bahawa asal sesuatu perkara dalam muamalat itu adalah harus. Maka oleh itu, apabila sesuatu mendatangkan manfaat dan

¹⁰⁰ Shawqī Abduh al-Ṣahī, *al-Māl wa Ṭurūq fi Istithmār fī al-Islām* (Kaherah: Maṭba‘ah al-Jā’ish, 1984), 183.

¹⁰¹ al-Barāwī Rashīd, *al-Mausū‘ah al-Iqtiṣādiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1987), 41.

¹⁰² Quṭub Muṣṭafā Sānū, *al-Istithmār: Ahkāmuhu wa Ḍawābiṭuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*, 185.

¹⁰³ Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar‘iyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 265.

menengah kemudharatan dan kesempitan seperti mengembangkan harta kekayaan dengan tujuan meningkatkan taraf hidup dan membantu golongan yang memerlukan itu hukumnya harus. Oleh itu, berdasarkan hukum tersebut pengembangan harta dilaksanakan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan serta tidak bercanggah dengan prinsip Islam iaitu sesuai dengan prinsip *al-Muḍārabah*.

Antara asas penting atau kriteria yang digariskan Islam dalam urusan pelaburan iaitu, pelaburan mestilah tidak bercanggah dengan hukum Islam dan tidak melibatkan aktiviti pelaburan dalam perkara-perkara yang tidak dibenarkan seperti arak dan sebagainya. Selanjutnya modal yang diperolehi adalah dari sumber yang halal. Pelaburan yang dilakukan juga mesti mampu memberi kebajikan dan kemakmuran kepada individu dan masyarakat. Kemudian pelaburan tersebut hendaklah memberi pulangan dalam bentuk kebendaan dan keruhanian yang bukan sahaja memberi kepuasan dan kebajikan di dunia dan di akhirat. Yang terakhir, pelaburan tersebut juga hendaklah bebas daripada segala bentuk larangan seperti riba, ketidakpastian, penindasan, penipuan, pembaziran dan sebagainya.¹⁰⁴

Pelaburan sebenarnya adalah faedah yang didapati dalam pengeluaran barangan keperluan dan keselesaan hidup. Selain itu, Islam menghendaki setiap modal yang terkumpul hendaklah dilaburkan agar manfaatnya dapat dinikmati oleh pemiliknya dan masyarakat umum. Harta boleh mendatangkan kebaikan kepada manusia sekiranya ia digunakan kepada saluran-saluran yang betul seperti zakat, sedekah, hibah dan lainnya. Tapi harta akan mendatangkan kerosakan pula sekiranya ia digunakan kepada kemaksiatan, pembaziran dan sebagainya.¹⁰⁵

¹⁰⁴ Naṣr Muḥammad al-Salāmi, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'īyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 288.; Masadul Alam Choudry, *Contribution to Islamic Theory: A Study In Social Economic* (London: Mc Millan Press Ltd., 1986), 135.

¹⁰⁵ Naṣr Muḥammad al-Salāmi, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'īyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 207.

2.10 DALIL PENSYARIATAN PELABURAN *AL-MUḌĀRABAH*

Dalam konsep ekonomi Islam manusia tidak terhalang dalam menggunakan modal dan harta kekayaan untuk dilaburkan dan dikembangkan dengan menggunakan transaksi akad *al-Muḍārabah*. Walau bagaimanapun manusia tidak seharusnya lupa bahawa segala harta kekayaan tersebut adalah milik Allah SWT.¹⁰⁶ Manusia hanyalah sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memelihara dan menggunakan harta tersebut untuk mencapai kesejahteraan alam ini. Pada asasnya, pengembangan modal dan harta kekayaan yang diuntut oleh Islam adalah bertujuan membangun ekonomi suatu negara, memberi kebahagiaan kepada umat manusia dan merapatkan jurang perbezaan dalam pengagihan kekayaan.¹⁰⁷ Terdapat banyak dalil samada daripada *al-Qur'ān*, *al-Sunnah* dan *al-Ijmā'* tentang keharusan melukan pelaburan *al-Muḍārabah*. Antaranya:

a. Dalil *al-Qur'ān*

Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ
وَالِيهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

al-Mulk 67: 15

Terjemahan: Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah)

¹⁰⁶ Yūsūf al-Qarāḍāwī, *Daur al-Qimmah wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 42.

¹⁰⁷ Muḥammad Rawwasa al-Qal'ahjī, *Mabāhith fī al-Iqtisād al-Islāmī Min Usūlihi al-Fiqhiyyah* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1997), 33.

dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takuti lah kemurkaanNya).¹⁰⁸

Ayat di atas Allah SWT menunjukkan ciptaannya kepada hambanya iaitu menciptakan bumi kemudian menyuruh manusia untuk mengurus bumi dengan baik samada bercucuk tanam mahupun mengali sumur bagi mendapatkan hasilnya dengan memeperolehi padi dan air dan pelbagai cara lain untuk mencari rezeki,¹⁰⁹ antaranya dengan melakukan perniagaan.¹¹⁰ Namun menurut kebanyakan Ulama menyatakan asal hukum dalam muamalat adalah harus, demikian pula pelaksanaan pelaburan *al-Muḍārabah* juga harus.¹¹¹ Firman Allah SWT lagi:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا

اللَّهُ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٩﴾

al-Jumu'ah 62: 10

Terjemahan: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).¹¹²

¹⁰⁸ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 9:434-435.

¹⁰⁹ Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Tafsīr Faṭḥ al-Qadīr al-Jāmi'u Baina Fannī al-Riwāyah wa Dirāyah Min 'Ilm al-Tafsīr* (Beirut: Dār al-Kalam al-Ṭayyib, 1993), 18:215.; Abī Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi'u al-Bayān 'An Ta'wīl Ayī al-Qur'ān* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1997), 7:365.

¹¹⁰ Imām Abī Fidā' Ismā'il bin Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr* (Kaherah: Maktabah Zahrān, t.t.), 4:398.; Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006), 21:124.; al-Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, ed. ke-1 (Mesir: al-Iltizām 'Abd al-Raḥmān Muḥammad, t.t.), 30:69.

¹¹¹ Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Tafsīr Faṭḥ al-Qadīr al-Jāmi'u Baina Fannī al-Riwāyah wa Dirāyah Min 'Ilm al-Tafsīr* (Mesir: Shirkāh Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Aulādahu, 1963), 5:262.

¹¹² Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 9:351-352.

Kata *Intasyiru* dan *Ibtaghu* adalah *Amr Jazm*,¹¹³ iaitu perintah menyebarkan di muka bumi dan mencari kurnia Allah SWT. setelah melaksanakan sembahyang jum'at. Oleh demikian, melakukan perlaburan juga bahagian daripada perintah diatas.¹¹⁴ Ulama berbeza pendapat maksud daripada perintah tersebut, sebahagian ulama mengatakan perintah wajib berdasarkan pemahaman *Mafhum al-Muwafaqah*.¹¹⁵ Namun, mengikut kebanyakan Ulama Uşul menyatakan harus.¹¹⁶

b. Dalil al-Sunnah

Dalil keharusan melakukan transaksi *al-Muḍārabah* dalam al-Qur'ān telahpun cukup untuk mengetahui hukum pelaburan. Adapun dalil daripada al-Sunnah adalah sebagai pelengkap apa yang ada di dalam al-Qur'ān. Kedua-duanya adalah asas pensyari'atan dalam pengambilan hukum terutama dalam pelaburan *al-Muḍārabah* antaranya, Hadith daripada 'Umar bin Shu'aib daripada ayahnya RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، قَالَ: حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى، قَالَ: حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ
 بْنُ مُسْلِمٍ، عَنْ الْمُثَنَّى بْنِ الصَّبَّاحِ، عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ
 جَدِّهِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ النَّاسَ، فَقَالَ: أَلَا مَنْ وَلِيَ يَتِيمًا
 لَهُ مَالٌ فَلْيَتَجَرَّ لَهُ فِيهِ وَلَا يَتْرُكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ.

¹¹³ Quṭub Muṣṭafā Sānū, *al-Istithmār: Ahkāmuhu wa Ḍawābiṭuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*, 39.

¹¹⁴ Ibn al-Tilmisānī, 'Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Alī Sharīf al-Dīn Abū Muḥammad al-Fiḥrī al-Maṣrī, *Sharḥ al-Ma'ālīm fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: 'Ālim al-Kutub, 1999), 1:259.; Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'iyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 207.

¹¹⁵ As'ad 'Abd al-Ghānī al-Sayyid al-Kafrāwī, *al-Istidlāl 'Inda al-Uṣūliyyin* (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), 458.

¹¹⁶ Al-Imām al-'Alāmah Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Sharḥ Tanqīh al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl fī Uṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007), 150.; al-Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 30:9.; Imām Abī Fidā' Ismā'il bin Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr*, 4:368; Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u al-Ahkām al-Qur'ān*, 20:476.

Terjemahan: “Telah diceritakan kepada kami Ismā‘īl berkata: telah diceritakan kepada kami Ibrāhīm bin Mūsā berkata: telah diceritakan kepada kami al-Wālīd bin Muslim daripada al-Muthannā bin al-Sabāh daripada Amr bin Shu‘aib daripada ayahnya daripada kakeknya berkata: Bahawa Nabi SAW telah menyerukan manusia bahawa siapa disertai harta anak yatim, maka usahakanlah ia dan jangan ditinggalkan hingga habis termakan zakat”.¹¹⁷

Dalam Hadīth lain Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى، أَخْبَرَنَا عِيسَى، عَنْ ثَوْرٍ، عَنْ خَالِدِ بْنِ مَعْدَانَ، عَنْ
الْمِقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا أَكَلَ أَحَدٌ
طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ، وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ
كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ.

Terjemahan: “Telah diceritakan kepada kami Ibrāhīm bin Mūsā diceritakan kepada kami Īsā daripada Thaur daripada Khālīd bin Ma’dān daripada Miqdām RA daripada Rasūl Allāh SAW bersabda: Tidak seorangpun memakan makanan yang lebih baik dari makanan yang didapati dari hasil kerja tangannya. Dan sesungguhnya Nabi Daud ‘Alaihi salam makan dari hasil kerja tangannya”.¹¹⁸

Dalam hadīth di atas Rasulullah SAW telah menegah tindakan yang membiarkan sumber-sumber berdaya keluaran berada dalam keadaan terbiar. Hadīth di atas juga menyatakan bahawa Rasulullah SAW menyarankan harta anak yatim diambil untuk

¹¹⁷Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā Jā’a fī Zakāh Māl al-Yatīm, no. Hadīth 641. Kebanyakan *Ahl al-Hadīth* mengambil *hujjah* dengan hadis Amr bin Shu‘aib. Lihat Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā al-Tirmidhī, *al-Jāmi‘u al-Kabīr* (Kaherah: Dār al-‘Arabī al-Islāmī, 1998), 2:25-26.; al-Imām Ibn al-Arabī al-Mālikī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, ed. ke-1 (Mesir: al-Maṭba‘ah al-Misriyyah, 1931), 3:136.; Aḥmad bin Ali Muḥammad al-Kanānī al-‘Asqalānī, *al-Talkhīs al-Ḥabīr* (Kaherah: Mu‘assasah Qurṭubah, 1995), 308.

¹¹⁸ Hadīth riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Kasb al-Rajūl wa ‘Amālihi bi Yadihi, no. Hadīth 2072. Lihat Imām al-Hāfiẓ Abī ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Jordan: Bayt al-Afkār al-Daulīyyah, 1998), 230.; Al-Imām Zayn al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Laṭīf al-Zabīdī, *Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ke-2 (Riyād: Dār al-Mawā‘id, 2002), 264.

diperniagakan. Hadīth ini menunjukkan keharusan melakukan pelaburan. Manakala hadith yang kedua ialah yang menyatakan bahawa menegerjakan urusaniaga dengan tangan sendiri adalah bahagian dari kemuliaan dan lebih baik.

c. Dalil *al-Ijmā'*

Para sahabat telah sependapat mengatakan bahawa pelaburan adalah diharuskan oleh Islam iaitu dengan menggunakan prinsip *al-Muḍārabah*. Antara dalil *Ijmā'* yang mengharuskannya sebagaimana yang dipetik daripada pandangan Dr Wahbah al-Zuhailī dalam buku *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* ialah diriwayatkan daripada sekumpulan para sahabat seperti 'Uthmān ibn 'Affān, 'Ali Ibn Abī Ṭālib, 'Aishah, 'Ubaid ibn 'Umar serta 'Abd Allāh ibn Mas'ūd yang telah turut libat dalam menyerahkan harta anak-anak yatim untuk dilaburkan berdasarkan akad *al-Muḍārabah* dan tidak ada sesiapaupun ketika itu yang mengingkari atau membantah perbuatan tersebut. Maka ketiadaan bantahan ini di anggap sebagai *Ijmā'*.¹¹⁹

2.11 PELABURAN KONVENSIONAL

Pelaburan ialah penanaman modal yang diharapkan dapat menghasilkan tambahan dana pada masa hadapan. Matlamat daripada pelaburan ini ialah untuk mendapatkan keuntungan yang lebih ke atas barangan atau perkhidmatan yang lebih baik pada masa hadapan berbanding pada masa sekarang.¹²⁰ Pelaburan mengikut ekonomi konvensional dapat dibahagikan kepada beberapa bentuk. Bentuk-bentuk pelaburan ini ada yang melibatkan pelaburan fizikal dan pelaburan kewangan. Pelaburan benar merujuk kepada pelaburan yang nyata seperti tanah, bangunan, alat,

¹¹⁹ Wahbah al-Zuhailī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, ed. ke-3, 4:838.

¹²⁰ Jack Clark Francis, *Investment: Analysis and Management*, ed. ke-5 (Singapore: McGraw-Hill Inc., 1991), 1.

rumah dan sebagainya. Manakala pelaburan kewangan pula merujuk kepada pembelian aset yang melibatkan pembelian aset kertas yang lebih dikenali sebagai sekuriti.¹²¹

Dalam menjangkakan pulangan ke atas pelaburan yang tinggi pada masa hadapan, ia dikesankan oleh beberapa faktor, antaranya pulangan pelaburan wujud dalam jangka masa panjang seperti pertumbuhan guna tenaga dan produktiviti, faktor ketegangan dan kelegaan pasaran modal, kadar inflasi terjangkau, serta premium risiko yang ditentukan oleh perbagai ketidakpastian. Daripada fakto-faktor di atas, pelaburan boleh dibahagikan kepada pelaburan otonomi dan pelaburan terpengaruh. Dengan demikian pelaburan mempunyai sifat yang sangat mudah berubah. Oleh kerana itu, mengikut Ben Branch, pelaburan melibatkan tiga proses bersaing tetapi saling berkaitan iaitu pemilihan, perlaksanaan dan jangka masa.¹²²

2.12 PERBEZAAN ANTARA TRANSAKSI AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DAN TRANSAKSI PELABURAN KONVENSIONAL

Berdasarkan penjelasan di atas didapati ada beberapa perbezaan yang jelas di antara akad *al-Muḍārabah* dan pelaburan konvensional. Perbezaan tersebut antaranya :

a. Deposit

Pelaburan konvensional ditumpukan perhatian kepada orang kaya bagi memperolehi bank mengumpulkan dana untuk menjalankan urusaniaga untuk memperoleh keuntungan. Manakala dalam sistem pelaburan atau deposit akad *al-Muḍārabah*, deposit pelaburan tidak membezakan antara orang dan orang miskin. Akan

¹²¹ Bodie, Zvi, Alex Kane dan Alan J. Marcus, *Essentials of Investment*, ed. ke-2 (Amerika Syarikat: Richard D. Irwin Inc., 1995), 3.

¹²² Ben Branch, *Investment: Principles and Practices* (Singapore: Longman Singapore Publisher Ltd., 1989), 6.

mendapat perhatian penuh daripada bank untuk mendapatkan keuntungan dan kerugian samada orang kaya dan orang miskin. Ini jelas memberikan berbezaan yang ketara antara kontrak *al-Muḍārabah* dan pelaburan konvensional.

b. Kadar Faedah

Kadar faedah dalam sistem akad *al-Muḍārabah* berdasarkan keuntungan atau kerugian yang diperolehi oleh bank. Nisbah keuntungan tersebut didapati berdasarkan persetujuan di awal akad. Manakala mengikut sistem perbankan konvensional, pihak bank memberikan kadar faedah kepada pelanggan yang menyimpan atau melaburkan wangnya di bank agar menarik perhatian di kalangan pelanggan. Ia tidak mengambilkira keuntungan dan kerugian yang didapati oleh bank. Dalam sistem perbankan konvensional faedah mempunyai peranan penting dalam meningkatkan ekonomi masyarakat. Begitupun dalam dalam hal pelaburan, dengan adanya kadar faedah pelanggan amat terdorong untuk men deposit wang di institusi kewangan bagi meningkatkan simpanannya. Ini amatlah jelas memberi perbezaan dengan pelaburan Islam.¹²³

c. Kawalan Syariah

Di dalam transaksi *al-Muḍārabah* dibuat dengan perancangan yang rapi dan berhati-hati serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam. Selanjutnya, pengeluaran harta tidak membawa kepada pembaziran dan bermegah-megahan yang dapat menyebabkan perbezaan antara golongan kaya dengan miskin.¹²⁴ Akad *al-Muḍārabah* juga melarang melibatkan dalam

¹²³ F. Ajaht Al-Jaelani, “Konsep Investasi Dalam Islam,” laman sesawang *Cash Investasi*, dicapai 31 Mac 2013, <http://www.cashinvestasi.com/2011/09/konsep-investasi-dalam-islam.html>.

¹²⁴ M. Umer Chapra, *Towards A Just Monetary System: Ke arah Sistem Kewangan Yang Adil*, terj. Radiah Abdul Kadir, 82.

aktiviti perjudian, melibatkan dan mengeluarkan benda-benda yang haram seperti minuman keras, daging yang tidak halal, menjual daging khinzir, dan lainnya. Apatah mempunyai sebarang operasi yang melibatkan kegiatan yang mempunyai unsur *gharār* seperti perniagaan insurans konvensional itu amatlah dilarang Syarak. Manakala pelaburan konvensional tidak ada kawalan Syariah.

2.13 KESIMPULAN

Aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam perbankan Islam adalah sebuah prinsip yang amat di galakkan dalam pelaksanaannya. Dalam Islam telah digariskan cara mendeposit, memperolehi modal dan mengurusinya mestilah berjalan dengan Syarak. Syarak telah menetapkan konsep dan prinsip Islam dengan menggunakan konsep perkongsian untung rugi berdasarkan prinsip *al-Muḍārabah*. Selain itu, dalam menjalankan transaksi perbankan Islam mestilah menegah daripada perbuatan batil, perjudian, *gharar* dan lainnya.

Kegiatan ekonomi dengan menggunakan kontrak akad *al-Muḍārabah* merupakan satu kegiatan yang mempunyai peranan penting dalam membangunkan sistem ekonomi Islam. Keharusannya di dalam Islam dengan meletakkan peraturan khas dalam melaksanakannya. Walaupun aktiviti transaksi melalui ekonomi konvensional banyak menarik perhatian pelanggan, pengurusan yang berteraskan Islam wajar diperkembangkan secara meluas sehingga terbukti kemampuan dan keuntungannya setaraf dengan prinsip konvensional, bahkan lebih baik daripada konvensional. Oleh itu, untuk tertegah dari perbuatan yang dilarang oleh Syarak dan untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat, Islam telah menawarkan pelbagai bentuk kontrak atau akad antaranya akad *al-Muḍārabah* samada dalam bentuk deposit mahupun pembiayaan.

BAB TIGA

PROFIL BANK ACEH SYARIAH DAN APLIKASI AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DALAM PRODUK DEPOSIT DI BANK ACEH SYARIAH, ACEH, INDONESIA

3.1 PENGENALAN

Perbankan Islam mempunyai peranan penting dalam menyelesaikan masalah-masalah kewangan dengan memobilisasi deposit masyarakat ramai dan kemudian melaburkannya ke dalam sektor pembangunan Islam. Oleh demikian, akad *al-Muḍārabah* akan dijadikan konsep dalam menjalankan akaun deposit di Bank Aceh Syariah, Aceh. Selain itu, tidak setakat memobilisasi deposit sahaja, tapi juga meningkatkan kecekapan penggunaan deposit, mengurangkan tumpuan kepada kekayaan dan juga memberikan pelaburan lainnya kepada masyarakat.

3.2 SEJARAH PENUBUHAN BANK ACEH SYARIAH

Ide penubuhan Bank Aceh Syariah tercetus daripada kerajaan Negeri Aceh setelah mendapatkan persetujuan daripada ahli perlimen (Dewan Perwakilan Rakyat Daerah) Kerajaan Aceh di Banda Aceh dengan Surat Keputusan Nombor: 7/DPRD/5 pada 7 September 1957. Ketika itu ahli parlimen Aceh yang mewakilkan kerajaan Aceh untuk menjumpai Mula Pangihutan Tamboenan, Naib Notari di Banda Aceh untuk menubuhkan bank dalam bentuk syarikat berhad yang diberi nama Bank Pembangunan Aceh, dengan modal awal Rp 25.000.000.¹²⁵

Setelah perubahan akta, pada 2 Februari 1960 memperoleh izin daripada Menteri Kewangan Indonesia dengan Surat Keputusan No. 12096/BUM/II. Kemudian dibentuk

¹²⁵ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 8 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

pensijilan hukum daripada Menteri Kehakiman Indonesia dengan Surat Keputusan No. JA5/22/9 tarikh 18 Mac 1960, ketika itu dipimpin oleh Teuku Djafar sebagai Pengarah. Dihadiri juga suruhanjaya yang diwakili oleh Teuku Soelaiman Polem, Abdullah Bin Mohammad Hoesen dan Muhammad Sanusi.

Dengan ditetapkannya Undang-Undang No. 13 tahun 1962 tentang syarat-syarat pokok Bank Pembangunan Daerah (BPD), semua bank milik kerajaan negeri yang telah ditubuhkan lebih awal dapat menyesuaikan diri dengan undang-undang tersebut. Untuk memenuhi syarat ini, pada tahun 1963 kerajaan Aceh membuat Peraturan Daerah (PERDA) No. 12 Tahun 1963 sebagai landasan hukum penubuhan Bank Pembangunan Daerah Istimewa Aceh. Dalam peraturan daerah tersebut ditegaskan bahawa maksud penubuhan tersebut adalah untuk menyediakan pembiayaan bagi pelaksanaan usaha-usaha pembangunan negeri bagi meningkatkan pembangunan ekonomi.¹²⁶

Setelah sepuluh tahun kemudian, pada 7 April 1973 Gabenor Aceh mengeluarkan Surat Keputusan No. 54/1973 tentang penetapan pelaksanaan pertukaran nama Bank Pembangunan Aceh (BPA) menjadi Bank Pembangunan Daerah (BPD). Pertukaran status samada bentuk undang-undang mahupun hak dan kewajipan dan lainnya secara rasmi terlaksana pada 6 Ogos 1973. Akhirnya pada hari itu Bank Pembangunan Daerah ditubuhkan di Aceh.

Untuk memberikan aktiviti yang luas kepada Bank Pembangunan Daerah, kerajaan Aceh melakukan perubahan Peraturan Daerah (PERDA) iaitu, PERDA No. 10 tahun 1974, PERDA No. 6 tahun 1978, PERDA No. 5 tahun 1982, PERDA No. 8 tahun 1988, PERDA No.3 tahun 1993 dan PERDA No. 2 Mac 1999 tentang perubahan

¹²⁶ *Ibid.*

bentuk institusi hukum Bank Pembangunan Aceh menjadi Bank Pembangunan Daerah Istimewa Aceh, yang telah disahkan oleh Menteri Luar Bandar Indonesia dengan surat keputusan Nombor: 584/21/343 pada 31 Disember 1999.¹²⁷

Perubahan bentuk institusi dari syarikat Negeri menjadi syarikat berhad dilatarbelakangkan oleh aktiviti Bank Pembangunan Daerah Istimewa Aceh dalam program permodalan semula. Peningkatan permodalan bank yang ditetapkan melalui keputusan Menteri Kewangan Indonesia dan Gabenor Bank Indonesia nombor: 53/KMK/017/1999 dan nombor: 31/12/KEP/GBI pada 8 Februari 1999 tentang pelaksanaan program rekapitulasi bank umum yang diambil tindakan dengan menandatangani perjanjian antara kerajaan Indonesia, Bank Indonesia dan Bank Pembangunan Daerah (BPD) di Jakarta pada 7 Mei 1999.¹²⁸

Perubahan bentuk institusi menjadi syarikat berhad ditetapkan dengan akta notari Husni Usman, SH No. 55 pada 21 April 1999, setelah itu Bank Pembangunan Daerah Istimewa Aceh disingkat menjadi Bank (BPD) Aceh. Perubahan tersebut telah disahkan oleh Menteri Kehakiman Republik Indonesia dengan Surat Keputusan Nombor C-8260/HT/01/01/TH/1999 tarikh 6 Mei 1999. Dalam akta penubuhan ditetapkan modal awal oleh Bank BPD Aceh sebesar Rp. 150,000.000.000. Sesuai dengan akta notari Husni Usman, SH Nombor: 42 pada 30 Ogos 2003, modal awal ditetapkan oleh Bank BPD Aceh ditambah menjadi Rp 500.000.000.000.

Adapun Bank Pembangunan Daerah (BPD) Aceh Syariah mulai beroperasi pada tarikh 5 November 2004, sesuai dengan surat izin pembukaan daripada Bank Indonesia

¹²⁷ *Ibid.*

¹²⁸ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.

Nombor: 6/4/DPBS/BNA pada 19 Oktober 2004.¹²⁹ Ketika itu kegiatan Bank BPD Aceh Syariah terhenti akibat musibah Tsunami yang menghancurkan Aceh. Sesuai dengan komitmen Pengarah Bank BPD Aceh Syariah kembali beroperasi pada 3 Januari 2005, dengan membuka pejabat sementara di pejabat pusat BPD Aceh pada bahagian Pemberdayaan Ekonomi Rakyat (PER). Pada saat itu, operasi Bank BPD Aceh Syariah masih terhad. Ketika itu bank hanya mencari data-data pelanggan yang masih hidup dan pelanggan yang telah meninggal serta melayani pembayaran deposit kepada pelanggan yang umumnya dilakukan oleh para ahli waris.¹³⁰

Dengan bertambahnya pelanggan, pada tarikh 21 Februari 2005 Bank BPD Aceh Syariah memindahkan pejabatnya ke jalan Mata Ie, Ketapang Dua, Banda Aceh, Aceh. Bank BPD Aceh Syariah kembali beroperasi, walaupun dengan keadaan pejabat yang jauh dari bandar, namun perkembangan Bank BPD Aceh Syariah sangat baik. Dalam pengoperasian bank, sangat tinggi jumlah dana yang didapati dari pihak ketiga iaitu sebanyak Rp 67.28 bilion, yang terdiri daripada akaun deposit *al-Muḍārabah* (Tabungan Firdaus) sebanyak Rp 9.6 milion, giro *Wadī'ah* sebanyak Rp 2.3 bilion, deposit *al-Muḍārabah* sebanyak Rp 55.2 bilion. Manakala pembiayaan antaranya, pembiayaan *al-Muḍārabah* sebanyak Rp. 22,8 bilion dan pembiayaan *al-Musyārah* sebanyak Rp 315.000.000. Selanjutnya, untuk mendekatkan diri dengan pelanggan dan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, pada 6 Februari 2006 Bank BPD Aceh Syariah telah berpindah ke pejabat baru di jalan T. Hasan Dek No. 42-43, Beurawe, Banda Aceh. Kemudian pada 29 September 2010 Bank BPD

¹²⁹ *Ibid.*

¹³⁰ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 8 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

Syariah diubah nama menjadi Bank Aceh Syariah, sampai sekarang ini bank tersebut telah beroperasi di pelbagai cawangan antaranya cawangan Langsa.¹³¹

3.2.1 VISI BANK ACEH SYARIAH

Visi bank ini adalah untuk mewujudkan Bank Aceh Syariah menjadi Bank yang sihat dan dipercayai serta dapat memberikan nilai yang tinggi kepada pelanggan dan masyarakat.

3.2.2 MISI BANK ACEH SYARIAH

Misi bank Aceh Syariah adalah membantu dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri dalam rangka meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui pengembangan usaha dan peningkatan ekonomi rakyat serta memberi nilai yang baik kepada pemilik dan kesejahteraan masyarakat. Selanjutnya untuk mewujudkan pelaksanaan sistem perancangan dan prosedur yang terkawal dengan arah pengurusan syarikat pada masing-masing unit kerja yang mampu memberikan sumbangan nilai yang positif terhadap prestasi bank.

3.2.3 MOTO BANK ACEH SYARIAH

“Kepercayaan dan kemitraan”. “Kepercayaan,” adalah suatu manifestasi dan wujud bank sebagai amanah daripada pelanggan, pemilik, masyarakat secara luas untuk menjaga kerahasiaan serta mengamankan kepercayaan tersebut. Manakala “kemitraan” adalah suatu jalinan kerjasama yang erat dan setara antara bank dan pelanggan yang

¹³¹ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.; Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 8 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

merupakan strategi perniagaan bersama dengan prinsip saling memerlukan dan saling menguntungkan diikuti dengan pembinaan dan pembangunan secara berterusan.¹³²

Dalam rangka mencapai visi, misi dan moto tersebut, Bank Aceh Syariah diarahkan pada pengurusan bank yang sihat dan pada jalur yang benar, perbaikan ekonomi rakyat dan pembangunan daerah dengan melakukan usaha-usaha yang mengutamakan tawaran kredit secara optimum, pembiayaan serta perkhidmatan perbankan lainnya bagi kelancaran dan kemajuan pembangunan Negeri. Selain itu, Bank Aceh Syariah juga mengamalkan dan melaksanakan nilai-nilai falsafah yang terkandung dalam budaya pekerjaan iaitu bekerja adalah ibadah kepada Allah SWT dengan penuh keimanan dan ketaqwaan, profesional dan integriti pengurusan, pengurusan bank secara sihat dan berdaya saing tinggi, kepuasan pelanggan yang tinggi, prestasi kerja dan kesejahteraan adalah kurnia Allah SWT.¹³³

3.3 STRUKTUR ORGANISASI BANK ACEH SYARIAH LANGSA, ACEH

a. Susunan Manajemen Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh seperti berikut:


Dewan Pengawas Syariah	: Prof. Dr Syahrizal Abbas, MA
	: Prof. Dr Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA
Ketua Pengarah	: Muhammad Hendra Supardi
Bahagian Perkhidmatan Pelanggan	: Ahmad Mirza
Bahagian Pengurus Kewangan	: Euwis Choriyah
Bahagian pengurusan Akaun	: Muhammad Safri Antoni
Bahagian Pengurusan Kakitangan	: Abdi Kusuma, CH
Bahagian Keselamatan	: Afrizal
	: M. Jopi Kennedy

¹³² Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 8 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>

¹³³ *Ibid.*

b. Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah, Langsa

Rajah 3.1. Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh



Sumber : *Brosur Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh, tahun 2013.*

Dalam menjalankan operasi, Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh mempunyai struktur organisasi. Kedudukan yang paling tinggi ialah Ketua Pengarah Bank dan dibantu oleh bahagian pengurusan kakitangan yang terdiri dari perkhidmatan pelanggan, pengurusan kewangan, bahagian pengurusan akaun, pembantu pengurus operasi dan keamanan. Adapun pendetilan tugas-tugas itu dijelaskan seperti berikut: ¹³⁴

a) Ketua Pengarah Bank.

1. Bertanggung jawab dalam hal pengurusan bank dalam melaksanakan polisi perniagaan dan sesuai dengan sasaran;
2. Menetapkan strategi pencapaian sasaran dan pengembangan sumber manusia bank;
3. Menetapkan polisi dalam menjalankan pengurusan;
4. Memelihara dan mengurus kekayaan bank; dan

¹³⁴ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.

5. Memantau hasil audit bank dan mengambil tindakan bila diperlukan.

b) Bahagian Pengurusan Kakitangan

1. Membantu Ketua Pengarah Bank dalam pelaksanaan dan polisi pelayanan perkhidmatan perbankan berdasarkan sistem operasi yang telah ditetapkan oleh bank sesuai dengan pengurusan peraturan yang telah ditetapkan oleh Bank Indonesia (BI).
2. Melakukan *review* terhadap pelaksanaan tugas-tugas dalam operasi.
3. Memberikan suasana kerja yang harmonis dan memelihara hubungan baik dengan pelanggan sehingga dapat meningkatkan kecakapan dan efektif kerja.

c) Bahagian Pengurusan Akaun

1. Mengawasi penggunaan kredit dan mengikuti perkembangan pelanggan;
2. Meneliti dan menilai laporan perkembangan pelaburan pelanggan samada fizikal mahupun kewangan;
3. Mengawasi syarat-syarat dalam perjanjian kredit dan jaminan bank;
4. Melakukan tuntutan pembiayaan kepada pelanggan berdasarkan perjanjian pembiayaan;
5. Menyusun laporan kewangan sesuai dengan ketentuan yang berlaku.

d) Bahagian Pengurusan Kewangan

1. Menerima dan membayar wang tunai samada berupa cek mahupun akaun simpanan dari pelanggan dan pihak lainnya setelah memastikan kebenarannya;
2. Menyimpan dan memelihara dan tunai selama masa operasi dan sesudah operasi; dan
3. Menyimpan informasi mengenai data-data pelabur bagi pihak yang tidak berkepentingan.

e) Bahagian Perkhidmatan Pelanggan

Melaksanakan perkhidmatan informasi dan perkhidmatan pelanggan berjalan lancar dan sesuai dengan prosedur kerja yang telah ditetapkan.

3.4 APLIKASI AKAD DEPOSIT *AL-MUḌĀRABAH* DI BANK ACEH SYARIAH, ACEH, INDONESIA


Sistem yang digunakan oleh Bank Aceh Syariah dalam pengumpulan dana dan pembiayaan adalah sistem perkongsian. Pelbagai perkhidmatan yang telah diamalkan oleh Bank Aceh Syariah dengan menggunakan akad *al-MuḌārabah*. Penulis akan menghuraikan produk-produk Bank Aceh Syariah yang berasaskan akad *al-MuḌārabah* samada dalam produk pengumpulan dana mahupun produk pembiayaan seperti produk deposit *al-MuḌārabah* (Simpanan Firdaus), deposit semasa *al-MuḌārabah*, deposit TabunganKu, deposit Sahara dan lainnya.

3.4.1 Akaun Deposit *al-MuḌārabah* (Tabungan Firdaus)

Akaun deposit *al-MuḌārabah* (Tabungan Firdaus) merupakan deposit yang fitrah dalam usaha Syariah. Deposit ini bermaksud antara bank dan pelanggan akan melakukan kerjasama secara Syariah yang fitrah yang mempunyai tujuan untuk membawa keuntungan yang halal, berkah dan bertambah.¹³⁵

¹³⁵ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

Rajah 3.2. Jumlah Deposit *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah Tahun 2010-2012



Sumber: *Laporan Tahunan 2010-2012, Bank Aceh Syariah, Aceh.*

Rajah ini menunjukkan bahawa pengumpulan dana yang dilakukan oleh Bank Aceh Syariah dari pemilik dana dalam bentuk deposit *al-Muḍārabah* untuk tempoh tiga tahun kewangan 2010-2012. Merujuk kepada rajah di atas didapati bahawa deposit *al-Muḍārabah* pada tahun 2010 sebanyak Rp 261.229 juta. Pada tahun 2011 deposit *al-Muḍārabah* sebanyak Rp 288.656 juta. Manakala pada tahun 2012 iaitu sebanyak Rp 347.374 juta. Jumlah dana deposit ini kemudian akan diperuntukkan oleh bank kepada pelbagai pembiayaan kepada pihak lain dalam pelbagai bentuk usaha. Kemudian hasil daripada itu, pemilik dana akan mendapatkan pulangan perkongsian keuntungan sesuai dengan nisbah yang telah disepakati di awal akad.

Perkhidmatan akaun deposit Firdaus pada Bank Aceh Syariah ini diperuntukkan bagi individu yang menggunakan prinsip *al-Muḍārabah*. Dana yang dilaburkan oleh pelanggan dapat dipergunakan oleh Bank dengan ganjaran perkongsian bagi pelanggan (*Ṣāhib al-Māl*). Deposit Firdaus ini menggunakan akad *al-Muḍārabah al-Muṭlāqah* yang bermaksud pihak bank diberi kuasa penuh untuk menjalankan usahanya tanpa terhad dan memenuhi syarat-syarat Syariah dan tidak terkait dengan masa, tempat dan

jenis usaha sebagaimana dikatakan oleh Dr Wahbah Zuhaili.¹³⁶ Pemilik dana dan Bank Aceh Syariah bersepakat untuk mengkongsikan keuntungan yang diperolehi daripada hasil usaha pengurusan dana tersebut iaitu 52 % untuk pihak pendeposit dan 48 % untuk pihak bank yang pelaksanaanya dilakukan sesuai dengan nisbah yang telah ditetapkan oleh Bank Aceh Syariah.¹³⁷

Selanjutnya sebagai bukti telah nendepositkan wang, bank menerbitkan buku deposit atas nama pendeposit, bank juga menerbitkan kad ATM sesuai permintaan pendeposit. Bila mana buku bank hilang, pendeposit dikehendaki melaporkan kehilangan tersebut ke pejabat Bank Aceh Syariah penerbit buku bank tersebut. Deposit *al-Muḍārabah* (Tabungan Firdaus) amatlah menarik perhatian masyarakat kerana ia dapat digunakan sebagai jaminan pembiayaan ataupun pinjaman pada Bank Aceh Syariah tersebut. Bila mana terjadi perbezaa baki antara buku deposit dengan catatan bank, maka baki yang gunapakai adalah baki yang ada pada sistem bank. Bank berhak mengadakan perubahan-perubahan pada syarat-syarat am. Kemudian cukai pada perkongsian keuntungan dibebankan kepada pedeposit.¹³⁸ Disamping itu juga *al-Muḍārib* tidak dibolehkan mengambil hutang bagi dana *al-Muḍārabah* kecuali telah mendapatkan izin daripada pemodal (*Ṣāhib al-Māl*).¹³⁹ Bilamana terjadi kerugian dalam usaha, pemodal yang akan mengganggu kerugian ke atas modal selama *al-Muḍārib* tidak lalai dalam menjalankan usahanya. Manakala *al-Muḍārib* hanya menanggung kerugian tenaga, masa kerja dan lainnya.¹⁴⁰ Ini adalah asas utama risiko akaun deposit *al-Muḍārabah* dalam praktik institusi kewangan Islam.¹⁴¹

¹³⁶ Wahbah al- Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:480.; Ahmad Mirza (Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

¹³⁷ Dokumentasi Akad Deposit *Muḍārabah* no. 009106/02/20/XI/2013 melalui mesyuarat Direksi no. 237/04/DIR/PJ/X/2010.

¹³⁸ Ahmad Mirza (Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

¹³⁹ Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kāsānī, *Badā‘i al-Ṣanā‘i fī Tartīb al-Sharā‘i*, 3612.

¹⁴⁰ Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī, *al-Majmu‘ Sharḥ al-Mahdhdhab* (Beirut: Maktabah Irshād, t.t), 15:175.; Muḥammad Amin Ibn Ābidīn, *Rad al-Mukhtār alā Dur al-Mukhtār* (Kaherah: Dār

Adapun ketentuan dalam membuka akaun deposit *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh.¹⁴² Pemohon dikehendaki mengisi borang pembukaan akaun berkenaan, menunjukkan kad pengenalan dan menyerahkan salinan kad pengenalan. Manakala jumlah deposit awal minimum Rp 20.000 dan deposit selanjutnya sekurang-kurangnya Rp 10.000. Selain itu, ketentuan membuka akaun ini pengeluaran dapat dilakukan setiap hari. Apabila pengeluaran yang dilakukan oleh bukan pendeposit, mesti dibuat surat kuasa daripada pendeposit. Akaun deposit *al-Muḍārabah* ini dapat dibuka oleh perseorangan, institusi mahupun syarikat.

Apabila pendeposit menutup akaun yang berkenaan, maka akad ini akan tamat seperti mana perjanjian di awal akad. Prosedur penutupan akaun deposit *al-Muḍārabah* pada Bank Aceh Syariah adalah pendeposit berhak menutup akaun di pejabat. Selain itu, pihak bank akan menutup akaun secara automatik apabila tidak ada baki dalam akaun.¹⁴³ Kalau dikaji dalam fiqh klasik telah dijelaskan bahawa *Ṣāhib al-Māl* boleh membatalkan akad *al-Muḍārabah* tidak dihadkan oleh masa.¹⁴⁴ Pemilik modal berhak mendapatkan keuntungan yang diperolehi dari akad yang dibatalkan tersebut sekiranya ada.¹⁴⁵ Oleh itu, praktik ini menyatakan bahawa selaras dengan Syarak.

al-Fikr, 1992), 3:667.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 3:413.; Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2004), 4:25.

¹⁴¹ Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kāsānī, *Badā‘i al-Ṣanā‘i fī Tartīb al-Sharā‘i*, 3602-3603.

¹⁴² Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

¹⁴³ Lihat Brosur Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh, Indonesia, 11 Mac 2013.


¹⁴⁴ Muḥammad ‘Abd al-Mun‘īm Abū Zayd, *Al-Muḍārabah wa Taṭbiqatīha al-Amālīyyah fī Maṣārif al-Islāmiyyah* (Kaherah: al-Ma‘had al-‘Ilmi li Fikr al-Islāmī, 1996), 1:20.

¹⁴⁵ ‘Abd al-Bāsiṭ, *al-Fatāwā al-Shar‘iyyah fī al-Masā’il al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Bayt al-Tamwīl al-Kuwaitī, 1985), 1:86.

3.4.2 Akaun Deposit Semasa *al-Muḍārabah* (Tabungan Deposito *al-Muḍārabah*)

Akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* (Tabungan Deposito *al-Muḍārabah*) ialah perkhidmatan pelaburan berjangka masa tertentu yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh. Pada tahun 2010-2012 didapati telah banyak pemilik dana mendepositkan dananya di Bank Aceh Syariah. Untuk mengetahui berapa banyak dana yang didepositkan dapat kita lihat dalam rajah seperti berikut:

Rajah 3.3. Jumlah Deposit Semasa *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah Tahun 2010-2012.



Sumber: *Laporan Tahunan 2010-2012, Bank Aceh Syariah, Aceh.*

Rajah ini menunjukkan bahawa pengumpulan dana yang dilakukan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh dari pemilik dana dalam bentuk deposit semasa *al-Muḍārabah* untuk tempoh tiga tahun kewangan 2010-2012. Merujuk kepada rajah di atas didapati bahawa deposit semasa *al-Muḍārabah* pada tahun 2010 sebanyak Rp 105.878 juta. Pada tahun 2011 deposit semasa *al-Muḍārabah* sebanyak Rp 126.602 juta. Manakala pada tahun 2012 iaitu sebanyak Rp 174.079 juta. Ini menyatakan bahawa Bank Aceh

Syariah telah mendapatkan kepercayaan dalam kepengurusan dana seposit semasa *al-Muḍārabah*.

Pengurusan dana yang dilakukan oleh bank adalah kepengurusan berdasarkan prinsip Syariah iaitu menggunakan prinsip *al-Muḍārabah al-Muṭlaqah* dalam transaksi akad. Akad ini adalah transaksi antara pihak pemilik dana (*Ṣāhib al-Māl*) dengan pengurus dana (*Muḍārib*) tanpa mengenakan sebarang syarat atau sekatan.¹⁴⁶ Dalam hal ini *Ṣāhib al-Māl* (pelanggan) berhak memperoleh perkongsian sesuai nisbah yang disenaraikan dalam akad. Keuntungan yang diperolehi pihak bank akan dikongsi sama dengan para pendeposit sesuai dengan nisbah peratusan yang disepakati pada awal akad. Pendeposit hanya boleh mengeluarkan wang dalam akaun ini sesuai dengan tarikh tempoh matang yang ditetapkan diawal akad. Adapun tempoh masa pelaburan yang ditetapkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh dalam amalan akaun semasa ini seperti 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan dan 12 bulan.¹⁴⁷

Perkhidmatan ini ditawarkan pihak bank kepada pendeposit dengan tujuan untuk mengumpulkan dana daripada para pelanggan sebagai modal jangka panjang oleh pihak bank. Wang yang dilaburkan oleh pendeposit dijamin keselamatannya oleh pihak bank dan perkongsian keuntungan yang akan ditetapkan oleh bank bagi para pendeposit secara automatik dan akan dimasukkan ke dalam buku akaun pendeposit pada setiap akhir tarikh tempoh pada setiap bulannya. Pada waktu matang akad akaun semasa ini akan diperbaharukan secara automatik oleh bank jika masa tempohnya telah berakhir

¹⁴⁶ al-Khāṭib al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:310.; Wahbah al- Zuhaili, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 5:885.

¹⁴⁷ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>. Lihat Brosur Struktur Organisasi Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh, Indonesia, 11 Mac 2013.

tanpa kehadiran pendeposit.¹⁴⁸ Selain itu, akaun semasa ini menjadi jaminan kerajaan Aceh dan bebas kos pentadbiran pada tiap bulan. Akaun semasa ini juga dapat dijadikan jaminan dalam pembiayaan kepada pelanggan. Ini adalah sebuah keuntungan yang didapati oleh pelanggan dalam perkhidmatan akaun deposit semasa *al-Mudārabah* di Bank Aceh Syariah.¹⁴⁹

Adapun prosedur dalam membuka akaun deposit semasa *al-Mudārabah* (Tabungan Deposito *al-Mudārabah*) seperti berikut:¹⁵⁰

1. Pemohon dikendaki mengisi borang pembukaan akaun berkenan;
2. Pomohon dikehendaki menunjukkan kad pengenalan dan menyerahkan salinan kad pengenalan;
3. Jumlah minimum deposit permulaan ialah Rp 2000.000 (RM 560.00);
4. Wang yang dilaburkan oleh pendeposit dijamin keselamatannya oleh pihak bank dan perkongsian keuntungan akan ditetapkan oleh bank kepada para pendeposit secara automatik dan akan dimasukkan ke dalam buku akaun pendeposit pada setiap akhir tarikh tempoh pada setiap bulannya; dan
5. Mengesahkan akad akaun semasa dalam borang akaun yang dipohon tersebut.

Pandangan Syariah mengenai deposit ini, Rasulullah SAW pernah mengajarkan kepada umat manusia tentang aturan yang benar dalam kerjasama muamalah perkongsian keuntungan yang diperolehi daripada usaha yang halal. Para ahli ekonomi Islam moden pun telah bersepakat bahawa perbankan mesti menjalankan

¹⁴⁸ M. Safri Antoni (Bahagian Pengurusan Akaun pada Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

¹⁴⁹ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>. ; Novita Adi Wibawanti, "Tabungan Firdaus Unggul Di Kelas UUS", *Majalah Infobank*, November 2013, 40.

¹⁵⁰ *Ibid.*

perkongsian keuntungan yang berasaskan Syarak.¹⁵¹ Ulama madhhab Ḥanafī, madhhab Shāfi'ī dan madhhab Mālikī juga telah bersepakat bahawa aplikasi akad *al-Muḍārabah* hukumnya harus,¹⁵² kerana Rasulullah SAW telah mempraktikkan amalan ini berdasarkan Syariat yang diwahyukan kepada beliau. Begitu juga para ahli fiqh telah menetapkan hukum secara khas terhadap *al-Muḍārabah* sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Muzammil ayat 20 yang menyatakan keharusan mencari rezeki yang dikurniakan Allah SWT di muka bumi ini.¹⁵³ Dalam hadis juga dinyatakan ada tiga perkara terdapat keberkahan di dalamnya antara *al-Muqāraḍah* (*al-Muḍārabah*).¹⁵⁴ Selain itu, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia juga telah mengeluarkan fatwa amalan deposit semasa *al-Muḍārabah* adalah harus.¹⁵⁵

3.4.3 Akaun Deposit Masyarakat (Tabungan Tabunganku Syari'ah)

Akaun deposit ini ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh kepada pendeposit berasaskan prinsip akad *al-Muḍārabah al-Muṭlaqah*. Akaun deposit ini ditawarkan kepada masyarakat bagi memudahkan dan meringankan bagi masyarakat dan untuk menumbuhkan budaya pelaburan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat.¹⁵⁶ Pihak bank menerima wang daripada pendeposit pada akaun ini dan akan melaburkan wang tersebut kepada aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal. Keuntungan yang diperolehi akan dikongsikan sama dengan pendeposit sesuai peraturan yang disepakati oleh kedua pihak diawal akad.

¹⁵¹ Adiwarman A. Karim, *Bank Islam "Analisis Fiqh dan Keuangan,"* ed. ke-3 (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2007), 98.

¹⁵² Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Maḥdhdhab*, 15:175.; Muḥammad Amīn Ibn Ābidīn, *Rad al-Mukhtār Alā Dur al-Mukhtār*, 3:667.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 4: 25.

¹⁵³ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u li Ahkām al-Qur'ān*, 10:49.

¹⁵⁴ Hadīth diriwayatkan Ibn Mājah. Bāb al-Shirkah wa al-Muḍārabah, no. Hadith 2289. Lihat Muḥamad bin Yazīd al-Qazwīnī bin Mājah, *Sunān Ibn Mājah*, 2:768.

¹⁵⁵ Lihat Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. ke-4 (Ciputat: CV Gaung Persada, 2006), 1:8.

¹⁵⁶ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

Dalam pelaksanaan dan amalan yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, akad yang digunakan oleh bank adalah sama dengan akaun deposit *al-Muḍārabah* (Tabungan Firdaus) iaitu akad *al-Muḍārabah al-Muṭlaqah*. Oleh demikian, bank punya hak tertentu dalam menjalankan akad ini. Antara hak bank adalah mengurus modal *al-Muḍārabah* mengikut jenis perniagaan yang dipandang baik bagi mendapatkan keuntungan yang baik pula. Selain itu, pemilik dana dan bank mempunyai hak perkongsian keuntungan yang diperolehi daripada hasil usaha pengurusan dana tersebut, iaitu 52.% (lima puluh dua peratus) untuk pihak pendeposit dan 48% (empat puluh lapan peratus) untuk pihak bank yang pelaksanaanya dilakukan sesuai dengan nisbah yang telah ditetapkan oleh Bank Aceh Syariah.¹⁵⁷

Ketentuan prosedur dalam membuat akaun deposit masyarakat (Tabungan Tabunganku Syariah) seperti berikut:¹⁵⁸

1. Pendeposit dikehendaki mengisi borang akaun deposit berkenaan;
2. Pemohon dikehendaki menunjukkan kad pengenalan dan menyerahkan salinan kad pengenalan;
3. Pendeposit adalah semua masyarakat Warga Negara Indonesia (WNI) secara perseorangan.
4. Pendeposit dibenarkan memohon satu akaun sahaja, kecuali bagi orang tua yang memohon akaun untuk anak yang di bawah umur sesuai dengan Kad Keluarga (KK).

¹⁵⁷ Dokumentasi Akad Deposit *al-Muḍārabah* no. 009106/02/20/XI/2013 melalui mesyuarat Direksi no. 237/04/DIR/PJ/X/2010.

¹⁵⁸ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>.

3.4.4 Akaun Deposit Khas (Tabungan Sahara)

Akaun Deposit Khas (Tabungan Sahara) ini ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh kepada pendeposit berasaskan prinsip *Wadī'ah yaḍ al-Ḍamanah*. Akaun ini ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah kepada pendeposit yang berniat dan berencana untuk melaksanakan ibadah haji secara terencana untuk masa hadapan sesuai dengan kemampuan dan masa yang dikehendaki. Pihak bank menerima wang daripada pendeposit pada akaun ini dan bank akan melaburkan wang tersebut kepada aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal. Keuntungan yang diperolehi akan dikongsikan sama dengan pendeposit sesuai peratusan yang disepakati oleh kedua pihak.¹⁵⁹

Selain itu, para pendeposit tidak boleh mengeluarkan wangnya kecuali hanya untuk melunasi biaya kos perjalanan ibadah haji dan umrah. Wang yang dideposit di bank tersebut akan terjaga dengan aman dan terjamin kerana dimasukkan dalam program jaminan kerajaan. Ianya juga tidak dikenakan kos pada tiap bulan. Apabila deposit telah mencapai Rp 25.000.000, pendeposit dapat disenaraikan dalam senarai calon jemaah haji sesuai dengan ketentuan dari Kementerian Agama Indonesia.

Ketentuan prosedur dalam membuka akaun Deposit Khas (Tabungan Sahara) seperti berikut:

1. Pemohon dikehendaki mengisi borang pembukaan akaun berkenan;
2. Pomohon dikehendaki memberikan salinan kad pengenalan; dan
3. Jumlah minimum deposit permulaan ialah sebanyak Rp 500.000

¹⁵⁹ Bank Aceh Syariah, laman sesawang *Bank Aceh*, dicapai 9 Oktober 2013, <http://www.bankaceh.co.id>; M. Safri Antoni (Bahagian Pengurusan pada Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

3.5 PERUNTUKAN DANA DEPOSIT *AL-MUḌĀRABAH* PADA BANK ACEH SYARIAH, ACEH

Dalam menjalankan operasi Bank Aceh Syariah, Aceh telah menawarkan perkhidmatan pembiayaan berasaskan prinsip Syarak. Pihak bank akan memperuntukan dana yang dideposit oleh pemilik dana kepada usahawan lainnya dengan cara pembiayaan *al-MuḌārabah*, *al-Murābahah*, *al-Mushārah* dan *Ijārah* dalam bentuk aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal. Keuntungan yang diperolehi dari usaha yang dilakukan oleh usahawan (*al-MuḌārib*) akan dikongsikan dengan pelabur (*Ṣāhib al-Māl*) sesuai dengan nisbah peratusan yang disepakati oleh kedua pihak diawal perjanjian akad.¹⁶⁰

Peruntukan dana dalam bentuk pembiayaan-pembiayaan telah dilakukan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh pada tahun 2010-2012. Untuk mengetahui berapa banyak dana yang telah dilakukan pembiayaan sepertimana dalam rajah berikut:

Jadual 3.1. Peruntukan Dana Deposit *al-MuḌārabah* di Bank Aceh Syariah, Aceh Untuk Tempoh Tiga Tahun (2010-2012)


Tahun	Jumlah	Peningkatan (%)
2010	719.606	68.55%
2011	970.813	34.91%
2012	1.043.953	7.53%

Sumber: *Laporan Tahun 2012, Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.*

¹⁶⁰ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 95.

Jadual di atas menunjukkan peruntukan dana dilakukan melalui pembiayaan *al-Murābahah*, pembiayaan *al-Musyārakah*, *Ijārah* dan *al-Qard*. Pembiayaan dana pada tahun 2011 sebanyak Rp 970.813 juta meningkat sebanyak Rp 251.207 juta atau 34.91% dari jumlah peruntukan dana pada tahun 2010 yang hanya sebanyak Rp 719.606 juta. Manakala pada tahun 2012 jumlah dana pembiayaan sebanyak Rp 1.043.953 juta meningkat sebanyak Rp 73.140 juta atau 7.53% dari jumlah peruntukan dana tahun 2011 yang hanya sebanyak 970.813 juta.

Rajah 3.4. Peruntukan Dana Deposit *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.



Sumber: *Laporan Tahun 2012, Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.*

Adapun operasi yang dijalankan oleh bank iaitu menawarkan pelbagai pembiayaan kepada usahawan yang jelas jenis usahanya dan yang disepakati dalam akad. Pembiayaan tersebut diberikan dalam bentuk wang tunai dan telah diketahui jumlahnya. Selain itu, pembiayaan tersebut diberikan secara berjangka dan diketahui masa jangkaannya sepertimana yang disepakati bersama dalam akad. Manakala kos yang dikeluarkan untuk kajian kelayakan atau lainnya tidak termasuk dalam bahagian

daripada pembiayaan tersebut dan ditetapkan sesuai dengan akad antara kedua belah pihak.

Bank berhak melakukan pengawasan akan tetapi tidak berhak mengatur dalam pengurusan *al-Muḍārib*. Bank hanya sebagai pemberi dana sahaja tidak memberikan had tertentu terhadap tindakan *al-Muḍārib* dalam menjalankan usahanya kecuali usahanya tidak patuh Syariah. Selanjutnya apabila diperolehi keuntungan daripada hasil usaha tersebut, maka akan dikongsikan keuntungan itu sesuai dengan nisbah peratusan yang telah disepakati diawal akad. *Al-Muḍārib* memberikan keuntungan tersebut kepada bank secara bertahap sesuai dengan akad yang telah disepakati keduanya. Apabila terjadi kerugian tersebut yang disebabkan dengan kelalaian *al-Muḍārib*, maka kerugian tersebut dibebankan kepada *al-Muḍārib*. Namun apabila kerugian usaha bukan kerana kelalaian *al-Muḍārib*, maka kerugian tersebut dibebankan kepada pemodal. Adapun kerugian yang didapati oleh *al-Muḍārib* ialah kerugian pekerjaan manakala kerugian pada *Ṣāḥib al-Māl* iaitu kerugian dana ataupun wang.¹⁶¹

3.6 FATWA-FATWA DEWAN SYARIAH NASIONAL MAJELIS ULAMA INDONESIA (DSN-MUI) BERKENAAN DENGAN APLIKASI AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DI BANK ACEH SYARIAH

Ada pelbagai fatwa yang telah dikeluarkan oleh Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) yang berhubungkait dengan akaun deposit *al-Muḍārabah*, akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* dan perkongsian keuntungan.

¹⁶¹ Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, 3602-3603.; Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhhab*, 15:175.; Muḥammad Amīn Ibn Ābidīn, *Rad al-Mukhtār Alā Dur al-Mukhtār*, 3:667.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rusḥd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 4:25.

3.6.1 Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Deposit

Setelah melihat hajat masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan dan bagi mendeposit harta kekayaan, pada era moden ini perlu menggunakan perkhidmatan produk perbankan di bidang pengumpulan dana masyarakat iaitu deposit. Deposit ini adalah mesti bersesuaian dengan pandangan Syarak berasaskan kepada hukum hakam daripada *al-Qurān* , *al-Hadīth*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*.

Maka oleh itu, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) telah memberi fatwa bahawa deposit dibahagikan kepada dua jenis:

1. Deposit yang tidak dibenarkan mengikut Syarak seperti deposit yang berasaskan perhitungan faedah.
2. Deposit yang dibenarkan iaitu deposit yang berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* dan *Wadīah*.¹⁶²

Adapun ketentuan am deposit *al-Muḍārabah* mengikut Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) adalah seperti berikut:

1. Pelanggan sebagai *Ṣaḥīb al-Māl* atau pemilik dana, dan bank sebagai *Muḍārib* atau pengurus dana.
2. *Al-Muḍārib* atau bank dapat melakukan pelbagai macam usaha yang tidak bertentangan dengan prinsip Syariah dan mengembangkannya seperti prinsip *al-Muḍārabah* dengan pihak lain.
3. Modal mesti dinyatakan dengan jumlahnya dalam bentuk tunai dan bukan piutang.

Selanjutnya Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) juga menyatakan bahawa pembahagian keuntungan perlu dinyatakan dalam bentuk nisbah

¹⁶² Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:8.

dan dituliaskan dalam akad pembukaan akaun. Bilamana bank menutup kos operasi deposit semasa dengan menggunakan nisbah keuntungan yang menjadi haknya. Selain itu, bank tidak dibenarkan mengurangkan nisbah keuntungan pelanggan tanpa disetujui oleh pelanggan.

Fatwa di atas adalah sesuai dengan pandangan Syarak yang telah dijelaskan dalam *al-Qurān*, *al-Hadīth*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās* sepertimana yang dijelas oleh ulama madhhab Ḥanafī, madhhab Shāfi'ī dan madhhab Mālikī dalam kitab klasik.¹⁶³ Para ahli ekonomi Islam moden pun telah bersepakat bahawa deposit yang dilakukan oleh perbankan Islam mesti dijalankan mengikut pandangan Syarak.¹⁶⁴

3.6.2 Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Deposit Semasa

Dalam Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) bahawa deposit semasa dibahagikan kepada dua jenis:¹⁶⁵

1. Deposit yang tidak dibenarkan oleh Syariah adalah deposit yang berasaskan faedah.
2. Deposit yang dibenarkan iaitu deposit semasa yang berasaskan prinsip *al-Muḍārabah*.

Adapun ketentuan am deposit semasa mengikut Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) dalam prinsip *al-Muḍārabah* ialah transaksi yang digunapakai pelanggan bertindak sebagai *Ṣāhib al-Māl* atau pemilik dana, dan bank sebagai *al-Muḍārib* atau pengurus dana. Dalam hal ini bank dapat melakukan pelbagai usaha yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah dan mengeaplikasikannya dalam

¹⁶³ Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhhab*, 15:175.; Muḥammad Amīn Ibn Ābidīn, *Rad al-Mukhtār Alā Dur al-Mukhtār*, 3: 667.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 4:25.

¹⁶⁴ Adiwarman A. Karim, *Bank Islam "Analisis Fiqh dan Keuangan,"* ed. ke-3, 98.

¹⁶⁵ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:8.

prinsip *al-Mudārabah* dengan pihak lain. Selanjutnya, modal mesti dinyatakan dengan jumlah dalam bentuk tunai dan bukan piutang. Begitupun juga pengagihan keuntungan perlu dinyatakan dalam bentuk nisbah dan disepakati dalam akad pembukaan akaun. Pada ujung fatwanya dinyatakan bahawa bank tidak dibenarkan mengurangkan nisbah keuntungan pelanggan tanpa disetujui oleh pelanggan.

3.6.3 Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Berkenaan Dengan Agihan Perkongsian Keuntungan

Untuk menuntukan prinsip pengagihan hasil usaha dalam institusi kewangan antara antara pihak yang berkerjasama dalam usaha harus berasaskan prinsip perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*), iaitu perkongsian untung rugi yang dikira daripada pendapatan setelah ditolak modal dan biaya-biaya lainnya. Selain itu, dapat juga menggunakan prinsip *revenue sharing*, iaitu perkongsian pendapatan yang dikira pendapatan setelah ditolak modal dan sebelum di tolak biaya-biaya pengurusan bank. Kedua-dua prinsip ini mempunyai kelebihan dan kekurangan dalam operasinya. Selain itu, ulama Indonesia menyataka bahawa agar pelbagai pihak untuk mengetahui yang kukuh prinsip yang mana yang dapat digunapakai dalam pengagihan hasil usaha, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) memberi pandangan perlu menetapkan fatwa tentang pengagihan hasil usaha dalam institusi kewangan Syariah.

Maka oleh itu, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) telah mengeluarkan fatwa bahawa:¹⁶⁶

1. Perkongsian keuntungan pada institusi kewangan Syariah dapat menggunakan prinsip perkongsian keuntungan (*profit sharing*) dan perkongsian pendapatan

¹⁶⁶ *Ibid.*

(*revenue sharing*) dalam pengagihan keuntungan usaha antara pemilik modal dan pengurus modal.

2. Kalau dilihat dari segi masalah (*al-aslāh*) pada masa ini, pengagihan keuntungan usaha lebih baik menggunakan prinsip perkongsian pendapatan (*revenue sharing*).
3. Penetapan prinsip pengagihan keuntungan usaha mesti disepakati pada awal akad.

Secara am kaedah pengagihan keuntungan yang dijalankan di perbankan Islam di Indonesia terdapat dua sistem iaitu perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) dan perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*). Adapun maksud dari sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) adalah perkongsian yang dikira dari keseluruhan pendapatan pengurusan dana setelah ditolak modal.¹⁶⁷ Operasi perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) yang diamalkan oleh perbankan Syariah di Indonesia iaitu sistem perkongsian keuntungan yang dikira dari keseluruhan pendapatan bank sebelum di tolak dengan kos-kos perbankan. Dalam operasi perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) semua kos dan beban ditanggung oleh bank Syariah (*al-Muḍārib*) samada untuk kepentingan bank mahupun untuk kepentingan pengurusan dana *al-Muḍārabah*, seperti beban pekerja, beban am, pentadbiran dan beban lainnya.

Dalam operasi sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) dalam akaun akad *al-Muḍārabah* yang diamalkan oleh Bank Syariah di Indonesia menyatakan bahawa perkongsian pendapatan yang dikira dari pendapatan pengurusan dana *al-Muḍārabah al-Muṭlāqah* sebelum ditolak beban-beban yang dikeluarkan oleh bank Aceh Syariah. Adapaun pendapatan tersebut didapatkan daripada *fee* pentadbiran

¹⁶⁷ Hardiwinoto, "Analisis Komparasi *Revenue And Profit Sharing* Pada Sistem *Mudharabah* Pada PT. BPRS PNM Binama Semarang," *Valeu Added* 7 (Mac –Ogos 2011), 49.

pengembangan dana dan nisbah telah disepakati antara bank dan (*al-Muḍārib*). Selain itu, pendapatan juga didapati dari kegiatan bank Syariah dalam memberikan perkhidmatan kewangan dan aktiviti lainnya.

Perbezaan antara perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) dan perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*) terletak pada perkiraan dana yang diagihkan kepada pemilik dana dan pengurus dana. Sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) diagihkan kepada pemilik dana dan pengurus dana setelah ditolak modal dan sebelum di tolak kos-kos pengurusan bank. Maka kemungkinan yang berlaku adalah perkongsian yang diterima oleh pemilik dana adalah lebih besar berbanding dengan kadar faedah pasaran yang berlaku. Ketentuan ini akan memberi kesan kepada para pemilik dana untuk melaburkan wang sebanyak-banyaknya di bank Syariah, kerana mampu memberikan pulangan yang maksimum kepada pelanggan. Dengan demikian, sistem ini dapat memberikan keuntungan yang maksimum kepada pemilik dana.

Manakala sistem perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*) diagihkan kepada pemilik dana setelah ditolak modal dan kos pengurusan bank. Maka memungkinkan semakin sedikit perkongsian keuntungan yang didapatkan oleh para pemilik dana (*Ṣāhib al-Māl*) kerana diagihkan perkongsian keuntungan setelah di tolak kos-kos perbankan. Ini membuat kesan yang cukup ketara apabila terjadi kadar faedah pasaran lebih tinggi. Selain itu dapat memberi kesan bahawa keinginan masyarakat untuk menandatangani wang di bank Syariah semakin berkurang. Tetapi apabila bank tetap ingin mempertahankan sistem *Profit and Loss Sharing* tersebut dalam perkongsian keuntungan, maka untuk mengelakkan risiko-risiko di atas, maka bank perlu

memberikan sebahagian dari perkongsian yang didapatinya kepada pelanggan pemilik dana.¹⁶⁸

Adapun hukum Syarak operasi sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) berasaskan kepada pandangan *Muqabbil al-Azhar* Imām Shāfi'ī dan Imām Ḥambalī,¹⁶⁹ yang mengatakan bahawa *al-Muḍārib* tidak dibenarkan mengguna pakai dana *al-Muḍārabah* sebagai kos pengurusan dana samada dalam keadaan menetap mahupun dalam perjalanan. Dalam hal ini *al-Muḍārib* telah mendapat perkongsian keuntungan, maka *al-Muḍārib* tidak berhak mendapat bahagian dari dana tersebut untuk kos-kos perbankan kerana *al-Muḍārib* telah mendapatkan perkongsian pendapatan dari dana tersebut. Pandangan ini pula dikuatkan oleh fatwa Dewan Syariah Majelis Ulama Indonesi (DSN-MUI) apabila di pandang dari sudut masalah (*al-Aṣlah*).¹⁷⁰

Adapun dalil sistem perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*) di ambil dari pandangan Abū Ḥanīfah, Imām Mālik, *al-Azhar* Imām Shāfi'ī dan Zaidīyah¹⁷¹ mengatakan bahawa *al-Muḍārib* dapat membelanjakan dana *al-Muḍārabah* apabila urusaniaga dalam perjalanan samada kos makan, minum, pakaian dan lainnya. Imām Ḥambalī mengatakan bahawa *al-Muḍārib* boleh mendermakan sebahagian dari dana *al-Muḍārabah* samada dalam keadaan menetap mahupun dalam perjalanan (*musāfir*) dengan izin daripada *Ṣāhibul al-Māl*. Tetapi kadar nafkah yang boleh digunakan adalah nafkah yang telah diketahui (kebiasaan) oleh para peniaga dan tidak mubazir.¹⁷² Oleh

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3: 413.; Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhdhab*, 15:175.

¹⁷⁰ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:8.

¹⁷¹ Muḥammad Amīn Ibn Ābidīn, *Rad al-Mukhtār Alā Dur al-Mukhtār*, 3: 667.; Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 4: 25.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3: 413.; Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhdhab*, 15:175.

¹⁷² Wiroso, *Penghimpunan Dana dan Distribusi Hasil Usaha Bank Syariah* (Jakarta: PT Grasindo, 2005), 118.

demikian, dalam pengagihan hasil usaha dalam institusi kewangan Syariah sistem perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*) telah menjadi pedoman bagi semua ahli ekonomi. Namun operasi sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) dapat juga digunapakai untuk masalah bagi masyarakat.

3.7 KESIMPULAN

Setelah Bank Aceh Syariah beroperasi pada 5 November 2004, Bank Aceh Syariah telah menjadi bank yang sihat dan dipercayai serta dapat memberikan nilai yang tinggi kepada masyarakat. Bank Aceh Syariah mampu membantu dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Negeri dalam rangka meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan menggalakkan pelaburan, pengembangan usaha dan peningkatan ekonomi rakyat.

Bank Aceh Syariah mempunyai tujuan yang jelas dalam menumbuhkan ekonomi di Aceh. Antara tujuan adalah untuk mewujudkan pelaksanaan sistem perancangan dan prosedur yang terkawal dengan arah pengurusan syarikat yang mampu memberikan nilai yang positif terhadap prestasi bank. Selain mempunyai misi dan visi yang jelas, Bank Aceh Syariah juga telah menawarkan pelbagai perkhidmatan deposit dana dan pembiayaan. Adapun produk deposit dana ialah deposit yang berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* samada akaun deposit *al-Muḍārabah*, akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* mahupun lainnya. Dalam pengoperasian akad ini mestilah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh fiqh mu'amalat Islam dan pandangan ulama moden

BAB EMPAT

ANALISIS APLIKASI AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DI BANK ACEH SYARIAH, ACEH, INDONESIA

4.1 PENGENALAN

Bank Aceh Syariah merupakan sebuah bank yang beroperasi berasaskan prinsip Islam dan telah menawarkan pelbagai perkhidmatan produk deposit kepada pelanggan seperti perkhidmatan akaun deposit, akaun deposit semasa dan perkhidmatan lainnya yang berasaskan prinsip *al-MuḌārabah*. Oleh itu, penulis akan menganalisis apakah pelaksanaan akad *al-MuḌārabah* yang dijalankan oleh bank pada produk deposit telah mengamalkan sistem yang ditawarkan oleh fiqh mu'amalat Islam ataupun tidak. Secara khasnya penulis menganalisis perkhidmatan produk deposit yang ditawarkan oleh bank yang berasaskan prinsip Islam seperti akaun deposit *al-MuḌārabah*, akaun semasa *MuḌārabah* dan deposit lainnya.

Analisis yang penulis kaji menggunakan beberapa metod penyelidikan antaranya observasi lapangan dengan cara menemubual dengan pihak pengurus Bank Aceh Syariah samada Ketua Pengarah bank mahupun dengan kaki tangan bank bagi mendapatkan maklumat dan data serta mengumpulkan beberapa dokumen daripada bank berkenaan sebagai penyokong dalam disertasi ini. Berikut adalah beberapa analisis yang telah penulis kaji berdasarkan permasalahan dan objektif kajian yang telah penulis gariskan di peringkat awal.

4.2 ANALISIS KEDUDUKAN DEPOSIT *AL-MUḌĀRABAH* PADA BANK ACEH SYARIAH, ACEH, INDONESIA

Jumlah dana deposit yang dilaburkan wangnya berasaskan prinsip *al-MuḌārabah* di Bank Aceh Syariah, Aceh untuk tempoh tiga tahun (2010-2012) adalah seperti mana dihuraikan dalam jadual.

Judual 4.1. Jumlah Dana Pelabur Deposit *al-MuḌārabah* Berbanding Akaun Lainnya di Bank Aceh Syariah Untuk Tempoh Tiga Tahun (2010-2012)¹⁷³

Jenis Deposit	2010	%	2011	%	2012	%
Deposit <i>al-MuḌārabah</i>	261.229	28.56%	288.656	10.50%	347.374	20.34%
Deposit Semasa <i>al-MuḌārabah</i>	105.878	27.61%	126.602	19.57%	174.079	37.50%
Giro <i>Wadī'ah</i>	127.105	29.27%	252.759	98.85%	246.183	2.60%
Deposit <i>Wadī'ah</i>	3.303	11.00%	3.951	19.61%	4.184	5.90%

Sumber: *Laporan Tahun 2012, Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.*

Jadual ini menunjukkan terdapat peningkatan pengumpulan dana yang didepositkan oleh pemilik dana samada dari deposit *al-MuḌārabah*, deposit semasa *al-MuḌārabah*, deposit *Wadī'ah* mahupun dari giro *Wadī'ah* dalam tempoh tiga tahun (2010-2012) yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh. Merujuk kepada jadual di atas didapati bahawa deposit *al-MuḌārabah* menunjukkan peningkatan yang signifikan seperti pada akaun deposit *al-MuḌārabah* pada tahun 2010 meningkat sebanyak Rp 261.229 juta atau 28.56% daripada tahun 2009. Pada tahun 2011 deposit *al-MuḌārabah* juga menunjukkan meningkat iaitu sebanyak Rp 288.656 juta meningkat sebanyak Rp

¹⁷³ *Laporan Tahunan, Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia, 2013.*

27.427 juta atau 10.50% daripada tahun 2010. Manakala pada tahun 2012 terjadi peningkatan juga iaitu sebanyak Rp 347.374 juta meningkat sebanyak Rp 58.718 juta atau 20.34% daripada tahun 2011 hanya sebanyak Rp 288.656 juta.


Selanjutnya pada akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* juga menunjukkan peningkatan signifikan. Pada tahun 2010 deposit semasa *al-Muḍārabah* sebanyak Rp 105.878 juta, meningkat sebanyak Rp 22.914 juta atau 27.61% dari tahun 2009 hanya sebanyak Rp 82.914 juta. Pada tahun 2011 jumlah dana pada deposit semasa *al-Muḍārabah* sebanyak Rp 126.602 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak Rp 20.724 atau 19.57% dari tahun 2010. Manakala pada tahun 2012 dana deposit semasa *al-Muḍārabah* sebanyak Rp 174.079 juta. Ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak Rp 47.477 juta atau 37.50% dari tahun 2011 yang hanya Rp 126.602 juta.

Selanjutnya akaun deposit *Wadīah* juga menunjukkan peningkatan signifikan. Pada tahun 2010 deposit *Wadīah* sebanyak Rp 3.3303 juta, meningkat sebanyak Rp 328 juta atau 11.00% daripada tahun 2009 hanya sebanyak Rp 2.975 juta. Pada tahun 2011 jumlah dana pada deposit *Wadīah* menunjukkan sebanyak Rp 3.951 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak Rp 648 juta atau 19.61% daripada tahun 2010. Manakala pada tahun 2012 dana deposit *Wadīah* sebanyak Rp 4184 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak Rp 233 juta atau 5.90% dari tahun 2011 yang hanya Rp 3.951 juta.

Adapun giro *Wadīah* menunjukkan penurunan dana. Pada tahun 2010 giro *Wadīah* sebanyak Rp 127.105 juta, menurun sebanyak Rp 52.616 juta atau 29.27% dari tahun 2009 sebanyak Rp 179.721 juta. Pada tahun 2011 jumlah dana pada giro *Wadīah* sebanyak Rp 252.759 juta. Ini menunjukkan peningkatan yang tertinggi sebanyak Rp

125.654 juta atau 98.85% daripada tahun 2010 yang hanya Rp Rp 127.105 juta. Manakala pada tahun 2012 dana giro *Wadiah* sebanyak Rp 246.183 juta. Ini menunjukkan penurunan lagi sebanyak Rp 6576 juta atau 2.60% dari tahun 2011 yang sebanyak Rp 252.759 juta.

Rajah 4.1. Peningkatan Dana Deposit di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia



Rajah di atas menunjukkan bahawa dana akaun deposit *al-Muḍārabah* telah terjadi peningkatan yang signifikan dalam tempoh tiga tahun (2010-2012). Peningkatan ini menunjukkan bahawa kepercayaan pelabur untuk menandatangani wang di bank Aceh Syariah sangat tinggi. Ini disebabkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah dapat memberikan nilai yang tinggi kepada pelanggan serta akad yang diaplikasikan di bank merupakan bentuk daripada pelaksanaan sistem kewangan yang terkawal dan bersesuaian dengan Syarak. Selain itu, dengan peningkatan dana deposit *al-Muḍārabah* di Bank Aceh Syariah dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi Negeri Aceh ke arah yang lebih baik.

4.3 ANALISIS PERUNTUKAN DANA DEPOSIT *AL-MUḌĀRABAH* YANG DIJALANKAN DI BANK ACEH SYARIAH, ACEH

Dalam menjalankan sistem perekonomian rakyat, Bank Aceh Syariah juga menawarkan pembiayaan kepada pelanggan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat. Adapun jumlah dana pembiayaan yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh untuk tempoh tiga tahun (2010-2012) adalah seperti mana dihuraikan dalam jadual.

Jadual 4.2. Peruntukan Dana Deposit *al-MuḌārabah* yang Dijalankan di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.

Jenis Pembiayaan	2010	2011	2012
Pembiayaan <i>al-Murābahah</i>	709.334	957.653	1.030.710
Pembiayaan <i>al-Mushārah</i>	9.413	8.340	8.823
<i>al-Qard</i>	753	4.787	4.420
<i>Ijārah</i>	104	33	-
Jumlah	719.606	970.813	1.43.953


Sumber: *Laporan Tahun 2012, Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.*

Perincian peruntukan dana deposit *al-MuḌārabah* di Bank Aceh Syariah pada tahun 2010 kepada pelbagai pembiayaan seperti pembiayaan *al-Murābahah*, pembiayaan *al-Mushārah*, pembiayaan *al-MuḌārabah*, *Ijārah* dan *al-Qard*. Adapun pembiayaan *al-Murābahah* meningkat dari Rp Rp 709.334 juta pada tahun 2010 menjadi sebanyak Rp 957.653 juta pada tahun 2011. Manakala pada tahun 2012 pembiayaan *al-Murābahah* meningkat dari Rp 957.653 juta pada tahun 2011 menjadi sebanyak Rp 1.030.710 juta pada tahun 2012.

Peruntukan dana selanjutnya kepada pembiayaan *al-Mushārah* dan *al-Muḍārah*. Adapun perincian pada pembiayaan ini adalah menurun dari Rp Rp 9.413 juta pada tahun 2010 menjadi Rp 8.340 juta pada tahun 2011. Manakala pada tahun 2012 pembiayaan *al-Mushārah* dan *al-Muḍārah* meningkat dari Rp 8.340 juta pada tahun 2011 menjadi sebanyak Rp 8.823 juta pada tahun 2012.

Seterusnya peruntukan dana yang dilakukan oleh Bank Aceh Syariah adalah *al-Qard*. Perincian dana tersebut iaitu sebanyak dari Rp Rp 753 juta pada tahun 2010 menjadi sebanyak Rp 4.787 juta pada tahun 2011. Manakala pada tahun 2012 *al-Qard* menurun dari Rp 4.787 juta pada tahun 2011 menjadi sebanyak Rp 4.420 juta pada tahun 2012. Adapun peruntukan dana selanjutnya yang dilakukan oleh Bank Aceh Syariah adalah *Ijarah*. Perincian dana tersebut iaitu sebanyak dari Rp Rp 104 juta pada tahun 2010 menurun menjadi Rp 33 juta pada tahun 2011. Manakala pada tahun 2012 tidak ada pembiayaan *Ijarah*.

Rajah 4.2. Peningkatan Peruntukan Dana Deposit *al-Muḍārah* yang Dijalankan di Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.



Sumber: *Laporan Tahun 2012, Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia.*

Rajah di atas menunjukkan bahawa Bank Aceh Syariah telah menjalankan diperuntukan dana dari deposit *al-Muḍārabah* kepada pelbagai pembiayaan. Dalam menjalankan pembiayaan ini telah terjadi peningkatan yang signifikan dalam tempoh tiga tahun (2010-2012). Peningkatan pembiayaan ini menunjukkan bahawa bank telah berjaya mengurus kewangan yang dilaburkan oleh pendeposit sehingga dapat memberikan pulangan yang maksimum kepada pelanggan sesuai dengan perjanjian di awal akad. Oleh itu, pembiayaan ini amat penting dijalankan oleh bank kerana mempunyai peranan penting bagi meningkatkan ekonomi masyarakat.

4.4 ANALISIS PELAKSANAAN PRINSIP AKAD DEPOSIT *AL-MUḌĀRABAH* DI BANK ACEH SYARIAH

Pelaksanaan akad mengikut prinsip *al-Muḍārabah* pada akaun deposit yang dijalankan oleh bank telah penulis huraikan di peringkat awal tentang prinsip asas akad *al-Muḍārabah* mengikut fiqh klasik. Para fuqaha bersepakat bahawa akad *al-Muḍārabah* adalah akad yang diharuskan oleh Islam, hal ini telah ditegaskan dalam *naṣ al-Qurān*, *al-Hadīth*, *Ijmā'*, dan *Qiyās*.¹⁷⁴

Pelaksanaan akad *al-Muḍārabah* terdiri daripada *Ṣāhib al-Māl* sebagai pihak pertama yang melaburkan dananya ke pihak kedua *al-Muḍārib* iaitu Bank Aceh Syariah. Pihak pertama dan pihak kedua bersepakat dalam untuk mendepositkan wang dan diuruskan oleh Bank Aceh Syariah. Kemudian bank berkenaan menerima dan bersedia mengurus dan membuat pelaburan yang telah diserahkan oleh pemilik dana (*Ṣāhib al-Māl*) berasaskan prinsip *al-Muḍārabah al-Muṭlaqah*, iaitu pihak bank diberi kuasa

¹⁷⁴ Al-Imām al-'Alāmah Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Sharḥ Tanqīh al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl fī Uṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007), 150.; al-Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 30:9.; Imām Abī Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr*, 4:368; Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi'u al-Ahkām al-Qur'ān*, 20:476.

penuh bagi menjalankan usaha tanpa terhad dan menjalankan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syariah dan tidak terhad dengan masa, tempat dan jenis usaha.¹⁷⁵

Selanjutnya pemilik dana (*Ṣāhib al-Māl*) dan Bank Aceh Syariah bersepakat untuk berkongsi keuntungan yang diperolehi dari hasil usaha pengurusan dana tersebut iaitu 52% (lima puluh dua peratus) untuk pemilik dana (*Ṣāhib al-Māl*) dan 48% (empat puluh lapan peratus) untuk Bank Aceh Syariah.¹⁷⁶

Apabila pendeposit menutup akaun yang berkenaan, maka akad ini akan berakhir. Para fuqaha berpendapat bahawa pemilik dana boleh membatalkan akad *al-Muḍārabah* samada sebelum dijalankan pengurusan mahupun sesudah dijelankannya. Pembatalan akad ini dapat dilakukan meskipun pengurus wang tidak bersetuju dengan pembatalan akad tersebut, kerana akad *al-Muḍārabah* bukanlah kotrak yang lazim.¹⁷⁷ Seterusnya jika dalam pelaksanaan akad terjadi perbezaan pandangan, maka kedua belah pihak mesti disatukan kembali pandangan tersebut melalui mesyuarat. Namun apabila tidak berjaya, maka akan dirujuk kepada Jabatan Kewangan Mu'āmalat Indonesia mengikut prosedur yang berlaku dalam jabatan tersebut. Selain itu, dirujuk juga kepada peraturan perundang-undang lain yang tidak bertentangan dengan Syariah serta bersesuaian dengan fiqh muamalat Islam.¹⁷⁸

Merujuk kepada akad di atas, Bank Aceh Syariah telah menetapkan ketentuan yang mesti dilengkapi oleh para pendeposit dana dalam pembukaan akaun deposit yang

¹⁷⁵ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah, Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.; Lihat Dokumentasi Akad Deposit *al-Muḍārabah* no. 009106/02/20/XI/2013, Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia.

¹⁷⁶ *Ibid.*

¹⁷⁷ Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, 6:112.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū 'Abbās Aḥmad bin Hamzah al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, 5:219.

¹⁷⁸ Dokumentasi Akad Deposit *Muḍārabah* no. 009106/02/20/XI/2013, Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia.

berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* iaitu diketahui jumlah wang yang akan dideposit, mengisi borang akaun berkenaan dan menyerahkan salinan kad pengenalan. Ketentuan tersebut tidak bertentangan dengan apa yang telah tertulis dalam fiqh muamalat. Akad *al-Muḍārabah* yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah telah berkumpul di dalamnya syarat dan rukun akad *al-Muḍārabah* seperti adanya pemodal, pengurus dana, modal dalam bentuk wang tunai serta akad *Ījāb* dan *Qabūl* antara pendeposit dan pengurus dana.¹⁷⁹

Berdasarkan kajian yang telah penyelidik dapati,¹⁸⁰ pelaksanaan akad *al-Muḍārabah* yang dijalankan di Bank Aceh Syariah adalah telah didapati di dalamnya syarat-syarat akad yang ditentukan oleh Islam. Selain itu, telah diketahui semua jumlah keuntungan yang didapatkan dan juga nisbah keuntungan antara bank dengan pendeposit dan antara bank dengan usahawan lainya. Disamping itu, penulis mendapati juga amalan akad *al-Muḍārabah* yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh dilihat dari sisi pelaksanaan akad, syarat dan rukun adalah bersesuaian dengan pandangan madhhab Abū Ḥanīfah, Imām Mālik, Imām al-Shāfi'ī dan Imam Ḥanbalī.¹⁸¹ Oleh itu, aplikasi akad *al-Muḍārabah* dalam produk deposit yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah tidak bercanggah dengan Syarak dan bersesuaian dengan prinsip dan konsep fiqh muamalat dan sistem perbankan Islam.

¹⁷⁹ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 5:3927.; Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī, *Badā'ī al-Ṣanā'ī fī Tartīb al-Sharā'ī*, 6: 79.

¹⁸⁰ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.; Lihat juga Dokumentasi Akad Deposit *Muḍārabah* no. 009106/02/20/XI/2013, Bank Aceh Syariah Langsa, Aceh, Indonesia melalui mesyuarat Direksi no. 237/04/DIR/PJ/X/2010.


¹⁸¹ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 5:3927.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū 'Abbās Aḥmad bin Hamzah al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, 5:219.; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 5: 175.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhdhab*, 15:175.; Muḥammad Amīn Ibn Ābidīn, *Rad al-Mukhtār Alā Dur al-Mukhtār*, 3: 667.; Abi al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Mu'assasah al-Ma'ārif, 2006), 657.

4.5 ANALISIS SISTEM TRANSAKSI PELABURAN *AL-MUḌĀRABAH* YANG DIAMALKAN OLEH BANK ACEH SYARIAH, ACEH

Dalam transaksi pelaburan *al-MuḌārabah* yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, masyarakat dapat memiliki akaun deposit *al-MuḌārabah*. Ini merupakan bentuk pelaburan yang dapat dilakukan pada masa yang tidak terhad. Akaun deposit pelaburan yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah adalah akaun deposit yang berasaskan *al-MuḌārabah al-Muṭlaqah* iaitu, transaksi perbankan antara pemilik dana (*Ṣahib al-Māl*) dan pihak Bank Aceh Syariah sebagai *MuḌārib* yang tidak terhad jenis usaha, masa dan tempat.¹⁸²

Berdasarkan hasil temubual dengan bahagian perkhidmatan pelanggan pada Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh¹⁸³ sistem transaksi akad *al-MuḌārabah Muṭlaqah* secara am yang dijalankan di Bank Aceh Syariah, Langsa, Aceh adalah seperti mana yang telah digambarkan dalam rajah berikut ini:

Rajah 4.3. Aliran Dana Akaun Deposit *al-MuḌārabah* dan Akaun Semasa *al-MuḌārabah* Bank Aceh Syariah, Aceh.



Sumber: *Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia (20012)*.

¹⁸² Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Dawābiṭ al-Shar' iyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 470.

¹⁸³ Ahmad Mirza (Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.

Rajah di atas menggambarkan operasi pelaburan yang berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah Cawangan, Aceh. Pelabur menandatangani wang di bank dengan menggunakan akaun deposit *al-Muḍārabah* dan akaun semasa *al-Muḍārabah*. Manakala pihak bank akan menjelaskan peratusan perolehan keuntungan yang akan didapatkan oleh pelabur. Selanjutnya pihak bank akan menyalurkan wang tersebut kepada usahawan yang memerlukan dana dalam menjalankan usaha yang menguntungkan dan halal. Setelah menjalankan usahanya, keuntungan yang diperolehi akan dikongsikan antara bank dan pengusaha mengikut peratus yang telah disepakati. Kemudian pengurus dana akan membayar modal semula kepada pihak bank bersamaan dengan pembayaran wang perkongsian untung kepada bank samada secara tunai mahupun secara ansuran. Setelah bank menerima pembayaran modal dan wang perkongsian, pihak bank akan membayar wang pelabur jika akad sudah tamat dan bersamaan dengan pembahagian wang perkongsian untung yang diperolehi kepada pelabur.¹⁸⁴

Sistem transaksi di atas, menurut penulis sistem transaksi *al-Muḍārabah* yang tidak bercanggah dengan hukum fiqh Islam. Dalam sistem transaksi di atas, Wahbah Zuhaili mengisytiharkan pada *Ṣāhib al-Māl* dan *al-Muḍārib* semestinya memahami hukum *al-Taukīl* dan *Wikālah*.¹⁸⁵ Dalam mengurus modal tersebut, *al-Muḍārib* sebagai perwakilan daripada *Ṣāhib al-Māl*. Disamping itu juga tidak disyaratkan pada kedua-duanya bergama Islam. Maka oleh itu, sah transaksi *al-Muḍārabah* antara seorang Muslim dengan kafir *zimmi* dan kafir *musta'min* yang tinggal di Negara Islam.

¹⁸⁴ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.; Ahmad Mirza (Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.

¹⁸⁵ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:848.; Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Dawābiṭ al-Shar'īyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 470.

Sebaliknya, madhhab al-Mālikī mengatakan makruh transaksi antara Muslim dan kafir apabila tidak melakukan transaksi yang diharamkan oleh Islam.¹⁸⁶

Tambahan pula, Majelis Ulama Indonesia telah mengeluarkan fatwa mengenai sistem transaksi dalam akad *al-Muḍārabah*. Dalam fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) No: 02/DSN-MUI/IV/2000, tentang deposit dan ketentuan am deposit yang berasaskan *al-Muḍārabah*, dinyatakan bahawa dalam transaksi akad *al-Muḍārabah*, pelanggan bertindak sebagai *Ṣāhib al-Māl* atau pemilik dana dan bank bertindak sebagai *al-Muḍārib* atau pengurus dana. Dalam fatwa ini juga dikatakan bahawa bank dapat melakukan pelbagai usaha yang tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Selanjutnya pengagihan keuntungan perlu dinyatakan dalam bentuk nisbah dan ditetapkan dalam akad di awal pembukaan akaun dan pihak bank tidak dibenarkan mengurangkan nisbah keuntungan pelanggan tanpa persetujuan berkenaan.¹⁸⁷

Menurut pandangan penulis transaksi *al-Muḍārabah* yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah adalah bersesuaian dengan Syariah Islam, kerana transaksi tersebut bersifat produktif, menguntungkan dan halal.¹⁸⁸ Transaksi ini juga bersesuaian dengan fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia. Oleh itu, Bank Aceh Syariah merupakan bank yang mengamalkan prinsip transaksi akad *al-Muḍārabah* yang sesuai dengan Syariah dari aspek sistem transaksi yang dilakukan oleh pendeposit dan pengurus kewangan dalam mendapatkan pulangan khasnya dalam transaksi pelaburan

¹⁸⁶ *Ibid.*

¹⁸⁷ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:8.; Lihat. Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) no. 02/DSN-MUI/IV/2000.

¹⁸⁸ Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar‘iyyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 470.; Wahbah Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4:848.

samada akaun deposit *al-Muḍārabah*, akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* mahupun pelaburan lainnya.

4.6 ANALISIS SISTEM PENGAGIHAN KEUNTUNGAN PADA DEPOSIT AL-MUḌĀRABAH DI BANK ACEH SYARIAH

Dalam sistem perkongsian keuntungan, Bank Aceh Syariah mempunyai standard pembukaan akaun deposit untuk semua pelanggan iaitu deposit sebanyak Rp 20.000 (dua puluh ribu Rupiah). Dan untuk dibawah standard tersebut pelanggan tidak mendapatkan perkongsian pada setiap bulannya. Perkongsian keuntungan akan diberikan oleh Bank Aceh Syariah (*al-Muḍārib*) dilakukan melalui proses perkiraan pendapatan setelah mendapatkan pulangan daripada pelbagai yang dilakukan oleh bank pembiayaan.¹⁸⁹

Perkiraan nisbah perkongsian akan didahului dengan langkah-langkah awal penentuan perkongsian. Bank Aceh Syariah telah menetapkan nisbah perkongsian untuk deposit *al-Muḍārabah* sebanyak 52 % (lima puluh dua peratus) untuk *Ṣāhib al-Māl* dan 48% (empat puluh lapan peratus) untuk *al-Muḍārib* (Bank Aceh Syariah). Langkah selanjutnya ialah pengiraan baki purata deposit pelanggan dan mengira jumlah pendapatan Bank Aceh Syariah. Pendapatan Bank Aceh Syariah diperolehi dari keuntungan produk pembiayaan, *Wakalah* dan pendapatan lainnya. Pengiraan pendapatan menggunakan pendekatan perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) iaitu, agihan pendapatan yang dikira berdasarkan pendapatan keseluruhan.¹⁹⁰

¹⁸⁹ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah, Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.

¹⁹⁰ *Ibid.*; Syamsul Falah, "Pola Bagi Hasil pada Perbankan Syari'ah" (Seminar Ekonomi Islam, Jakarta, 20 Ogos, 2003).

Manakala dalam pengagihan perkongsian bagi akaun deposit *al-Mudārabah* yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah diagihkan kepada pelanggan melalui menambahkan pada akaun deposit milik pelanggan.¹⁹¹ Dalam penentuan perolehan perkongsian akaun deposit *al-Mudārabah* pada Bank Aceh Syariah tidak terhad dengan jumlah hari dalam melaburkan dana daripada pelanggan. Namun Bank Aceh Syariah hanya memberikan standard minimum jumlah baki deposit pelanggan sebanyak Rp 20.000 (dua puluh ribu Rupiah). Dengan demikian, pelanggan yang bertransaksi pada akhir bulan dengan minimum baki simpanan Rp 20.000 akan mendapatkan perkongsian pada akhir bulan agihan pendapatan. Namun perolehan besarnya perkongsian disesuaikan dengan jangka masa transaksi.

Dalam tempoh tiga tahun (2010-2012), sistem yang diguna pakai oleh Bank Aceh Syariah Aceh mendapatkan kepercayaan dari pelanggan. Hal ini terbukti jumlah deposit Bank Aceh Syariah mengalami peningkatan yang sangat tinggi. Dengan demikian mekanisme pengagihan keuntungan merupakan perkongsian pendapatan yang menguntungkan bagi masyarakat dan juga memudahkan bagi pihak bank mengagihkan hasil daripada pelaburan yang dibiayai oleh pihak ketiga.¹⁹²

Sistem perkongsian yang diaplikasikan dalam Bank Aceh Syariah tersebut merupakan konsep asas yang membezakan dengan bank konvensional yang menawarkan kadar faedah yang tinggi agar dapat menarik minat masyarakat untuk menandatangani wang di bank tersebut. Di samping itu, sistem perkongsian yang diguna pakai adalah sistem perjanjian dalam melakukan kegiatan perusahaan.

¹⁹¹ Ahmad Mirza (Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.

¹⁹² *Ibid.*

Penulis telah menemubual Ketua Pengarah Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh, M. Hendra Supardi dan pegawai bahagian perkhidmatan pelanggan Bank Aceh Syariah berkenaan dengan sistem perkongsian akaun deposit *al-Muḍārabah* yang diguna pakai oleh Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa, Aceh. Beliau menyatakan bahawa sistem perkongsian berasaskan sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*).¹⁹³ Sistem ini mempunyai definisi bahawa adanya perkongsian pendapatan atau pendapatan antara *Ṣāhib al-Māl* (pendeposit) dengan *Muḍārib* (Bank Aceh Syariah) sebelum ditolak kos-kos pengurusan bank. Jika pihak ada kerugian maka, kerugian tersebut atas pemodal apabila kerugian tersebut disebabkan bukan kerana kelalaian bank dalam menguruskan akaun deposit.¹⁹⁴ Selanjutnya keuntungan yang didapati dari perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) diagihkan kepada ahli pelanggan adalah pendapatan yang belum ditolak dengan kos-kos operasi bank. Penentuan besar kecilnya keuntungan di Bank Aceh Syariah, Aceh memberi kesan bahawa operasi pelaksanaan perbankan Islam telah dilaksanakan di Bank Aceh Syariah secara keseluruhan.¹⁹⁵

Sebenarnya, sistem perngagihan keuntungan yang digunapakai dalam perbankan Islam adalah sistem perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*), kerana dalam sistem tersebut didapati sangat menyentuh seluruh aspek samada positif mahupun normatif dalam sebuah aktiviti ekonomi Islam. Maka pada awal operasi perbankan Islam, perkongsian yang digunakan adalah pendekatan *profit and loss sharing* kerana ia bersesuaian dengan prinsip Syarak. Selain itu, pendekatan ini juga sesuai dengan *qaul*

¹⁹³ *Ibid.*

¹⁹⁴ M. Hendra Supardi (Ketua Bank Aceh Syariah Cawangan Langsa), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013.; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Imām Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhdhab*, 15:175.

¹⁹⁵ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:14. Lihat. Fatwa Dewan Syariah Nasional no. 15/DSN-MUI/IX/2000 Tentang Prinsip Hasil Usaha Dalam Lembaga Keuangan Syariah.

azhar Imām Shāfi'ī, madhhab Abū Ḥanīfah, madhhab Mālikī.¹⁹⁶ Tambahan pula pendekatan ini lebih dikenal dan digunapakai dalam sistem perbankan Islam.

Namun, Bank Aceh Syariah, Aceh mengguna pakai sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*), dengan alasan pelanggan tidak akan dirugikan. Selain itu kerana dalam sistem *profit and loss sharing*, apabila pelanggan mendapatkan kerugian dalam usahanya, pelanggan membayar perkongsian melalui pendapatannya sendiri. Oleh itu, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia melalui fatwanya membenarkan perbankan Islam untuk menggunakan pendekatan *revenue sharing* dalam perkongsian keuntungan.¹⁹⁷ Sebagai pertimbangannya adalah melalui pendekatan ini, pihak bank Islam dapat bersaing dengan bank konvensional. Kelebihan daripada pendekatan *Revenue Sharing* adalah mementingkan masalah umat.

Setelah penulis kaji sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) yang diamalkan oleh Bank Aceh Syariah tidak bercanggah dengan sistem perkongsian mengikut Syariah Islam,¹⁹⁸ kerana prinsip perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) adalah bahagian daripada kemaslahatan umat.¹⁹⁹ Di samping itu juga, untuk mengelakkan risiko kesalahan dalam penggunaan dana oleh pelanggan melalui pendekatan *profit and loss sharing*. Dengan demikian, prinsip perkongsian pendapatan

¹⁹⁶ Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhhab*, 15:175.

¹⁹⁷ Lihat Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) no. 15/DSN-MUI/IX/2000 tentang pengagihan keuntungan. Adapun fatwa tersebut adalah 1). Perkongsian keuntungan pada institusi kewangan Syariah dapat menggunakan prinsip perkongsian keuntungan (*profit sharing*) dan perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) dalam pengagihan keuntungan usaha antara pemilik modal dan pengurus modal. 2). Apabila dilihat dari segi masalah (*al-aslah*) pada masa ini, pengagihan keuntungan usaha lebih baik menggunakan prinsip perkongsian pendapatan (*revenue sharing*). 3). Penetapan prinsip pengagihan keuntungan usaha mesti disepakati pada awal akad.

¹⁹⁸ Naṣr Muḥammad al-Salāmī, *al-Ḍawābiṭ al-Shar'iyah li al-Istithmār: Dirāsah wa Taṭbīq*, 479.

¹⁹⁹ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:14.; Lihat. Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) no. 15/DSN-MUI/IX/2000 tentang prinsip pengagihan perkongsian keuntungan dalam institusi kewangan Syariah.

(*revenue sharing*) dapat digunakan dalam institusi kewangan Syariah. Prinsip ini juga bersesuaian dengan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) tentang prinsip pengagihan keuntungan dalam institusi kewangan Syariah yang menyatakan bahawa pada asasnya institusi kewangan Syariah mesti menggunakan prinsip *revenue sharing* maupun *profit and loss sharing* dalam pengagihan hasil usaha. Apabila dilihat dari masalah (*al-Aṣlāh*) masa sekarang ini, pengagihan keuntungan usaha sebaiknya digunakan prinsip *revenue sharing*.²⁰⁰

Dalam al-Qur'ān pun telah dinyatakan keharusan kegiatan muamalat Islam dan apabila menjalankan transaksi kewangan mesti di tulis. Selain itu, al-Qur'ān juga memrintahkan patuh kepada akad yang telah disepakati dan terikat dengan syarat-syarat tertentu selama syarat itu tidak menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Dalam Hadith pun telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW tentang larangan memudaratkan orang lain dan diri sendiri. Dalam kaedah fiqh pun dijelaskan asas dalam muamalat adalah harus kecuali ada dalil yang mengharamkannya. Imām Shāṭibī menjelaskan hukum Allah SWT berasaskan masalah.²⁰¹ Kemaslahatan dalam aktiviti ekonomi mengandung makna bahawa aktiviti ekonomi yang dilakukan atas asas masalah akan mendatangkan manfaat dan keberkahan. Dengan demikian, seluruh aktiviti ekonomi yang mengandung kemaslahatan bagi umat manusia sebagai keperluan (*needs*), keperluan (*fulfilling needs*) adalah tujuan aktiviti ekonomi Islam.²⁰²

Adapaun pandangan madhhab tentang keharusan menguna pakai prinsip perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) didapati dalam pandangan *muqabbil al-*

²⁰⁰ *Ibid.*

²⁰¹ Abī Ishāk Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Lakhamī al-Gharnāṭī al Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīah* (Kaherah: Maktabah Usrah, 2006), 2:4.

²⁰² Muslimin Kara, "Pemikiran Al-Syatibi Tentang Masalah Dan Implementasinya Dalam Pengembangan Ekonomi Syariah," *ASSETS* 2, no. 2 (2012), 180.; Adiwarman Azwar Karim, *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*, ed. ke-3 (Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2006), 386.

Aḏhar Imām Shāfi'ī ḏān Imām Ḥambalī,²⁰³ yang menyatakan bahawa *al-Muḏārib* tidak dibenarkan menggunakan dana *al-Muḏārabah* sebagai kos pengurusan dana samada dalam keadaan menetap maupun dalam perjalanan kerana *al-Muḏārib* telah mendapat perkongsian keuntungan. Maka *al-Muḏārib* tidak berhak mengambil dana *al-Muḏārabah* kerana telah mendapatkan agihan dari dana tersebut. Pandangan *Muqabbil al-Aḏhar* Imām Shāfi'ī adalah pandangan kedua Imām Shāfi'ī dan dapat digunakan sebagai *Hujjah* dalam praktik muamalat Islam. Pandangan ini dikuatkan oleh fatwa Dewan Syariah Majelis Ulama Indonesi (DSN-MUI) di pandang dari sudut masalah (*al-Aḥlah*) diantara dua sistem tersebut.²⁰⁴

Merujuk kepada huraian diatas dapat disimpulkan bahawa sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) yang dijalankan di Bank Aceh Syariah dalam pengagihan keuntungan samada dalam akaun deposit *al-Muḏārabah*., deposit semasa *al-Muḏārabah* mahupun pelaburan *al-Muḏārabah* adalah selari dengan pandangan dengan Syarak.

4.7 KESIMPULAN

Pada bab ini penulis menjelaskan tentang analisis aplikasi akad *al-Muḏārabah* pada Bank Aceh Syariah, Indonesia yang operasinya berasaskan prinsip fiqh muamalah Islam. Perkhidmatan deposit merupakan produk unggulan yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah dalam mengaplikasikan akad *al-Muḏārabah* samada dalam akaun deposit *al-Muḏārabah*, akaun semasa *al-Muḏārabah* mahupun akaun pelaburan *al-Muḏārabah*. Ini adalah sebahagian daripada bentuk aktiviti dalam institusi kewangan Islam.

²⁰³ Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 3:413.; Imām Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Sharḥ al-Mahdhhab*, 15:175.

²⁰⁴ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia, *Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia*, ed. Ke-4, 1:8.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank tersebut merupakan bahagian daripada perkhidmatan yang sangat menguntungkan kedua belah pihak samada pendeposit mahupun pengurus dana. Bank Aceh Syariah setakat ini telah melakukan hal itu untuk meningkatkan aktiviti ekonomi masyarakat yang menguntungkan dan halal untuk mendapatkan kejayaan umat Islam dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam. Oleh itu, pelbagai aktivi yang telah dilakukan oleh bank dalam perkhidmatan pendepositan dana samada dalam pembukaan akad *al-Muḍārabah*, kedudukan dana deposit *al-Muḍārabah* dan deposit semasa *al-Muḍārabah*, peruntukan dana deposit *al-Muḍārabah* kepada usahawan, transaksi akad *al-Muḍārabah* dan sistem pengagihan perkongsian pendapatan dan keuntungan yang telah dijalankan oleh bank tidak bertentangan dengan prinsip Syariah Islam dan serta prinsip ekonomi Islam.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 KESIMPULAN

Perbankan Islam di Indonesia dimunculkan pada tahun 1988 ketika kerajaan mengeluarkan keputusan dalam industri perbankan. Para ulama Indonesia ketika itu berusaha untuk menubuhkan perbankan tanpa faedah. Setelah pelaksanaan mesyuarat Negara V tahun 1990, Majelis ulama Indonesia membentuk kumpulan untuk menubuhkan bank Islam di Indonesia dan akhirnya tertubuh pada 1 November 1991. Setelah dikuatkuasakan Undang-Undang Perbankan Islam (UUPI) No. 21 pada 16 Julai 2008, maka pembangunan industri perbankan Islam di Indonesia sudah mempunyai landasan yang kuat bagi menyokong perkembangan perbankan Islam di Indonesia. Dengan demikian, perkembangan perbankan Islam amat meningkat khasnya di Negeri Aceh.

Kegiatan ekonomi yang berasaskan Islam amatlah digalakkan bagi mendapatkan keberkahan dalam hidup ini. Akad *al-Muḍārabah* merupakan sebuah transaksi yang digalakkan oleh fiqh muamalah Islam. Kerana ia merupakan transaksi pelaburan dana dengan menggunakan prinsip *al-Muḍārabah*. Disamping itu, Islam telah melarang dan menegah pelbagai cara mendapatkan wang dengan cara yang diharamkan, akad *al-Muḍārabah* adalah sebuah solusi bagi mengelakkan penggunaan faedah bank.

Antara bank yang mengamalkan prinsip *al-Muḍārabah* adalah Bank Aceh Syariah, yang ditubuhkan pada 2004. Bank ini merupakan bank yang terpecaya serta dapat memberikan nilai baik dalam perkhidmatan kepada masyarakat. Selain itu, dapat

membantu dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan dalam rangka meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui peningkatan pembiayaan dana kepada masyarakat.

Bank Aceh Syariah di kawasan Langsa telah menawarkan pelbagai perkhidmatan dalam produk deposit *al-Muḍārabah*. Operasi yang dijalankan oleh bank tersebut samada perkhidmatan deposit akaun deposit *muḍārabah*, akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* mahupun akaun deposit pelaburan *al-Muḍārabah* lainnya. Ini adalah sebahagian daripada bentuk aktiviti dalam institusi kewangan tersebut. Perkhidmatan produk deposit yang ditawarkan oleh Bank Aceh Syariah merupakan bahagian perkhidmatan yang sangat menguntungkan kedua belah pihak samada pendeposit mahupun pengurus dana. Bank Aceh Syariah setakat ini telah melakukan hal itu untuk meningkatkan aktiviti ekonomi masyarakat yang menguntungkan dan halal untuk mendapatkan kejayaan umat Islam dalam mengoperasikan sistem kewangan Islam.

Oleh itu, segala aktiviti yang telah dilakukan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, Indonesia dalam perkhidmatan deposit *al-Muḍārabah*, kedudukan akaun deposit *al-Muḍārabah*, transaksi akad pada pelaksanaan pelaburan akaun deposit *al-Muḍārabah* dan pengagihan perkongsian pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh bank tersebut tidak bertentangan dengan prinsip Syarak dan pandangan ulama mazhab fiqh yang muktabar serta pendapat ulama moden.

5.2 CADANGAN

Dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat yang lebih tepat dan luas tentang perniagaan dan amalan sistem perbankan Islam khususnya mengenai akad *al-Muḍārabah* yang dijalankan oleh Bank Aceh Syariah, bank perlu menggalakkan promosi kepada masyarakat dalam seminar, ceramah, iklan samada melalui media elektronik mahupun media cetak. Dengan demikian, masyarakat akan lebih tahu dan mengenalpasti tentang pelaksanaan sistem perbankan Islam di bank tersebut.

Bank Aceh Syariah, Aceh juga diharapkan untuk memfokuskan memberikan kemudahan kepada pelanggan yang men deposit wangnya di bank Islam yang berkenaan samada perkhidmatan akaun deposit *al-Muḍārabah*, akaun deposit semasa *al-Muḍārabah* mahupun perkhidmatan lainnya. Dengan itu, pelanggan mendapatkan perlakuan yang baik dalam perkhidmatan yang ditawarkan.

Selanjutnya, sebaiknya pelaksanaan pembiayaan mesti dilaksanakan oleh Bank Aceh Syariah, Aceh, secara menyeluruh, kerana pembiayaan mempunyai sifat sosial, tolong menolong sesama, walaupun bank mempunyai alasan sendiri untuk setakat ini belum boleh menjalankan produk tersebut dengan maksimum. Disamping itu, pembiayaan yang berkualiti dapat membangun industri perbankan Syariah yang memberikan manfaat dan nilai tambah kepada pelanggan dan dapat meningkatkan ekonomi umat.

Seterusnya, bank Islam di Indonesia khasnya Bank Aceh Syariah yang mengguna pakai sistem perkongsian pendapatan (*revenue sharing*) dalam pengagihan keuntungan untuk merubah dan mengguna pakai kepada sistem perkongsian keuntungan

(*profit and loss sharing*). Walaupun sebahagian ulama membolehkan sistem tersebut, namun untuk lebih searah dengan pandangan jumhur ulama lebih baik digunakan sistem perkongsian keuntungan (*profit and loss sharing*). Kerena telah banyak didapati pandangan ulama dalam kitab klasik tentang keaharusan menggunakan prinsip perkongsian keuntungan tersebut dalam akad *al-Muḍārabah*.

Selain itu, Aceh merupakan Negeri yang majoriti penduduknya beragama Islam, kerajaan Aceh amatlah menyokong supaya sistem perbankan Islam dapat diamalkan dalam semua institusi kewangan di Negeri Aceh. Oleh itu, sepatutnya sistem perbankan Islam juga diamalkan oleh masyarakat Aceh dalam melakukan kegiatan ekonomi ataupun dalam melakukan transaksi-transaksi urusanniaga mereka.

Selanjutnya, untuk meningkatkan perkembangan perbankan Islam di Aceh secara menyeluruh, bank Aceh Syariah perlu membuka pejabat cawangan baru untuk melakukan pendekatan yang lebih mendalam tentang produk-produk yang ditawarkan oleh bank, dan dapat memberikan manfaat daripada produk itu kepada masyarakat khususnya masyarakat di kawasan perkampungan di Aceh.

Keseluruhan cadangan ini akan memberikan pulangan bagi meningkatkan dan memajukan operasi deposit berasaskan prinsip *al-Muḍārabah* bagi memajukan aktiviti ekonomi masyarakat negeri Aceh secara menyeluruh.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ān

Rujukan Buku Bahasa Melayu:

- Adiwarman Azwar Karim. *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*, ed. ke-3. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2006.
- Amran Zamzami. *Jihad Akbar di Medan Area*. Jakarta: Bulan Bintang, 1990.
- Ghafarullahuddin Din et al. *Ekonomi Islam: Kertas Kerja Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam Siri ke III*. Selangor: Asni Sdn. Bhd., 2000.
- Heri Sudarsono. *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah*. Yogyakarta: Ekonisia, 2003.
- Kamus Dewan*. ed. ke-1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Kamus Pelaburan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- M. Umer Chapra. *Towards a Just monetary Sistem: Kearah Sistem Kewangan yang Adil*, terj. Ismail Bin Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Muchamad Pemadi. *Sejarah dan Doktrin Bank Islam*. Jogjakarta: Kutub, 2005.
- Muhammad Abdul Manan. *Islamic Economics: Theory & Practice: Teori dan Amalan Ekonomi Islam*, terj. Radiah Abdul Kader. Kuala Lumpur: Dhana Bakti Primayasa, 1997.
- Muhammad dan R. Lukman Fauroni. *Visi al-Qur'an tentang Etika dan Bisnis*. Jakarta: Salemba Diniyah, 2002.
- Muhammad Syafi'i Antonio. *Bank Syari'ah bagi Bankir dan Praktisi Keuangan*, ed. ke-1 Jakarta: Tazkia Institut, 1999.
- Muhammad. *Metodologi Penelitian Ekonomi Islam: Pendekatan Kuantitatif (Dilengkapi dengan Contoh-contoh Aplikasi: Proposal Penelitian dan Laporannya)*. Jakarta: Rajawali Pers, 2008.
- Munrokhim Misanan, et al. *Ekonomi Islam*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2008.
- Mustafa Haji Daud. *Pemikiran Politik dan Ekonomi Al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Rosalan Haji Ali. *Pelaburan, Penilaian dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

- Rosalan Haji Ali. *Pelaburan: Penilaian dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Sudin Haron. *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996.
- Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Tim Pengembangan Syari'ah Institut Bankir Indonesia. *Konsep, Produk dan Implementasi Operasional Bank Syari'ah*. Jakarta: Djambatan, 2002.
- Wiroso. *Penghimpunan Dana dan Distribusi Hasil Usaha Bank Syariah*. Jakarta: PT Grasindo, 2005.
- Zainul Arifin. *Dasar-dasar Manajemen Bank Syari'ah*. Jakarta: Alvabet, 2002.

Rujukan Buku Bahasa Arab:

- Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu'ād. *al-Lu'lu' wa al-Marjān fī Mā ittafāq 'Alaih al-Shaykhāni*. Kuwait: Ṭibā'ah al-Maṭba'ah al-'Aṣriyyah, 1977.
- Abū Yūsuf, Ya'qūb bin Ibrāhīm. *al-Kharrāj*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1979.
- Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn Maḥmud. *Rūh al-Ma'āni fī Tafṣīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa Sabī'u Mathānī*. Jilid ke-14. Beirut: Dār al-Fikr, 2001.
- Al-'Arabī Al-Mālikī, Al-Imām Ibn. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Jilid ke-3. ed. ke-1. Mesir: al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah, 1931.
- Al-Baghāwī, Imām Ḥusain. *Tafṣīr al-Baghāwī*. Jilid ke-1. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986.
- Al-Bājī, Abī al-Walīd Sulaimān bin Khalāf. *al-Muntaqā Sharḥ al-Muwatṭā*. Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.
- Al-Bānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. *Dā'if Sunān Ibn Mājah*. Beirut: Maktab al-Islāmī, 1988.
- Al-Barāwī, Rashīd. *al-Mausū'ah al-Iqtisādiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1987.
- Al-Dusūqī, Shams al-Dīn al-Shaykh Muḥammad 'Arafah. *Ḥāshiyyah al-Dusūqī 'Alā al-Sharḥ al-Kabīr*. Jilid ke-3. Beirut: Dār al-Fikr, 1998.
- Al-Fairūz Ābādī, Mujid al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Jilid ke-1. Kaherah: Mu'asasah al-Ḥalābī wa Shirkāhu li al-Naṣr wa al-Tauzī', t.t.

- Al-Ghazālī, Abū al-Hamīd. *Muqaddimah fī al-Iqtisādiyyah al-Kulīyyah*. Kaherah: Dār al-Jāmi‘ah al-Maṣriyyah, 1977.
- Alī ‘Abd al-Rasūl. *al-Mābādī’ al-Iqtisādiyyah fī al-Islāmī wa al-Binā’i al-Iqtisādī li al-Daulah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-Arābī, 1980.
- Al-Jalīl Al-Marghīnānī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Bakr bin. *al-Hidāyah Sharḥ al-Hidāyah*. Beirut: al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t.
- Al-Jazīrī, ‘Abd al-Raḥmān. *al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Jilid ke-2, ed. ke-5. Kaherah: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t.
- Al-Namrī, Khalāf bin Sulaimān. *Shirkāt al-Istithmār fī Iqtisād al-Islāmī*. Iskandariyyah: Mu‘assasah Shabāb al-Jāmi‘ah, 2000.
- Al-Kanānī al-‘Aṣqalānī, Aḥmad bin ‘Alī Muḥammad. *al-Talkhīs al-Ḥabīr*. Kaherah: Mu‘assasah Qurṭubah, 1995.
- Al-Kāsānī, Alā’ al-Dīn Abū Bakr bin Mas‘ūd. *Badā’i al-Ṣanā’i fī Tartīb al-Sharā’i*. Jilid ke-6. Beirut: Dār al-Kitāb al-Arābī, 1986.
- Al-Khāṭīb Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad. *Mughnī al-Muḥtāj*. Jilid ke-2. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997.
- _____. *Mughnī al-Muḥtāj*. Jilid ke-3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Khazan, Imām ‘Alī. *Labāb al-Ta’wīl fī Ma‘āni al-Tanzīl*. Jilid ke-1. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Al-Māwardī, Abī Ḥasan Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb. *al-Muḍārabah*, ed. ke-1. Mesir: Dār al-Wafā’, 1989.
- Al-Nawāwī, Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharf. *al-Majmu‘ Sharḥ al-Mahdhhab*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1995.
- _____. *al-Majmu‘ Sharḥ al-Mahdhhab*. Jilid ke-15. Beirut: Maktabah Irshād, t.t.
- _____. *Saḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Jilid ke-11. Kaherah: Ṭibā‘ah Īsā al-Ḥalābī, t.t.
- _____. *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*. Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.
- _____. *Saḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Jilid ke-11. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Maṣriyyah wa Maktabatuhā, 1924.
- Al-Qal‘ahjī, Muḥammad Rawwās. *Mabāḥith fī al-Iqtisād al-Islāmī Min Usūlihi al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Nafā’is, 1997.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsūf. *Dūr al-Qaīm wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī*, ed. ke-1. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.

- Al-Qarāfī, Al-Imām al-‘Alāmah Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. *Sharḥ Tanqīh al-Fuṣūl fī Ikhtiṣār al-Maḥṣūl fī Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007.
- _____. *Sharḥ Tanqīh al-Fuṣūl fī Ikhtiṣār al-Maḥṣūl fī Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007.
- Al-Qurṭūbī, Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr. *al-Jāmi‘u al-Aḥkām al-Qur’ān*. Jilid ke-21. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2006.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū ‘Abbās Aḥmad bin Hamzah. *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minḥāj*. Jilid ke-5. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.
- Al-Rāzī, Al-Fakhr. *al-Tafsīr al-Kabīr*. ed. ke-1. Mesir: al-Itizām ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad, t.t.
- Al-Rāzī, Muḥammad bin Bakr bin ‘Abd al-Qādir. *Mukhtār al-Ṣihāh*. Beirut: Dār al-Kitāb ‘Arabī, 1967.
- Al-Sahī, Shawqī ‘Abduh. *al-Māl wa Ṭurūq fī Istithmār fī al-Islām*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Ja’īsh, 1984.
- Al-Sarakhsī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Ṣaḥal. *al-Mabsūṭ*. Jilid ke-22. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.
- _____. *al-Mabsūṭ*. Jilid ke-12. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1978.
- Al-Sāwī, Muḥammad Ṣalaḥ Muḥammad. *Musykilah al-Istithmār fī al-Bunūk al-Islāmiyyah wa Kaifa ‘Alijaha al-Islām*. Kaherah: Dār al-Wafā’, t.t.
- Al-Sayyīd Al-Kafrāwī, As‘ad ‘Abd al-Ghānī. *al-Istidlal ‘Inda al-Uṣūliyyīn*. Kaherah: Dār al-Salām, 2002.
- Al-Shātibī, Abi Ishāk Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmī al-Gharnāṭī. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*. Kaherah: Maktabah Usrah, 2006.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad. *Tafsīr Faṭḥ al-Qādīr al-Jāmi‘u Baina Fannī al-Riwāyah wa Dirāyah Min ‘Ilm al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Kalam al-Tayyīb, 1993.
- _____. *Tafsīr Faṭḥ al-Qādīr al-Jāmi‘u Baina Fannī al-Riwāyah wa Dirāyah Min ‘Ilm al-Tafsīr*. Jilid ke-5. Mesir: Shirkah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Aulādahu, 1963.
- _____. *Nayl al-Awtār Sharḥ Muntaqā al-Akhābr Min al-Aḥādīth Sayyīd al-Akhyār*. Jilid ke-5. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1998.
- _____. *Faṭḥ al-Qādīr al-Jāmi‘u Bayna al-Riwāyah wa al-Dirāyah Min ‘Ilm al-Tafsīr*. Jilid ke-1. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shīrāzī. *al-Mahadhdhab*. Jilid ke-1. Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1958.

- Al-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Saurah. *Sunān al-Tirmidhī*. Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī, t.t.
- Al-Zabīdī, Al-Imām Zayn al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Laṭīf. *Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ke-2. Riyāḍ: Dār al-Mawā‘id, 2002.
- Al-Zuhailī, Wahbah. *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Jilid ke-4. ed. ke-3. Damshiq: Dār al-Fikr, 1989.
- _____. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Jilid ke-5. Damshiq: Dār al-Fikr, 2002.
- Fu’ād ‘Abd Allāh al-‘Umar. *Muqaddimah fī Tārīkh al-Iqtisād al-Islāmī wa Taṭwīruhu*. Jeddah: al-Bank al-Islāmī li al-Tanmiyyah, al-Ma‘had al-Islāmī li al-Buhūth wa al-Taḍrīb, 2003.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amin. *Rad al-Mukhtār Alā Dur al-Mukhtār*. Jilid ke-5. Kaherah: Dār al-Fikr, 1992.
- Ibn al-Tilmisānī, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Alī Sharīf al-Dīn Abū Muḥammad al-Fiḥrī al-Maṣrī. *Sharḥ al-Ma‘alim fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-1. Beirut: ‘Ālim al-Kutub, 1999.
- Ibn Ḥajar Al-‘Asqalānī. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar*. Jilid ke-4. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, t.t.
- Ibn Jarīr al-Ṭabarī, Abī Ja’far Muḥammad. *Tafsīr al-Ṭabarī Jamī‘u al-Bayān ‘An Ta’wīl Ayī al-Qur’ān*. Jilid ke-7. Damshiq: Dār al-Qalam, 1997.
- Ibn Kathīr al-Qurshī, Imām Abī Fidā’ Ismā‘īl. *al-Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Jilid ke-4. Kaherah: Maktabah Zahrān, t.t.
- _____. *al-Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Jilid ke-1. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arābi, 1994.
- Ibn Mājah, Muḥamad bin Yazīd al-Qazwinī. *Sunān Ibn Mājah*. Jilid ke-2. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Ibn Manzūr, al-‘Alāmah Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram. *Lisān al-‘Arabi*. Jilid ke-1. Beirut: Dār Ṣādir, 1990.
- Ibn Qudāmah. *al-Kāfi fī Fiqh Aḥmad Ibn Ḥanbal li Ibn Qudāmah al-Muqaddasī*. Jilid ke-2. Kaherah: Maktabah al-Islāmī li al-Ṭibā‘ah wa al-Naṣr, t.t.
- _____. *al-Mughnī*. Jilid ke-5. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Ibn Rushd, Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.
- _____. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004.
- _____. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Beirut: Mu’assasah al-Ma‘ārif, 2006.

- Ibn Taymiyyah, Shaykh al-Islām al-Imām. *al-Fatāwā al-Kubrā*. Jilid ke-4. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Maḥmūd ‘Abd al-Karīm Aḥmad Irshīd. *al-Shāmil fī Mu‘āmalat wa ‘Amāliat al-Maṣārif al-Islāmiyyah*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 2001.
